

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 12

Selasa

10 Julai 2012

K A N D U N G A N

PEMSYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Kebenaran Bercuti

(Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2012

(Halaman 29)

USUL:

Menangguhkan Mesyuarat di Bawah Peraturan Mesyuarat 15(3)

(Halaman 88)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

- Dasar Ladang Kelapa Sawit Untuk Menyokong Penternakan
- *YB Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah*

(Halaman 88)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
Selasa, 10 Julai 2012
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

KEBENARAN BERCUTI

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Majlis Mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor, daripada 9 Julai hingga 17 Julai 2012.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Boon Som a/l Inong** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk melindungi ekonomi negara daripada kesan impak krisis *eurozone*. Bagaimanakah kerajaan ingin memberangsangkan ekonomi tempatan dalam jangka pendek dan panjang.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah ekonomi terbuka, keadaan sekitaran luar yang tidak menentu termasuk krisis hutang Kerajaan Eropah yang berlarutan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui impak pasaran kewangan dan aliran perdagangan. Namun demikian keadaan ini dijangka memberi impak yang tidak ketara memandangkan negara mempunyai kekuatan daya tahan dan asas ekonomi yang mampan serta perancangan jangka pendek dan panjang yang menyeluruh bagi menyokong pertumbuhan negara.

Bagi meningkatkan perbelanjaan domestik, kerajaan yang telah menyediakan rancangan jangka pendek dengan penyediaan bajet tahunan. Melalui Bajet 2012, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM232.8 bilion bagi perbelanjaan pembangunan dan mengurus. Usaha bagi merancakkan ekonomi domestik dan memantapkan lagi dengan penyediaan pakej rangsangan khas berjumlah RM6 bilion dibiayai melalui *Private Financing Initiative* (PFI). Melalui kaedah ini projek awam untuk kesejahteraan rakyat seperti penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah, rancangan tebatan banjir dan penaiktarafan infrastruktur asas luar bandar dapat dilaksanakan.

Bagi meningkatkan pelaburan domestik dan asing, kerajaan telah meliberalisasi 17 subsektor perkhidmatan termasuk perkhidmatan hospital swasta, perkhidmatan pakar perubatan, pergigian, *courier* dan telekomunikasi.

Selain itu, bagi membantu meningkatkan pelaburan swasta, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM20 bilion di bawah Dana Mudah Cara, perkongsian awam-swasta atau PPP yang berperanan membantu sektor swasta membangunkan projek yang bernilai tinggi dan strategik. Dalam usaha memastikan ekonomi berkembang kukuh, kerajaan juga amat prihatin dan komited untuk meringankan beban rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas. Dalam hal ini, kerajaan telah melaksanakan pelbagai program termasuk pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia atau BR1M, bantuan persekolahan kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah dan pemberian bawar buku kepada semua pelajar warganegara Malaysia di IPTA dan IPTS. Selain itu, kerajaan juga menyediakan rancangan jangka panjang bagi melaksanakan pelbagai projek yang mampu meningkatkan daya tahan negara dalam menghadapi keadaan ekonomi dunia yang mencabar.

Projek-projek ini akan dilaksanakan di bawah pelbagai program seperti Rancangan Malaysia Kesepuluh, Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Kerajaan, Digital Malaysia, Program Transformasi Luar bandar dan Program Transformasi Bandar. Di bawah *Rolling Plan* kedua, sebanyak RM98.4 bilion telah diperuntukkan dan jumlah sebanyak RM49.2 bilion telah diperuntukkan pada tahun ini manakala selebihnya akan diperuntukkan pada tahun 2013. Peringkat kedua akan menumpukan kepada projek-projek yang berimpak tinggi, mempunyai kesan berganda tinggi yang akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Antara projek yang sedang dan akan dilaksanakan adalah landasan kereta api berkembar Gemas ke Johor Bahru, projek Lebuhraya Pantai Timur sampai ke Kuala Terengganu, Lebuhraya *Central Spine* Kuala Lumpur, Bentong dan Kota Bharu dan pembangunan semula Pangkalan Udara Sungai Besi Kuala Lumpur.

Kerajaan juga giat merencanakan pembangunan wilayah koridor sebagai pemangkin ekonomi serta memastikan pembangunan yang seimbang di seluruh negara. Antara projek yang akan dijalankan di wilayah koridor termasuk lebuhraya persisiran pantai Johor Bahru ke Nusajaya di Iskandar Johor, projek Agropolitan Besut di Wilayah Ekonomi Pantai Timur, projek kelompok industri berasaskan kepala sawit di Wilayah Koridor Sabah serta Taman Perindustrian Samalaju, penyediaan tapak dan infrastruktur di Wilayah Koridor Sarawak.

■1010

Melalui pelbagai langkah jangka pendek dan panjang yang sedang dan akan dilaksanakan kerajaan, kerajaan yakin langkah-langkah ini dapat meningkatkan aktiviti ekonomi domestik dan seterusnya membantu mengimbangi ketidakpastian persekitaran luar termasuk krisis *eurozone*. Mengambil kira perkembangan ekonomi dalam tempoh suku pertama tahun 2012 yang mencatat

pertumbuhan 4.7%. Kerajaan amat yakin ekonomi negara dijangka akan mencapai sasaran pertumbuhan antara 4% hingga 5% bagi tahun ini. Sekian.

Dato' Boon Som a/l Inong: Soalan tambahan saya dan terima kasih di atas jawapan yang dibagi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Krisis *eurozone* bermula di *Greece* di mana perbelanjaan yang lebih daripada pendapatan tidak tingkatan produktiviti, tidak kutip hasil pendapatan dan tidak ada sumber baru menjana pendapatan dan kekayaan tambahan. Jadi saya tidak menafikan bahawa kerajaan di bawah Kerajaan Barisan Nasional sentiasa membuat perbelanjaan yang begitu hemah dan sentiasa menghadapi krisis kewangan yang begitu baik.

Kita dapat menyelesaikan kewangan pada 1998 di mana kita menghadapi kemelesetan ekonomi dan pada 1998 krisis kewangan kita telah menghadapi dengan baik malah dikagumi dunia malah Soros sendiri telah memuji pengurusan kewangan yang terbaik. Terpaksa kita lucutkan jawatan Menteri Kewangan masa itu dan soalnya adalah apakah Malaysia dapat mempelajari krisis *eurozone* ini dan apakah sumber baru pendapatan Malaysia untuk menghadapi krisis masa depan *eurozone* ini? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som atas soalan tambahan. Memang apa yang dikatakan Yang Berhormat adalah benar. Kita tahu pada masa ini negara di *eurozone* mereka pada suku pertama untuk tahun 2012 mereka memang tidak ada pertumbuhan ekonomi langsung hanya angkanya adalah kosong, *zero*. Itu kita tahu buat masa ini kita sedikit sebanyak akan menghadapi masalah sebab mereka memang dari segi kewangan dan perdagangan sungguhpun tidak besar berdagang dengan Malaysia di negara euro, 26 negara hanya 10.5% eksport kita.

Kita memang akan pengalaman kita yang kita ada kita melalui beberapa krisis kewangan seperti Yang Berhormat telah sebutkan tadi *East Asia Economic Crisis*, *Crisis Subprime* dan lain-lainnya. Kita memang ada langkah-langkah jangka panjang dan juga pendek untuk mengatasi masalah yang kita akan hadapi. Sekian.

Datuk Majid Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita perhatikan keadaan ekonomi krisis ekonomi dunia yang juga melibatkan ekonomi negara kita Malaysia akan juga berlaku dari masa ke semasa mungkin sekali dalam 10 tahun atau 15 tahun. Pakar-pakar ekonomi dan juga pentadbir dana, *fund managers* dengan izin, dan juga pentadbir saham meramalkan bahawa krisis ekonomi yang melibatkan negara kita sekali akan berlaku pada pertengahan tahun 2014.

Mereka mempunyai data-data dengan sebab demikian. Soalan saya adalah kita dalam kerajaan ini mempunyai pakar-pakar atau pengkaji-pengkaji melihat tentang kebarangkalian ataupun ramalan secara profesionalisme bilakah atau bolehkah krisis ekonomi dunia ini ataupun Malaysia ini akan berlaku? Kalau kita boleh meramalkan sebetul-betul kita akan buat persediaan. Tidak seperti pada tahun 1998, yang kita tidak bersedia terpaksa menggunakan langkah-langkah yang mendadak. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Majid atas soalan tambahan. Memang kita semua sedia maklum bahawa hendak mentadbir sebuah negara pada masa ini bukan senang lebih-lebihan Malaysia sebuah negara yang berbilang kaum. Kita memang mempunyai pakar-pakar dalam ekonomi dan seperti yang saya katakan tadi kita telah menghadapi masalah krisis kewangan *East Asia*, hadapi masalah krisis *subprime* dan saya setuju dengan apa Yang Berhormat kata tiap-tiap 10 atau 12 tahun krisis ekonomi akan datang.

Ini seperti kita setiap 12 bulan dalam satu tahun. Oleh itu saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat, memang kita ada pakar di Malaysia dan juga pandangan-pandangan Yang Berhormat Senator akan diambil kira juga. Kita haraplah semua membantu dan jangan seperti pihak pembangkang selalu buat kacau, buat demonstrasi. Dengan itu pelabur asing tidak akan datang dan kita haraplah mereka sayangilah negara kita jangan buat kacau, pelabur-pelabur asing tidak datang, pelancong pun tidak datang, kita akan rugi. Saya nasihatkan merekalah. Sekian.

2. Tuan Khoo Soo Seang minta Perdana Menteri menyatakan, bagaimana pindaan kepada Akta Keterangan 1950 akan berfungsi berkenaan dengan media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter*. Adakah perkongsian berita melalui saluran media ini juga menjadikan pengguna tersebut bertanggungjawab di bawah akta ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih. Cantik dengan pantun Yang Berhormat pada pagi ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan jawab lisan oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali bertarikh 11 Julai 2012 kerana menyentuh isu yang sama. Tuan Yang di-Pertua, antara pindaan yang dibuat kepada Akta keterangan 1950, Akta 56 baru-baru ini adalah untuk mengadakan peruntukan baru iaitu seksyen 114A mengenai anggapan fakta dalam penyiaran ataupun dengan izin *perception of fact in publication*.

Peruntukan ini membolehkan mahkamah membuat satu anggapan fakta dalam percakapan kes yang melibatkan penyiaran melalui internet. Walau bagaimanapun, semua anggapan yang dinyatakan dalam seksyen 114A, Akta Keterangan 1950 hanya boleh dibuat oleh mahkamah setelah mahkamah berpuas hati bahawa wujud suatu fakta dan bukti yang jelas. Dalam hal keadaan ini, mahkamah telah memutuskan untuk menggunakan anggapan tersebut seseorang tertuduh masih boleh menyangkal anggapan itu dengan menunjukkan bukti sebaliknya.

Dalam konteks penggunaan *Facebook* atau *Twitter* anggapan fakta dalam penyiaran seperti yang dinyatakan dalam seksyen 114A akta adalah terpakai kerana pengguna tersebut merupakan satu penyiaran ataupun *publication* sebagai mana yang ditakrifkan dalam seksyen 114A, akta tersebut. Pengguna *Facebook* atau *Twitter* tersebut adalah sama atau orang yang berdaftar dengan pemberi perkhidmatan rangkaian sebagai pelanggan ataupun *subscriber* atau seseorang pemilik, hos, pentadbir, editor atau subeditor penyiaran tersebut.

Namun begitu jika pengguna *Facebook* atau *Twitter* itu boleh menyangkal fakta bahawa dia bukan seorang pemilik, hos, pentadbir, editor atau subeditor dengan menunjukkan bukti sebaliknya maka pengguna tersebut tidak akan dipertanggungjawabkan dengan penyiaran itu.

■1020

Sebagai contoh, seseorang yang tidak dikenali telah mencuri kata laluan ataupun *password* pemilik *Facebook* atau *Twitter* itu dan menyiarkan kata-kata yang bersifat fitnah dan seterusnya menjatuhkan maruah seseorang yang disegani oleh masyarakat. Pada masa penyiaran itu dibuat, pemilik *Twitter* atau *Facebook* yang berkenaan telah kehilangan komputer ribanya yang mengandungi kata laluan yang disimpan di dalam komputer riba itu, maka pemilik *Twitter* atau *Facebook* tersebut boleh mengemukakan fakta sedemikian bagi membuktikan bahawa beliau bukanlah orang yang menyiarkan kata-kata yang bersifat fitnah tersebut. Dalam hal keadaan yang sedemikian, anggapan fakta ataupun *presumption of facts*, dengan izin, dalam penyiaran seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 114A, akta tersebut telah berjaya disangkalkan ataupun *disreputable presumption*, dengan izin.

Contoh yang kedua pula melibatkan kes apabila komputer pemilik *Facebook* atau *Twitter* telah digodam oleh penggadam komputer dan kata laluan pemiliknya telah dicuri. Dalam kes ini, sebarang penyiaran maklumat seperti yang tersebut di atas yang telah dibuat oleh penggadam itu dengan izin, *hackers*, boleh dijadikan bukti yang mematahkan anggapan fakta dalam penyiaran tersebut.

Dalam konteks Tuan Yang di-Pertua, perkongsian berita melalui saluran media ini pula, seseorang pemilih atau pengguna *Facebook* atau *Twitter* tidak akan dipertanggungjawabkan dengan sebarang ulasan ataupun komen yang dibuat oleh orang lain yang dihantar ke dalam akaunnya semata-mata sebagai satu perkongsian berita atau maklumat kerana anggapan fakta dalam penyiaran seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 114A, akta tidak akan terpakai dalam keadaan yang sedemikian.

Namun demikian, jika pemilik atau pengguna *Facebook* atau *Twitter* pula yang menyebarkan berita atau maklumat sedemikian kepada orang lain secara sedar dan beliau mengetahui bahawa berita atau maklumat itu adalah berbentuk subversif dan menghasut rakyat untuk menggulingkan kerajaan yang dipilih secara demokrasi dengan menggunakan kekerasan pemilik atau pengguna *Facebook* atau *Twitter* itu boleh dipertanggungjawabkan dengan penyiaran berita atau maklumat sedemikian. Sebagai pemilik atau pengguna *Facebook* atau *Twitter*, seseorang itu seharusnya mempunyai obligasi moral untuk menyekat atau menapis sebarang perkongsian berita atau maklumat yang berbentuk subversif dan melibatkan unsur-unsur keganasan dan juga kekerasan.

Dalam konteks siasatan pula, apa-apa kes yang melibatkan pengguna Internet akan disiasat secara rapi oleh pihak polis. Pihak polis kemudiannya akan menghantar kertas siasatan yang lengkap kepada pihak pendakwa raya untuk diteliti serta diputuskan sama ada untuk

meneruskan pendakwaan atau tidak. Dalam hal ini, keputusan yang dibuat oleh pendakwa raya adalah bergantung pada bukti-bukti yang mantap dan seseorang pengguna internet yang tidak bersalah tidak akan dibawa ke muka pengadilan. Malah beliau sebaliknya akan memberikan kerjasama penuh untuk mengenal pasti pengguna sebenar yang bertanggungjawab. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ada dua. Pertama kalau kerajaan ambil tindakan, adakah ambil tindakan ke atas orang asal yang mulakan khabar angin itu ataupun sesiapa yang sebarkan. Kedua, di *internet* ramai yang tidak menggunakan nama asal dia sendiri. Saya boleh gunakan nama Ramasamy atau Munusamy. Jadi macam mana kita hendak kesan siapakah yang mula sebarkan khabar-khabar angin itu. Sekian, terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang atas soalan tambahan ini. Sekiranya kita melihat kepada seksyen 114A, Akta Keterangan 1950 ini telahpun jelas mengatakan sesiapa di mana nama ataupun gambar *photograph* ataupun nama lain yang digunakan telahpun digunakan, dengan izin, saya akan baca dalam bahasa Inggeris, "114A(1) - *A person whose name, photograph or pseudonym appears on any publication depicting himself as the owner, host, administrator, editor or sub-editor, or who in any manner facilitates to publish or re-publish the publication is presumed...*". *Is presumed* iaitu dianggapkan telahpun menyebarkan kandungan publikasi tersebut kecuali dia boleh membuktikan bahawa dia bukanlah orang itu.

Saya telah pun menerima banyak artikel dan juga pertanyaan daripada orang awam di mana mereka telah pun mengatakan akta ini telah pun menyekat hak mereka ataupun kebebasan mereka untuk bersuara. Saya di sini ingin menegaskan bahawa kebebasan bersuara ini memang dijamin di dalam Perlembagaan Persekutuan kita iaitu *freedom of speech*. Akan tetapi kita kena pastikan, kita kena faham bahawa kebebasan tersebut disubjekkan ataupun diikat dengan undang-undang di mana kita tidak ada kebebasan untuk membuatkan pernyataan ataupun mengeluarkan perkataan-perkataan yang fitnah ataupun berbaur perkauman ataupun menyentuh hak asasi Sultan ataupun Diraja.

Ini adalah telah pun diperuntukkan di bawah undang-undang. Jadi kita tidak ada kebebasan kita untuk memfitnah seseorang dan kita ada undang-undang di mana sekiranya kita membuat demikian, kita boleh disamakan di mahkamah. Kita telah pun melihat dalam mahkamah di mana ramai orang yang telah pun di saman kerana memfitnahkan seseorang bukan sahaja menyiarkan perkataan ataupun mengeluarkan *statement* di surat khabar tetapi melalui SMS, *Twitter* dan juga *Facebook* ataupun melalui *publication* di *internet*. Jadi untuk kita tidak melanggar undang-undang sedemikian, eloklah kita sebagai pengguna *internet* ini bersikap

berdisiplin tidaklah menghantarkan ataupun *forward*kan artikel ataupun *publication* yang kita terima yang berbau fitnah ataupun yang mengatakan sesuatu yang kita tidak dapat pastikan bahawa kandungan itu adalah betul.

So, don't forward. Jadi dengan adakan disiplin yang sedemikian, saya rasa kita akan dapat menggunakan *internet* secara yang lebih sihat, di mana kita akan *forward* ataupun menggunakan *internet* untuk berkomunikasi, dan memberikan informasi yang benar kepada mereka yang ingin menerima semua ini. Jadi seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa dalam internet ini memang ramai informasi yang telahpun disetorkan dalam *server*. Jadi sukarlah untuk kita untuk memastikan siapa yang *originally* mengeluarkan *statement* itu. Akan tetapi saya yakin bahawa kita boleh menyasat melalui IPP *address* yang akan menunjukkan siapa *original writer* yang sebenarnya.

Akan tetapi oleh kerana terlebih banyak informasi yang stor dalam server tersebut dan sukar kita mengeluarkan ataupun menyasat siapa dia punya *original writer*, jadi undang-undang ini perkenalkan kepada mereka *prima facie* sahaja sekiranya nama ataupun gambar yang dikeluarkan dalam *internet* menunjukkan dialah yang telahpun menyebarkan informasi tersebut. Akan tetapi tidak payah kluatir kerana kadangkala kita sebagai pengguna kadangkala sekiranya hari ini tersiar pula *statement* daripada View Ka Liu yang memfitnahkan seseorang dan juga mengeluarkan gambar saya yang mengatakan begini dan begitu terhadap Raja ataupun kerajaan ataupun seseorang yang bernama politik.

■1030

Jadi, apabila atas siasatan, terdapat pula saya tidak pernah *modus operandi* saya, dalam saya punya *blog* yang *original*, saya tidak pernah menyiarkan *statement* sedemikian, saya tidak pernah bercakap sedemikian, *that is not my modus operandi*. Selain itu, cara yang saya mengatakan itu berbeza dengan apa yang keluar pada hari ini. Jadi, daripada segi undang-undang, mahkamah boleh menganggapkan bahawa penyiaran yang telah pun dikeluarkan hari ini *on the balance of probability* bukanlah saya kerana cara saya bercakap, cara saya menulis, cara saya mengatakan sesuatu dalam *blog* yang sebelum ini ataupun dalam SMS sebelum ini menunjukkan bukan saya, jadi *on the balance of probability*, mahkamah boleh menganggapkan ini bukanlah saya. Jadi, saya harapkan pengguna *internet* kita boleh lebih disiplin dan untuk memastikan bahawa kita dapat menggunakan komunikasi melalui *internet* ini lebih bersifat sihat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan seterusnya, Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar. Silakan.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua yang dihormati dengan izin. Kami hendak rakamkan selamat datang kepada pelajar-pelajar UiTM Dungun... [*Tepuk*] Belajar rajin-rajin sehingga berjaya. Soalan saya. Saya mendapati ramai sangat *Facebookers*, *Twitterers* yang disifatkan sebagai penyebar fitnah, subversif, berita palsu dan sebagainya. Jadi, sesuai

dengan Akta Keterangan 1950, apakah tindakan yang satu telah, kedua sedang, ketiga akan diambil. Kalau telah dan sedang, berapa rekodnya? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar atas soalan tambahan ini. Seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum bahawa akta ini baru sahaja dilaksanakan pada sesi yang lalu. Pada setakat ini, belum ada statistik yang menunjukkan berapa orang yang telah pun ditangkap ataupun ditahan atas menyalahgunakan penyiaran mereka yang berbaur fitnah ataupun perkauman ataupun subversif terhadap kerajaan dan juga negara.

Akan tetapi saya ingin menegaskan di sini bahawa akta ini ialah untuk melindungi mereka yang telah pun difitnah dan pada masa yang sama juga cuba menangkap mereka yang tidak bertanggungjawab yang mereka sentiasa mengeluarkan kenyataan yang tidak betul, yang fitnah terhadap seseorang dan mereka yang sentiasa memberikan kenyataan yang tidak betul. Saya rasa ini amatlah penting dalam satu negara yang bersifat demokrasi di mana walaupun kita memberikan kebebasan kepada mereka untuk menulis ataupun bercakap sesuatu tetapi pada masa yang sama, kita juga kena melindungi kebebasan seseorang yang telah pun difitnah daripada mereka.

Jadi, inilah tindakan yang telah pun kita ambil daripada memperkenalkan akta sebegini. Saya telah pun difahamkan bahawa banyak juga negara-negara lain seperti di Eropah telah pun mengambil tindakan untuk mengawal *bloggers* yang telah pun tidak bertanggungjawab dan telah pun mengambil kesempatan daripada segi kebebasan dalam internet ini untuk menyamar ataupun memfitnahkan seseorang. Jadi, negara kita telah pun mengambil satu tindakan yang baik di mana kita dapat mengawal mereka supaya mereka tidaklah menyalahgunakan kebebasan yang telah pun diberi daripada undang-undang. Sekian.

3. Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan, langkah-langkah kementerian dalam membela nasib dan kebajikan anggota tentera yang telah bersara dari perkhidmatan kurang 21 tahun dan sejauh manakah kursus pra persaraan mendapat sambutan daripada anggota-anggota berkenaan.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, bagi veteran ATM yang tidak berpencen iaitu perkhidmatan kurang daripada 21 tahun, pihak kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran telah menyediakan bantuan serta kemudahan lain untuk membantu meringankan beban kos sara hidup termasuk skim bantuan kebajikan dan pendidikan. Seperti sebagai contoh, pesara polis atau pesara perkhidmatan awam lain tidak dapat menikmati kemudahan tersebut. Sebagai contoh, bantuan kemasukan ke IPTA bagi veteran ATM sama ada berpencen atau tidak berpencen di mana isi rumah adalah di bawah RM4,000. Mereka layak mendapat *one-off*, kalau ijazah pertama RM1,500, diploma RM1,000.

Bekas Senator pun tidak dapat bantuan yang sebegini rupa. Hanya bekas tentera sama ada pencen atau tidak berpencen. Secara statistiknya, kerajaan telah membelanjakan purata

sebanyak RM7.5 juta setahun bagi jumlah yang terlibat 55,532 orang veteran. Manakala bagi tuntutan bayaran balik kemudahan perubatan pula, kerajaan telah membelanjakan secara purata sebanyak RM27.8 juta setahun bagi 5,954 orang. Bagi kes-kes tertentu, Tuan Yang di-Pertua, bantuan dihulurkan melalui dana Yayasan Veteran ATM dan melalui Rayuan Hari Pahlawan yang dibuat tiap-tiap tahun. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil langkah-langkah bersesuaian bagi memastikan bakal pesara tentera dapat mengikuti kursus latihan peralihan agar mereka mendapat kemahiran dan pengalaman bagi menyesuaikan diri dengan corak penghidupan baru selepas mereka menamatkan perkhidmatan sama ada dengan menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, perniagaan mahupun mendapat pekerjaan kedua.

Atas kesedaran tersebut, kerajaan telah mewajibkan semua anggota tentera yang layak untuk mengikuti latihan peralihan sebelum mereka menamatkan perkhidmatan. Namun begitu, mereka diberi kelonggaran untuk memilih bidang dan tempat kursus latihan peralihan berdasarkan minat dan aspirasi serta corak hidup yang mereka ingini selepas menamatkan perkhidmatan. Bagi veteran tentera, mereka juga boleh mengikuti pasca latihan peralihan seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui bajet yang lepas iaitu peruntukan sebanyak RM50 juta untuk melatih bekas veteran yang ingin menjadi usahawan dan meningkatkan kemahiran dalam apa juga bidang yang diceburi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Puan Hajah Rohani binti Abdullah.

■ 1040

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi ucapan tadi. Kita tahu kerajaan sentiasa prihatin kepada anggota tentera yang telah banyak berjasa kepada negara kita dan telah banyak inisiatif telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang kita dapati ada melebihi 200,000 anggota tentera yang telah bersara. Jadi, mereka ini adalah aset negara yang telah banyak mencurahkan bakti kepada negara dan dalam mempertahankan negara. Jadi soalan saya, adakah kerajaan bercadang mengkaji Akta Angkatan Tentera 1972 bagi membolehkan kerajaan menyusun atur pembangunan kerjaya pegawai dan anggota tentera yang telah bersara supaya mereka tidak lagi terabai?

Seterusnya, soalan kedua saya, bagaimanakah atau setakat manakah kejayaan yang dicapai oleh kerajaan setelah menyuntik modal RM50,000 inisiatif kepada anggota tentera yang telah bersara tadi seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan Yang Berhormat. Memang tidak ada satu undang-undang pun yang tidak boleh dikaji dan yang tidak boleh ubahnya al-Quran dan hadis. Bagi memastikan anggota tentera sentiasa tidak terabai bukan sahaja Akta Angkatan Tentera 1972 yang boleh diubah. Akan tetapi yang lebih praktikal adalah peraturan Majlis Angkatan Tentera iaitu

PERHEBAT di mana kuasa Majlis yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri atau wakil daripada ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong serta ketua-ketua perkhidmatan laut, darat dan udara bagi memastikan yang kita boleh ubah pembangunan skim kerjaya masing-masing umpamanya kita hendak supaya lain-lain pangkat *entry point* dia adalah SPM dan semua pegawai dia mesti *first degree* dengan kepujian. Dengan yang demikian, kita meletakkan satu *entry point* untuk lain-lain pegawai, lain-lain pangkat dan juga pegawai pada tahap yang tertinggi sesuai dengan perubahan teknologi dan suasana persekitaran, keselamatan dan pertahanan negara dan serantau. Itu satu.

Kedua juga kita boleh melihat dengan wujudnya Akta Veteran yang telah pun diluluskan di Dewan yang mulia ini dan telah pun dipersetujui oleh bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda di-Pertuan Agong, cuma hendak tunggu masa penguatkuasaannya.

Dengan adanya perkara-perkara ini, kita boleh lihat kebajikan veteran bukan hanya berkisah kepada output berapa ramai yang masuk dan berapa ramai yang keluar tetapi kita boleh *follow-up* mereka dengan izin dekat mana mereka? Berapa pendapatan mereka? Ini kerana kita mempunyai satu data yang lengkap bukan sahaja data sewaktu mereka berkhidmat tetapi yang lebih penting selepas mereka berkhidmat kerana kita semua faham waktu mereka hidup selepas mereka tamat perkhidmatan dahulu 21 sekarang 26 tahun mereka bersara pada waktu agak muda dan ada masa 20 ke 30 tahun mereka hidup sebagai seorang veteran. Jadi perkara-perkara ini sudah dilihat bukan sahaja oleh MINDEF malah oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan telah pun mengarahkan satu makmal khusus bagi membentuk satu *national Blue Ocean Strategy* (NBOS)

Bagaimana kita melihat isu dan masalah veteran ini tidak lagi menjadi bebanan sosial politik negara sesuai dengan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator tadi bahawa kita memang sentiasa prihatin tentang kebajikan mereka. Kedua, mengenai dana RM50 juta ini. Dana ini bukan kita hendak beri pakat ramai-ramai beri sedikit sama sedikit pada 200,000 orang ini. Oleh sebab itu kerajaan Barisan Nasional berhajat hendak beri mata kail bukan hendak beri ikan. Hendak beri ikan, beri hari ini dan habis hari ini. Oleh sebab itu RM50 juta ini kita khususkan kepada mereka yang berminat untuk menambah nilai kepada program dan aktiviti yang telah mereka buat terutamanya dalam bidang keusahawanan dan program ini sedang berjalan. Saya sendiri terlibat secara langsung berjumpa dengan veteran bagi memastikan yang mereka benar-benar berminat untuk menjalankan program tersebut. Terima kasih.

4. Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, laporan media bahawa jika tiada kata sepakat antara Kerajaan Pusat dan Negeri berkaitan isu air, akan berlaku krisis air yang teruk di Lembah Klang menjelang tahun 2014 dan melibatkan jutaan penduduk.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Noriah binti Kasnon]:
Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh dan salam 1Malaysia. Terima kasih Yang

Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, pertama izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan daripada Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai pada 12 Julai 2012. Daripada Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop sekali lagi pada 16 Julai 2012 dan juga daripada Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit pada 17 Julai 2012 memandangkan soalan-soalan berkenaan adalah berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Laporan media massa yang menyatakan bahawa krisis bekalan air dijangka berlaku di Lembah Klang menjelang tahun 2014 adalah benar. Jika laporan-laporan tersebut memetik kenyataan-kenyataan rasmi yang dibuat oleh pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), dengan izin.

Malah penduduk-penduduk di Lembah Klang telah mula mengalami masalah gangguan bekalan air sejak kebelakangan ini berikutan musim kemarau yang bermula pada bulan Jun 2012 dan dijangka akan berterusan sehingga bulan September 2012. Keadaan ini berlaku disebabkan tahap rizab simpanan air atau *reserve margin*, dengan izin, adalah terlalu rendah iaitu secara purata sekitar 2% sahaja berbanding tahap selesa sekitar 10%. Saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa bagi tempoh 16 hingga 21 Jun baru-baru ini, tahap simpanan telah menurun kepada tahap defisit yang mengakibatkan banyak kawasan di sekitar Lembah Klang mengalami gangguan bekalan air. Oleh itu, saya ingin menekankan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa masalah kekurangan bekalan air yang sering dibangkitkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan merupakan masalah yang memang benar-benar berlaku dan membawa kesusahan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan Kerajaan Negeri Selangor mengaitkan isu penstrukturan semula industri perkhidmatan air dengan pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 adalah tidak wajar kerana dua isu ini merupakan isu yang berbeza serta memerlukan pendekatan yang berbeza bagi menanganinya. Kerajaan Negeri Selangor sebagai pemilik infrastruktur perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor seharusnya memberi tumpuan untuk menyelesaikan masalah kekurangan bekalan air yang semakin meruncing dan tidak membiarkan rakyat terus dibelenggu dengan masalah ini.

■1050

Bagi mengelakkan kesusahan ketiadaan bekalan air, Kerajaan Persekutuan telah mengambil inisiatif dengan meluluskan peruntukan sebanyak RM606 juta bagi melaksanakan projek-projek mitigasi yang dijangka akan dapat memenuhi permintaan air di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sehingga tahun 2016.

Namun begitu bagi memenuhi permintaan air bermula dari tahun 2017, projek Loji Rawatan Air Langat 2 perlu dilaksanakan selewat-lewatnya pada tahun ini iaitu tahun 2012 supaya ianya dapat disiapkan pada tahun 2017. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Selangor

perlu memberi kelulusan-kelulusan yang diperlukan untuk memulakan pelaksanaannya pada tahun ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Kerajaan Negeri Selangor masih tetap berpendirian untuk menengguhkan kelulusan-kelulusan tersebut, Kerajaan Persekutuan terpaksa menimbangakan pelaksanaan projek-projek mitigasi tambahan lagi yang sudah tentu akan menyebabkan pembaziran wang rakyat sedangkan jawapan mudah, jawapan yang saya kira sudah sedia ada kepada masalah ini adalah dengan membenarkan pelaksanaan projek Loji Rawatan Air Langat 2.

Oleh itu saya menyeru pihak Kerajaan Negeri Selangor supaya tidak terus mempolitikkan isu bekalan air ini dan segera memberi kelulusan-kelulusan yang diperlukan supaya projek Loji Rawatan Air Langat 2 dapat dilaksanakan dengan segera demi kebaikan rakyat di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Tuan Haji Ahamad bin Yusop.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab soalan saya dengan baik dan sangat jelas di mana sebenarnya kegagalan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi isu bekalan air.

Saya sebelum mengemukakan soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, adalah dilaporkan akibat penangguhan projek Loji Rawatan Air Langat 2 ini, kesannya telah menyebabkan 129 kilang dengan nilai pelaburan RM3.8 bilion yang mampu menjana 12,000 peluang pekerjaan serta sejumlah projek perumahan tidak dapat dilaksanakan yang jelas merugikan rakyat Selangor sendiri.

Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyebut sekiranya Kerajaan Negeri Selangor masih berdegil dan enggan membina loji rawatan air...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat terus kepada soalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Soalannya, apakah pelan alternatif oleh kementerian supaya bekalan air dari Pahang mencukupi dengan cadangan untuk membina loji di luar negeri Selangor, tarif tidak dinaikkan terlalu tinggi dan syarikat konsesi air dapat beroperasi secara bebas tanpa pengaruh dan campur tangan Kerajaan Negeri Selangor. Ada satu lagi soalan. Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Seterusnya apakah pandangan kementerian bila isu air ini telah dipolitikkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sehingga dihebohkan ke peringkat antarabangsa? Di mana baru-baru ini Kerajaan Negeri Selangor cuba mendapatkan nasihat daripada firma perundangan antarabangsa di London berhubung kebuntuan yang sedang dihadapi dalam usaha mendapatkan semula hak menguruskan industri air di negeri itu. Perjumpaan ini berlangsung...

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah itu Yang Berhormat. Soalan dia jelas. Silakan Yang Berhormat Menteri jawab.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator yang saya lihat memang sangat memahami isu kegagalan penstrukturan air untuk negeri Selangor ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita ataupun negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Putrajaya sudah pun mula mengalami defisit bekalan air. Maknanya air yang dibekalkan, air terawat yang dibekalkan itu memang tidak mencukupi untuk menampung permintaan semasa khususnya pada musim-musim kemuncak seperti perayaan, musim kemarau dan sebagainya. Namun pihak Kerajaan Negeri Selangor masih lagi mendakwa dan mengatakan Tuan Yang di-Pertua, bahawa air masih lagi mencukupi.

Jika air masih lagi mencukupi Tuan Yang di-Pertua, kita ataupun pihak Kerajaan Persekutuan tidak akan mengadakan atau melaksanakan projek-projek mitigasi yang menelan belanja RM606 juta yang saya nyatakan tadi yang melibatkan lapan buah projek. Untuk makluman semua daripada lapan buah projek ini, enam projek adalah dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri sendiri. Bermakna secara tidak langsung, kita dapat melihat bahawa memang kerajaan negeri mempolitikkan isu ini kerana pada satu masa mereka melaksanakan projek-projek mitigasi Kerajaan Persekutuan ini untuk menampung ataupun menambah kapasiti bekalan air terawat ini.

Pada masa yang sama hanya kerana mereka tidak dapat untuk mengambil alih kesemua industri air di negeri Selangor ini melalui model holistik kononnya yang diajukan kepada kita, maka sebab itu rundingan untuk penstrukturan semula ini kaitkan dengan pelaksanaan projek Loji Rawatan Air Langat 2 yang memang sangat-sangat perlu oleh rakyat, oleh pembangunan negeri dan juga oleh pembangunan negara dan dapat menampung bekalan untuk permintaan-permintaan termasuk *buffer capacity* dengan izin, termasuk peningkatan peratusan permintaan, unjuran-unjuran peningkatan setiap tahun sehingga tahun 2025.

Apabila pihak kerajaan negeri pula memilih untuk mendapat nasihat ataupun pandangan pihak konsultan daripada luar, seolah-olah menafikan keupayaan pakar-pakar air, pakar-pakar yang ada dalam industri air di negara kita sendiri dan menafikan juga kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, JPM misalnya oleh pihak syarikat-syarikat konsesi sendiri. Juga dengan cadangan-cadangan yang telah kita laksanakan.

Bukan Kerajaan Persekutuan tidak membuka ruang langsung untuk kerajaan negeri mengambil alih. Hasrat mereka untuk mengambil alih keseluruhan proses ataupun membekalkan air terawat ini, kita sudah banyak kali berunding sudah buka pintu tetapi akhirnya apabila mengikut peraturan dan juga kerana perjanjian konsesi itu masih sah dan juga masih berkuat kuasa, mereka mestilah berunding, sepakat dengan empat buah syarikat konsesi yang sedia ada di negeri

Selangor. Tanpa persetujuan semua empat buah syarikat tersebut memang agak susah untuk kita bersetuju dengan model holistik yang kononnya yang diajukan kepada kita.

Saya cuma berharap agar Kerajaan Negeri Selangor apabila sudah bersetuju melaksanakan antara projek-projek mitigasi kita, mereka akan buka mata dan juga mereka akan dapat melihat sebenar-benarnya memang projek tersebut sangat-sangat diperlukan. Juga agar mereka dapat memberikan kelulusan-kelulusan kepada *Development Order* khasnya bagi kita memulakan Loji Rawatan Air Langat 2 ini dan tidak akan menjejaskan pembangunan seperti mana yang dinyatakan tadi melibatkan 129. Mungkin hari ini sudah mencecah kepada 190 permohonan yang perlu bekalan air menjelang tahun penyiapan projek mungkin tahun 2017, mungkin 2018. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Memohon soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat Dato' Syed Husin Ali. Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan dua soalan. Pertamanya ialah soal masalah air ini bukan sahaja di Selangor tetapi di banyak negeri. Terutama sekali misalnya di Johor. Lama masalah itu telah berlaku. Mengapakah tidak dipandang masalah ini secara keseluruhan jangan dipolitikkan kepada soal Selangor sahaja.

■1100

Keduanya ialah mula-mula sudah ada persetujuan di antara Selangor dengan SYABAS untuk menyelesaikan penstrukturan semula soal air ini tetapi apabila kementerian masuk dan pusat masuk, ia menjadi masalah yang sulit. Selangor menolak loji kedua Langat kerana, bukannya politik tetapi ekonomi. Mereka berpendapat, dan saya ingin kalau boleh dinafikan dengan bukti oleh pihak Menteri. Mereka berpendapat bahawa jikalau dilaksanakan loji itu, maka harga air akan bertambah lebih daripada 30%...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat terus ke soalan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: ...Tak lebih daripada 30%, dan adakah ini diakui oleh pihak pemerintah? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Noriah binti Kasnon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya bukan Kerajaan Persekutuan yang mempolitikkan isu ini, Yang Berhormat Senator. Kita mengatakan Kerajaan Negeri Selangor yang mempolitikkan isu ini kerana sebenarnya di Johor misalnya ataupun di lima buah negeri lain yang sudah pun melangkah kepada perjanjian penstrukturan semula. Johor lebih kurang Selangor sebenarnya sebab penswastan juga. Negeri Selangor juga penswastan juga. Ada dua negeri sahaja yang telah menyerahkan industri bekalan mereka kepada swasta iaitu Johor dan Selangor.

Mengapa Johor berjaya? Hari ini kita lihat Selangor yang tidak berjaya. Kita kata politik kerana setelah kita ajukan dengan bukti, kajian sebenar tentang bekalan yang bakal meruncing...

Dr. Syed Husin Ali: Boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Syed Husin Ali: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Biar dia menjawab dulu Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Fasal ada fakta yang saya kurang jelas. Di Johor harga air jauh lebih tinggi. Terima kasih.

Datuk Noriah binti Kasnon: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya kata tadi, kalau nak ikut swasta, Johor selesai ya. Kalau nak ikut Selangor, mengapa hari ini tidak selesai, sedangkan sebenarnya kos untuk Loji Rawatan Air Langat 2 itu ditanggung oleh pihak Kerajaan Persekutuan, bukan oleh pihak kerajaan negeri. Kerajaan menyediakan lebih daripada RM8.9 bilion untuk kedua-dua projek untuk memastikan bekalan air yang mapan di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan juga Putrajaya. Dua projek.

Hari ini mereka tidak bersetuju, saya kira sebagaimana yang kita nyatakan tadi, Kerajaan Negeri Selangor mahu memiliki ataupun mengambil alih keseluruhan proses industri air di negeri Selangor itu tetapi tidak diterima kerana dia ada empat syarikat. Kalau hanya SYABAS sahaja yang menerima tetapi tidak ABAS, tidak SPLASH, tidak Puncak, maka tidak berjaya juga.

Saya juga tidak bersetuju sangat Yang Berhormat Senator kalau melemparkan tuduhan mengatakan pada mulanya SYABAS sudah setuju dan kerajaan negeri sudah bersetuju tetapi apabila Kerajaan Persekutuan masuk campur, ia gagal. Bukan begitu Yang Berhormat. Kita sudah daripada tahun 2008 memberi ruang rundingan. Saya ingat mencecah 100 kali perjumpaan agaknya di antara ahli-ahli jawatankuasa atau *taskforce* yang dibentuk dan sampai hari ini kita masih lagi membuka ruang sebelum kita pergi kepada tindakan-tindakan yang lebih drastik seperti tindakan undang-undang dan sebagainya yang saya kira akan menjadikan rakyat sebagai mangsa juga akhirnya. Kita masih lagi memberi ruang tetapi jangan datang dengan konsep ataupun *argument*, dengan izin yang sama seperti dulu. Jadi maknanya saya kata itu sebab dipolitikkan ya. Cakap lain, bila datang lain. Jadi, tak selesai juga.

Kemudian loji kedua, apakah jaminan ia tidak akan mengalami kenaikan apabila ia dilaksanakan? Kita tidak kata pun Yang Berhormat bahawa tarif itu mesti naik berapa peratus. Sebarang kenaikan tarif air mestilah melalui bukti-bukti *submission* kepada pihak SPAN, dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat, barulah ada kenaikan. Jangan pula kata setiap negeri termasuk negeri Selangor kalau mengambil alih tidak akan meletakkan ataupun tidak akan menaikkan tarif air.

Malahan Tuan Yang di-Pertua, apabila kerajaan negeri pada satu ketika pernah mengajukan model mereka untuk diperhalusi dan juga dipertimbangkan oleh pihak syarikat-syarikat konsesi dan juga oleh Kerajaan Persekutuan, mereka juga meletakkan kenaikan tarif sebenarnya. Jadi tidak ada sebarang industri air di negara Malaysia ini yang tidak langsung

menekan ataupun meletakkan kenaikan tarif di dalam agenda perniagaan mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, mengenai tahap penguatkuasaan dan pelaksanaan Perintah-Perintah yang diputuskan oleh Mahkamah Buruh di seluruh negara.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir.

Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja telah mewujudkan sebuah tribunal untuk membuat keputusan-keputusan terhadap sesuatu tuntutan yang dikenali sebagai Mahkamah Buruh bagi mendengar, membicara dan memutuskan kes-kes aduan yang melibatkan tuntutan-tuntutan kewangan berkaitan hak-hak pekerja di bawah Akta Kerja 1955. Mahkamah Buruh ini diwujudkan di bawah seksyen 69 Akta Kerja 1955.

Jenis-jenis tuntutan yang melibatkan kewangan yang dibicarakan di Mahkamah Buruh melibatkan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) bayaran yang melibatkan isu gaji;
- (ii) bayaran yang melibatkan isu kerja lebih masa;
- (iii) bayaran faedah penamatan kerja dan renti kerja sentara;
- (iv) bayaran gaji ganti notis sama ada daripada pihak pekerja atau majikan;
- (v) bayaran yang melibatkan isu cuti; dan
- (vi) bayaran lain yang termaktub dalam kontrak pekerjaan dan perjanjian kolektif.

Prosiding pendengaran kes di Mahkamah Buruh dijalankan oleh pegawai-pegawai tenaga kerja yang berkelayakan. Keputusan Mahkamah Buruh dibuat dalam bentuk perintah yang terbahagi kepada beberapa kategori seperti berikut: perintah bayar ataupun buang kes, dibatalkan atau diketepikan. Purata kes yang dikendalikan oleh Jabatan Tenaga Kerja adalah lebih kurang 20,000 kes setahun melibatkan lebih 18,000 pekerja dan 2,300 majikan setahun. Dari jumlah kes yang dikendalikan, sebanyak 85% telah berjaya diselesaikan dalam tempoh setahun.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mana-mana pihak yang gagal mematuhi perintah Mahkamah Buruh boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan seperti berikut:

- (i) saman penghutang kehakiman ataupun dengan izin, *judgment debtor summons*;
- (ii) writ sitaan dan lelongan ataupun dengan izin *writ of seizure and sale*; atau
- (iii) pendakwaan notis kehakiman ataupun *garnishee*.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 2003 sehingga 2011, Jabatan Tenaga Kerja semenanjung Malaysia telah mengendalikan tujuh jenis penguatkuasaan melibatkan 1,385

tindakan penguatkuasaan. Pendekatan penguatkuasaan satu melalui kaedah saman penghutang kehakiman adalah yang terbanyak dengan 972 kes ataupun 70.18% tindakan telah direkodkan. Manakala terdapat juga tindakan penguatkuasaan yang telah diambil tindakan sendiri oleh pihak pengadu melalui tindakan sivil iaitu sebanyak 312 kes atau 22.52% manakala tindakan writ sitaan dan lelongan adalah sebanyak 71 kes ataupun 5.12%. Tindakan paling sedikit yang diambil ialah *garnishing* dan muflis penggulungan iaitu masing-masing satu kes sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan, tetapi jelaslah bahawa pelaksanaan setakat yang kita tahu tidak benar-benar memberikan kebajikan kepada pekerja. Saya ada beberapa contoh tetapi saya tidak mahu mengambil masa yang panjang. Maksudnya ialah adakah tindakan-tindakan yang diambil oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Tenaga Kerja misalnya terhadap syarikat-syarikat yang gagal dalam melaksanakan perintah ataupun order yang dibuat oleh Mahkamah Buruh? Itu pertama.

■1110

Keduanya ialah sejauh mana Kementerian mengadakan koordinasi dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang mana kalau disebut tadi bahawa seksyen 69 itu betul, tetapi dalam hal syarikat yang digulung ataupun *winding-up* (gulungan), maka seksyen 292, Akta Syarikat 1965 itu terpakai dan dalam seksyen 292 itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, soalan dia dua sahaja.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Soalan dia ialah sejauh mana Kementerian Sumber Manusia mengadakan koordinasi dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dalam memastikan bahawa keutamaan terhadap pekerja itu diberikan perhatian?

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Silakan Menteri.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, saya pertama mengucapkan terima kasih di atas pandangan berat Yang Berhormat Senator terhadap kebajikan pekerja-pekerja di negara ini dan memanglah Jabatan Tenaga Kerja di Kementerian Sumber Manusia berusaha sepanjang masa untuk memberi pembelaan kepada pekerja-pekerja termasuklah dalam kes-kes tuntutan-tuntutan seperti ini.

Kedua, saya juga ingin menyentuh sejauh mana isu kerana kita dapati pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, peraturan ataupun undang-undang di bawah Akta Kerja 1955, memang meletakkan gaji pekerja dan segala tuntutan pekerja sebagai keutamaan nombor satu dalam sebarang kes tuntutan dan akta syarikat yang disebut tadi, yang mana seksyen 291 dan 292 pula meletakkan gaji pekerja di keutamaan yang ketiga dan lain-lain tuntutan di keutamaan yang kelima di dalam kes-kes tuntutan.

Oleh itu, kita dapati pada masa ini, kerajaan telah pun melihat ini sebagai salah satu perkara yang perlu dilihat dan dipertingkatkan dan perlu ada koordinasi di dalam memberi keutamaan pertama kepada pekerja. Jawatankuasa PEMUDAH yang dipengerusikan sendiri oleh

Ketua Setiausaha Negara di Jabatan Perdana Menteri, pada masa ini sedang melihat perkara ini di mana Kementerian Kewangan, *Malaysian Productivity Cooperation*, MITI dan Jabatan Tenaga Kerja sedang berusaha untuk melihat bagaimana penambahbaikan dalam hal ini dapat dibuat, terima kasih.

6. Datuk Paul Kong Sing Chu minta Menteri Kerja Raya menyatakan, berapakah jumlah keseluruhan jarak jalan yang telah diturap di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia sekarang ini. Apakah status terkini Lebuhraya Pan Borneo yang telah lama dirancang tetapi masih tertangguh hingga kini. Apakah sebab kelewatan pelaksanaannya.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan senarai pewartaan jalan persekutuan sehingga 31 Disember 2011, terdapat sepanjang 17, 327 kilometer jalan persekutuan di negara ini.

Daripada jumlah tersebut, sepanjang 14,303 kilometer atau 82.5% ialah jalan persekutuan di semenanjung, 1502 kilometer atau 8.7% di Sabah, 1424 kilometer, 8.2% di Sarawak dan 98 kilometer lagi di Wilayah Persekutuan Labuan. Keseluruhan jalan persekutuan tersebut adalah berturap.

Manakala jarak keseluruhan persekutuan utama Pan Borneo, merangkumi Sabah dan Sarawak ialah sepanjang 2330 kilometer. Cadangan untuk menaik taraf keseluruhan jalan Pan Borneo kepada empat lorong dua hala atau *four lane, two carriage way* dianggarkan melibatkan kos keseluruhan projek sebanyak RM16 bilion, iaitu RM1.7 bilion untuk bahagian di negeri Sabah dan RM9.3 bilion lagi di Sarawak. Oleh sebab itu, pelaksanaan projek ini perlu dilaksanakan secara berperingkat iaitu dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, Kesebelas dan Kedua belas.

Sehingga kini dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan telah menaik taraf Jalan Pan Borneo empat lorong dua hala sepanjang 99 kilometer melibatkan jajaran Kuching-Serian sepanjang 55 kilometer dan dari Sibuluan ke Simpang Julau sepanjang 30 kilometer di Sarawak serta laluan Kota Kinabalu-Kepayan-Petagas-Putatan sebanyak 14 kilometer di Sabah.

Di samping itu, kerajaan juga bersetuju untuk mempercepatkan pembinaan projek menaik taraf jajaran jalan Pan Borneo antara Donggongon-Papar-Mesapol di Sabah kepada empat lorong dua hala sepanjang 42 kilometer yang melibatkan anggaran kos projek sebanyak RM550 juta. Kerja-kerja pembinaan fasa utama projek itu dijangka akan dimulakan pada awal tahun depan iaitu tahun 2013, manakala untuk fasa-fasa lain Jalan Persekutuan Pan Borneo akan dilaksanakan kemudian sehingga tahun 2025.

Kerajaan sememangnya amat komited dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti jalan raya di Sabah dan Sarawak. Sehubungan itu, kerajaan juga antara lain telah meluluskan peruntukan sebanyak RM423 juta dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, di mana daripada jumlah tersebut, sebanyak RM100 juta telah diluluskan pada tahun ini bagi melaksanakan projek-projek yang memberikan impak kepada pengguna jalan Pan Borneo.

Skop projek tersebut ialah melibatkan pembaikan turapan jalan, membina lorong memotong, meninggikan aras jalan dan menaik taraf lokasi yang sering berlaku kemalangan atau *blackspot*. Projek-projek ini adalah sebahagiannya telahpun dimulakan dan ia dijangka akan siap selewat-lewatnya pada akhir tahun ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Paul Kong Sing Chu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Tuan Yang di-Pertua, saya amat terkejut sebenarnya apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawabannya tadi memberitahu kita bahawa jarak panjang jalan persekutuan yang berturap di negeri Sabah dan Sarawak setakat ini ialah tidak sampai 20% daripada jarak panjang jalan persekutuan di seluruh negara. Kedua-dua negeri ini agak ketinggalan dalam pembangunan infrastruktur jalan raya utama atau *town road* berbanding negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah langkah dan tindakan progresif kerajaan untuk mengurangkan jurang pembangunan khususnya bidang infrastruktur jalan raya antara Sabah Sarawak dan Semenanjung dan keduanya, adakah Kerajaan Persekutuan bersedia melaksanakan projek lebuhraya di Sabah dan Sarawak seperti lebuhraya bertol di Semenanjung. Sekian, terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Tuan Yang di-Pertua sendiri, saya dan Datuk Paul Kong datang dari Sarawak. Kita faham jalan persekutuan di Sarawak, Sabah telah pun dibina dekat 30 tahun yang dahulu. Tuan Yang di-Pertua sendiri dari Miri dan saya dari Betong. Datuk Paul Kong sebenarnya dari Sibu tapi dia sudah berhijrah pergi ke Sabah dan dia tanya soalan Sabah, Sarawak jugalah serentak.

■1120

Ianya telah dibina dalam 30 tahun dahulu. Sehingga kini, piawai R3 sahaja yang dahulu memang boleh dianggap mencukupi dan kita perlu juga mempertingkatkan jalan ini sehingga ianya sampai ke tahap R5 kerana kenderaan sudah meningkat dan penggunaan jalan ini pun meningkat. Walaupun beberapa tahun kebelakangan ini beberapa seksyen sudah pun di perbaiki tidak seperti 10 tahun dahulu, saya masih ingat yang betulkan malam jalan telah pun dinaiktarafkan ke R5, ini pergi ke kampung saya, saya tahu, saya perhatikan. Pada masa sekarang dengan NKRA, kita buat jalan-jalan untuk kampung-kampung untuk *accessibility* dan *trunk road* ini tadi saya sudah jawab.

Kita perlu menjalankannya dengan berperingkat-peringkat, seperti mana yang saya kata tadi, 20% ianya jalan persekutuan walaupun dua negeri ini negeri yang besar, baru sampai 20% adalah jalan persekutuan tetapi kita ada juga jalan-jalan negeri di mana saya ingat di Sabah kita ada 20,000 lebih jalan negeri dan di Sarawak ada 23,000 lebih jalan, ada jalan negeri. Di mana ada juga jalan bukan berturap, di Sabah lebih banyak tidak berturap, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu tahu, mungkin lebih separuh jalan negeri di Sabah belum diturap. Bagi Sarawak 30% belum diturap dan kita boleh jalankan ini dan sekarang dengan NKRA, pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah pun membina banyak jalan di dua negeri

ini supaya menampung keperluan. Jalan ini semuanya adalah berturap dan pihak kerajaan negeri juga boleh gunakan peruntukan dari MARRIS, di mana duit ini ialah untuk membuat jalan negeri di Sabah dan Sarawak.

Saya hendak beritahu di Sabah, MARRIS diperuntukkan RM23,123 sekilometer setahun dan untuk Sarawak RM28,919 sekilometer setahun untuk mereka menyelenggarakan jalan negeri. Saya juga tahu kalau kita hendak buat lebuhraya seperti mana kita ada di semenanjung. Pertama, kita perlu kira-kira jumlah trafik dan juga kirakan kos yang tinggi, kita juga – pihak swasta kalau hendak buat juga perlu menimbang bagaimana *return on investment* boleh tercapai, *viability* dan tol mungkin akan tinggi. Ini telah pun ada kajian telah dijalankan.

Saya setuju tetapi kita tidak sebut lebuhraya langsung di jawapan saya kerana kita anggap Jalan Pan Borneo ini memang *trunk road* sahaja, bukan *highway*, bukan seperti kita ada jalan atau lebuhraya bertol dan kalau kita hendak buat lebuhraya bertol di Sabah dan Sarawak, kosnya memang tinggi dan tolnya mungkin juga tinggi, *traffic volume* tidak mencukupi. Adanya kaedah-kaedah yang lain tetapi lebih baik kita memperbaiki keseluruhan jalan dengan standard R5, dengan peruntukan yang tadi saya sebutkan berjumlah RM16 bilion.

7. Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan minta Perdana Menteri menyatakan, langkah-langkah kementerian memperbanyakkan aktiviti surau dan masjid di seluruh negara di samping memantau aktiviti dan program agar ianya benar-benar memberi manfaat kepada masyarakat dan tidak disalah gunakan oleh golongan berkepentingan sempit.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, hal ehwal masjid dan surau adalah tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan negeri seperti mana yang termaktub dalam butiran 1 senarai 2 Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Justeru, segala urusan berkaitan dengan pentadbiran masjid dan surau merupakan tanggungjawab pihak kerajaan negeri sepenuhnya.

Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri melaksanakan peranan ini seperti mana yang telah ditetapkan oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing. Ia termasuk memberi pentauliahan kepada penceramah atau mengajar di masjid-masjid yang diluluskan oleh Majlis Agama Islam Negeri. Pejabat Mufti Negeri akan mengeluarkan tauliah mengajar agama sebagai tapisan kepada mereka yang hendak mengajar di negeri-negeri dan tindakan penguatkuasaan boleh diambil terhadap mereka yang melanggar peraturan atau prosedur sedia ada.

Sebagai usaha berterusan, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau JAKIM telah mengambil langkah memperbanyakkan aktiviti surau dan masjid di seluruh negara dengan melaksanakan program takmir iaitu program pengajian agama dengan cara memperluaskan program tersebut daripada semasa ke semasa. Pada tahun 2004, jumlah kelas

takmir di masjid dan surau adalah sebanyak 25,680 kelas dan pada tahun ini jumlah itu telah bertambah kepada 29,872 kelas.

JAKIM dengan kerjasama kerajaan negeri juga telah memperkenalkan Standard Penarafan Masjid-masjid di Malaysia atau SPMM bagi menilai masjid dan di antara penilaian yang dibuat adalah berkaitan dengan pengurusan dan juga pengimarahannya. Ini akan memberi manfaat kepada pembangunan dan pengimarahannya masjid dan buku berkaitan dengan standard penarafan ini diterbitkan pada tahun 2010 dan dilaksanakan pada tahun tersebut. Bagi melaksanakan SPMM, pegawai penilai dilantik dan jadual pelaksanaannya telah disusun bermula pada Julai tahun ini, manakala dari sudut pelaksanaan dan keberkesanan pemantauan tersebut, pihak kerajaan bercadang untuk menambah Pegawai Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah atau PPMD di setiap daerah di seluruh negara dan dalam hal ini adalah menjadi tugas PPMD membantu JAKIM dan pihak berkuasa memantau aktiviti masjid dan surau di seluruh negara. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, masjid adalah sebuah institusi pendidikan berkesan sekiranya mampu berfungsi dengan betul dalam mengatasi gejala sosial yang melanda masyarakat hari ini. Soalan saya, apakah langkah kementerian dalam usaha menarik lebih ramai golongan muda belia supaya terus mengimarahkan masjid selain menganjurkan majlis ilmu dan ceramah.

Saya perhatikan hari ini, fenomena Ustaz Azhar Idrus dan Ustaz Don menjadi tarikan masjid, sentiasa 'full house' jika ustaz-ustaz ini berkunjung menyampaikan ceramah. Ini adalah contoh personaliti yang mampu menarik minat golongan belia berkunjung di masjid. Mohon pandangan kementerian.

Kedua, apa pandangan kementerian dengan langkah kerajaan DAP Pulau Pinang yang mahu mengadakan pilihan raya masjid sebab kalau dipandang dari segi mana sudut sekalipun, tidak nampak ada keperluan juga siapa Kerajaan DAP untuk menentukan apa yang baik dan tidak baik untuk institusi orang Islam walhal Pulau Pinang berada di bawah kuasa Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Ini kerana Perlembagaan Malaysia terang-terang menyatakan hal ehwal agama Islam bagi negeri-negeri beraja terletak di bawah kuasa Raja nya, manakala bagi negeri yang tidak beraja...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah itu. Soalan cukup jelas. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat atas dua soalan yang telah dikemukakan. Merujuk kepada komponen pertama tentang langkah kerajaan untuk menarik golongan untuk pergi ke masjid dan juga pengimarahannya. Seperti yang saya sebutkan tadi, kita telah memperkenalkan Standard Penarafan Masjid.

■1130

Kita memberi gred ataupun memberi taraf bintang. Lima bintang, empat bintang seperti hotel dan masjid-masjid yang mendapat lima bintang ialah masjid yang komponen pengimarahannya mestilah mempunyai program-program keilmuan kepada belia dan remaja.

Jadi masjid tidak boleh sekadar untuk mengadakan program-program yang hanya boleh menarik minat golongan tua sahaja tetapi program tersebut mestilah salah satu daripada komponen pengimarahannya yang membolehkan masjid tersebut dinaiktarafkan sampai kepada lima bintang, dia mesti ada satu program yang boleh menarik golongan muda.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dua ikon yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi sebenarnya Yang Berhormat, kita juga perlu merujuk kepada populariti mereka ini mestilah berlandaskan kepada keilmuan yang ada. Disebabkan begitu, kita sangat menitikberatkan soal tauliah ataupun yang kita katakan kredibiliti yang ada kepada seorang penceramah untuk menyampaikan ceramah.

Merujuk kepada pilihan raya masjid yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pulau Pinang, kita sebut tadi Yang Berhormat bahawa pengurusan masjid dan surau ini adalah terpulang kepada kerajaan negeri. Bagaimanapun, *stand* daripada Kerajaan Persekutuan bahawa pilihan raya masjid ini sebenarnya tidak perlu. Ini adalah kerana ia menyebabkan mereka-mereka yang tidak duduk di dalam kariah tersebut boleh menang di dalam pilihan raya dan akhirnya menguasai masjid itu hanya kerana tujuan-tujuan politik dan bukanlah ke arah memakmurkan masjid. Apa pun, ia sebenarnya adalah terpulang kepada kerajaan negeri menentukan kerana segala urusan masjid dan surau seperti yang saya sebutkan tadi adalah merujuk kepada kerajaan negeri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya juga mengemukakan soalan yang sama semangatnya dan dijawab secara bertulis di kesempatan yang lain. Oleh kerana itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menanyakan beberapa perkara yang juga relevan dengan soalan Tuan Haji Shukor dan soalan saya. Pertama, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh manakah kerjasama kerajaan negeri atau jabatan-jabatan agama negeri dengan JAKIM dalam usaha mengimarahkan masjid atau meningkatkan mutu kegiatan agama di masjid-masjid. Kerjasama daripada jabatan-jabatan agama negeri termasuk di negeri-negeri yang dikuasai oleh parti-parti yang bukan parti Barisan Nasional, itu satu.

Kemudian, saya juga ingin bertanya walaupun Yang Berhormat menyebut tadi tentang usaha-usaha memberi taraf bintang kepada masjid-masjid tetapi yang lebih khusus ingin saya tanyakan ialah langkah-langkah penyelarasan untuk meningkatkan mutu ceramah-ceramah agama

di masjid-masjid. Saya timbulkan perkara ini kerana dalam pemerhatian saya, ada penceramah-penceramah agama itu yang datang ke masjid bukan berceramah agama tetapi lebih banyak sebagai penglipur lara. Membuat lawak-lawak jenaka yang tidak kena tempat dan ini mengingatkan saya peri perlunya JAKIM dengan kerjasama jabatan-jabatan agama negeri meningkatkan dan memperkasa keupayaan atau prestasi penceramah-penceramah agama ini agar benar-benar bertindak sebagai penyampai ilmu dan peningkatan adab dan agama. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan kerjasama kerajaan negeri dan juga JAKIM untuk mengimarahkan, daripada pihak JAKIM ini kita mengiktiraf imam, PPMD dan kita membayar gaji tetapi untuk pengimarahkan, seperti mana yang kita sebutkan tadi, PPMD ini dihantar sebagai nazir untuk melihat program-program yang telah dilaksanakan dan begitu juga kerjasama yang kita buat ialah dengan cara kita mengambil *database* imam-imam dan sebagainya dan jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan tetapi pemantauan sepenuhnya seperti yang saya sebut tadi, kuasanya tidak terletak di bawah pihak JAKIM tetapi di bawah kerajaan negeri.

Saya sedar apa Yang Berhormat sebut tadi tentang langkah penyelarasan. Ada kompelin-kompelin yang menyebut bahawa mutu penceramah-penceramah ini kadang-kadang sekadar penglipur lara, sekadar membuat lawak jenaka, tidak kurang juga sekadar penyanyi-penyanyi yang membawakan pelbagai lagu untuk menghiburkan jemaah dan bukannya membawa kepada keilmuan yang sepatutnya dibawa oleh seorang penceramah dalam masjid.

Dalam usaha memperkasakan penceramah ini, apa yang dapat kita buat ialah seperti saya sebut tadi, yang hendak berceramah mestilah mendapat tauliah. Justeru itu, tauliah sehingga hari ini merupakan satu perkara yang penting kerana ia menentukan kredibiliti seorang penceramah dan tidak sekadar untuk memenuhi ruang mencari populariti ataupun kita kata menjadi penglipur lara semata-mata. Terima kasih.

8. Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, jumlah KR1M yang beroperasi keseluruhan sehingga kini dan apakah pecahan kaum yang diberikan lesen perniagaan KR1M mengikut negeri.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Tan Lian Hoe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, Kedai Rakyat 1Malaysia atau nama singkatnya KR1M adalah inisiatif murni kerajaan untuk membantu rakyat di seluruh negara untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Kerajaan menyasarkan sebanyak 85 buah Kedai Rakyat 1Malaysia beroperasi dalam tahun 2012. Sehingga 6 Julai 2012, sebanyak 47 buah KR1M telah beroperasi di seluruh negara diuruskan sepenuhnya oleh Syarikat Mydin Mohamad Holding Berhad atau dipanggil sebagai

Mydin. Baki sebanyak 38 lokasi lagi sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan termasuk mengenal pasti tapak. Pecahan KR1M mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	BILANGAN
Johor	4
Melaka	5
Negeri Sembilan	4
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	4
Wilayah Persekutuan Putrajaya	2
Selangor	7
Perak	5
Pahang	4
Terengganu	1
Kelantan	2
Pulau Pinang	2
Kedah	4
Perlis	1
Sabah	1
Sarawak	1
JUMLAH KESELURUHAN	47

Pelaksanaan KR1M telah diperluaskan seluruh negara melalui tiga model. Model pertama ialah pembukaan *outlet* KR1M dan operasi dijalankan oleh Mydin Mohamad Holding Berhad. Model yang kedua ialah jualan borong dan pengedaran *wholesale* dan *retail* barangan 1Malaysia Kedai Rakyat oleh kedai-kedai biasa. Model yang ketiga ialah pembukaan *outlet* KR1M dan operasi yang dijalankan oleh pengusaha yang dilantik. Melalui pelaksanaan model yang ketiga KR1M ini yang dibuka untuk diuruskan oleh orang ramai, sebanyak 53 pemohon daripada 201 permohonan yang diterima telah disenaraipendekkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 35 pemohon daripada kaum Melayu, 17 pemohon berbangsa Cina dan seorang dari bangsa India.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat S. Bagiam.

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya menerima baik projek KR1M memandangkan ianya dapat benar-benar meringankan beban rakyat terutama apabila kedudukan ekonomi yang tidak menentu.

Soalan tambahan saya, apakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu sistem francais bagi Kedai Rakyat 1Malaysia agar ianya dapat menembusi seluruh pelosok negara? Soalan nombor dua, buat masa sekarang ini di manakah kawasan fokus kementerian untuk mengadakan KR1M? Adakah kawasan penempatan seperti *flat*, kawasan kampung, ladang diberi keutamaan dan berapakah bilangan KR1M yang telah ditubuhkan di kawasan seperti ini? Terima kasih.

Dato' Tan Lian Hoe: Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya kerajaan belum lagi bercadang untuk KR1M ini

difrancaiskan disebabkan kerana pelaksanaannya untuk 85 ini dalam peringkat pelaksanaan dan untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sebenarnya kedai-kedai KR1M ini sebenarnya telah pun diperluaskan.

■1140

Bukan sahaja di ibu kota tetapi juga sampailah di peringkat luar bandar sebab kita tahu bahawa KR1M ini sebenarnya adalah amat sesuai untuk kita hendak memberi kepada golongan berpendapatan sederhana rendah dan pendapatan rendah di seluruh negara. Sebenarnya untuk makluman Dewan yang mulia ini iaitu disebabkan kerana permintaannya yang begitu hebat sekali pada hari ini, banyak kedai-kedai biasa sebanyak 747 buah kedai telah pun kita beri kepada kedai-kedai runcit dan juga mini market.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kedai Tukar sebanyak 103 buah telah pun menjual produk KR1M, kedai runcit yang biasa ialah sebanyak 175 buah, Pasaraya Choice yang berada di Sarawak adalah sebanyak empat cawangan juga telah menjualnya, kedai Wakaf Mart ada sebuah, Kedai Rakyat MAIWP ada sebuah, D'Mart ada tiga buah, Agro Bazaar ada 100 buah, kedai PERNAMA ada 80 buah dan stesen minyak juga ada menjual produk-produk KR1M ini iaitu sebanyak 10 buah. Sekian, terima kasih.

9. Dato' Muhammad Olian bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, perancangan dan kemajuan pewartaan tanah Orang Asli sehingga kini mengikut negeri.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Yang Berhormat, urusan pewartaan tanah Orang Asli terus diberi keutamaan oleh kementerian melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Perkara ini juga telah diputuskan melalui konsultasi dan perbincangan bersama pihak kerajaan negeri termasuk Mesyuarat Penyelarasan Isu Tanah Komuniti Orang Asli yang dipengerusikan bersama antara Yang Berhormat Menteri dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi negeri-negeri Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Perak, Terengganu dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka.

Bagi negeri-negeri Selangor, Kelantan dan Kedah, Mesyuarat Penyelarasan Isu Tanah Orang Asli ini telah melibatkan Ketua Pengarah JAKOA bersama Pengarah Tanah dan Galian (PTG) negeri-negeri berkenaan. Urusan pewartaan tanah ini juga turut dibincangkan di peringkat teknikal antara pihak pejabat Kemajuan Orang Asli peringkat negeri dan daerah bersama pejabat PTG negeri dan daerah. Selain itu bagi memantau status dan perkembangan pelaksanaan pewartaan tanah Orang Asli, Jabatan Kemajuan Orang Asli telah menggerakkan Jawatankuasa Teknikal Tanah Orang Asli mulai Disember 2009 yang bertanggungjawab dalam menyelaras maklumat serta tindakan berhubung penggunaan tanah Orang Asli di negeri-negeri masing-masing.

Berdasarkan maklumat tanah terkini pada 20 Jun 2012 terdapat sejumlah 27,768.7 hektar tanah Orang Asli yang telah diwartakan berbanding data tahun 2010 di mana hanya sejumlah 19,713.65 tanah yang telah diwartakan. Manakala jumlah tanah warta mengikut negeri setakat ini didahului oleh negeri Perak seluas 11,988.09 hektar; diikuti oleh Johor – 4,863.2 hektar; Pahang – 4,331.2 hektar; Negeri Sembilan – 3,392.5 hektar; negeri Terengganu – 1,370.37 hektar; negeri Selangor – 1,323.27 hektar; negeri Kelantan – 245.48 hektar; negeri Kedah – 173.38 hektar; dan negeri Melaka seluas 81.2 hektar.

Berhubung perkara ini juga, terdapat kemajuan dan perkembangan positif dalam urusan pewartaan tanah Orang Asli selepas ianya dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) Kali ke-65 pada 4 Disember 2009. Di antaranya adalah meliputi kelulusan pewartaan baru tanah seluas 25,647.6 ekar melibatkan 44 kampung Orang Asli di negeri Perak, kelulusan pewartaan baru 613 ekar tanah Orang Asli di Kampung Sungai Berua Hulu Terengganu melibatkan 88 ketua isi rumah, kelulusan pewartaan baru tanah Orang Asli di Kampung Jedip, Pos Brooke, Gua Musang, Kelantan seluas 606 ekar dan kelulusan pewartaan baru tanah Orang Asli di negeri Melaka seluas 984.1 ekar melibatkan 12 kampung. Selain itu dalam tempoh yang sama, pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli negeri dan pejabat tanah dan galian negeri sedang bekerjasama mengemaskinikan maklumat dan dokumen berkaitan untuk diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi kelulusan pewartaan. Sekian, terima kasih.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan satu jawapan yang cukup komprehensif.

Isu tanah ini adalah merupakan satu isu yang sangat sensitif di kalangan masyarakat Orang Asli. Jadi oleh sebab itu saya kira pihak kerajaan perlu menyelesaikan isu ini dengan bersungguh-sungguh. Jadi kalau melihat daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, negeri Perak merupakan kawasan terbanyak yang telah diwartakan penempatan Orang Asli.

Jadi soalan saya, apakah perancangan seterusnya bagi memastikan di negeri-negeri lain yang mempunyai kaum Orang Asli yang ramai khususnya di negeri Pahang untuk hendak pastikan bahawa kawasan penempatan mereka diwartakan. Ini kerana sering dibangkitkan isu bahawa Orang Asli mempunyai tanah yang lebih. Saya ingat ini tidak berapa kena kerana yang diminta oleh masyarakat Orang Asli adalah kawasan penempatan mereka diwartakan dan tidak timbul isu bahawa kerajaan menceroboh tanah Orang Asli dan Orang Asli menceroboh tanah kerajaan apabila kita tentukan kawasan persempadannya.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa peruntukan tidak mencukupi untuk membuat parameter *survey* untuk menentukan kawasan persempadanan penempatan Orang Asli. Jadi oleh itu adakah pihak kerajaan merancang untuk menambah peruntukan bagi menyukat kawasan-kawasan penempatan Orang Asli? Terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Berkenaan dengan pentingnya mewartakan tanah Orang Asli ini, seperti yang saya jawab dalam jawapan utama saya tadi memang kita sangat prihatin dan sedar tentang kepentingan ini. Kelewatan mewartakan tanah Orang Asli yang sudah ditentukan adalah disebabkan proses-proses teknikal yang banyak. Kadang kala ada juga yang kena kacau oleh pihak-pihak yang tertentu yang kadangkala menyamar diri sebagai NGO dan sebagainya.

Tentang peruntukan, sebenarnya apabila diperlukan dan sudah ada ditentukan kawasan Orang Asli yang perlu diwartakan secepat mungkin, setakat ini tidak pernah ada masalah untuk kita memohon dan mendapatkan kelulusan bagi mendapatkan peruntukan dari Kerajaan Pusat terutama sekali di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sekarang kerana beliau adalah seorang yang begitu prihatin tentang isu-isu yang melibatkan Orang Asli ini.

Apakah perancangan secara menyeluruh supaya kawasan yang dianggap kawasan tanah Orang Asli cepat diwartakan. Setakat ini kita juga melibatkan SUHAKAM misalnya supaya memberi laporan terperinci dan dalam tahun ini bulan September kalau tidak silap saya, kita harap SUHAKAM dapat memberi maklumat terperinci tentang mana-mana kawasan yang betul-betul dianggap dan ada bukti tanah itu adalah tanah Orang Asli.

■1150

Mudah-mudahan apabila laporan lengkap diberi oleh SUHAKAM nanti dan kementerian ini akan melihat sama ada bukti itu dapat diterima yang dikemukakan semua pihak terutama sekali melalui SUHAKAM ini, kita harapkan isu tentang pencerobohan sama ada Orang Asli ke tanah kerajaan, kerajaan ke tanah Orang Asli tidak lagi timbul. Sekian, terima kasih.

10. Datuk Chin Su Phin minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, adakah kementerian bercadang untuk mengkaji semula Dasar Automatif Negara (DAN) agar dapat bersaing semula dengan negara-negara ASEAN yang lain sekali gus dapat melonjakkan kembali Malaysia sebagai hab pengeluaran kenderaan di ASEAN.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh,* salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.*

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Automatif Nasional atau (DAN) telah diperkenalkan pada tahun 2006 bertujuan untuk membantu usaha transformasi dan integrasi industri automatif tempatan ke dalam jaringan industri serantau dan global dalam persekitaran yang semakin liberal dan kompetitif.

DAN telah dikaji semula pada tahun 2009 di mana beberapa dasar dan langkah-langkah baru diperkenalkan bertujuan memastikan pembangunan industri automatif tempatan yang

terancam dan tersusun serta meningkatkan keupayaan dan daya saing industri dalam jangka panjang.

Selaras dengan hasrat ini dan mengambil kira perkembangan terkini di peringkat serantau dan global, satu lagi kajian semula DAN telah dilaksanakan oleh kementerian di mana hasil kajian tersebut telah merumuskan bahawa Kenderaan Bertenaga Efisien atau *Energy Efficient Vehicle*, dengan izin, atau EEV, adalah segmen yang diperlukan oleh Malaysia bagi menjadikan negara ini sebagai hab pengeluaran kenderaan tersebut menjelang tahun 2015 dan ke arah tahun 2020.

EEV berdasarkan takrifan sebagai kenderaan yang memenuhi spesifikasi yang ditetapkan bagi penggunaan bahan bakar ekonomi dan perlepasan bahan asap termasuk kenderaan konvensional bertenaga efisien, *hybrid*, kenderaan elektrik atau EV dan kenderaan berbahan bakar alternatif seperti, dengan izin, *compressed natural gas*, *liquefied petroleum gas*, biodiesel, etanol, hidrogen dan *fuel cell*.

Dalam usaha merealisasikan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab bagi segmen EEV ini, kerajaan bersetuju untuk memperkenalkan insentif-insentif bagi pengeluaran kenderaan serta lain-lain aktiviti dalam segmen ini terutamanya yang membawa nilai tambah yang tinggi. Selain daripada itu, aspek-aspek lain seperti teknologi dan kejuruteraan, peluasan pasaran, pembangunan modal insan, pembangunan rantai pembekal dan komponen alat ganti serta keselamatan dan alam sekitar turut diambil kira dalam kajian semula tersebut yang mana sedang dikaji untuk pertimbangan.

Selain daripada itu, kerajaan juga bersetuju dengan penubuhan Majlis Automatif Nasional atau *National Automotive Council* (NAC), dengan izin. Majlis ini akan bertanggungjawab bagi memantau pembangunan dasar dan polisi kerajaan yang berkaitan dengan industri automatif Malaysia. NAC adalah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri MITI dan dianggotai oleh wakil-wakil dari pihak kerajaan dan industri.

Di antara fungsi dan peranan NAC adalah bagi memantau pelaksanaan Dasar Automatif Nasional (DAN) dan seterusnya memastikan kemapanan industri automatif secara menyeluruh. Langkah-langkah ini dapat melonjakkan kembali Malaysia sebagai hab pengeluaran kenderaan di rantau ASEAN khususnya bagi kenderaan jenis EEV ini memandangkan negara-negara pengeluar kenderaan lain di ASEAN seperti Thailand dan Indonesia tidak memberi penekanan kepada kenderaan jenis tersebut.

Ini akan dilaksanakan melalui pelaburan strategik dan adaptasi teknologi tinggi oleh syarikat-syarikat automatif tempatan untuk mengeluarkan produk yang diterima bukan sahaja di pasaran tempatan malah serantau dan global menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kerana masa tidak mengizinkan, setakat itu sahajalah pertanyaan-pertanyaan lisan buat pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2012) 2012****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah bahawa, "Rang Undang-undang Perbekalan (2012) 2012, dibacakan kali yang kedua sekarang" [9 Julai 2012]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, kerana semalam Datuk Paul Kong Sing Chu telah berucap. Yang Berhormat ada lebih kurang lima minit lagi untuk menyambung ucapan Yang Berhormat. Dipersilakan.

11.55 pg.

Datuk Paul Kong Sing Chu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai skandal PKFZ. Pada September 2009 Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan penubuhan satu pasukan khas untuk menyiasat PKFZ yang diketuai oleh mantan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan.

Pasukan ini dikenali sebagai PKFZ *Special Task Force*. Saya difahamkan bahawa pasukan ini diberi masa enam bulan untuk menjalankan siasatan terperinci mengenai skandal PKFZ. Ia ditugaskan untuk mencari sebab berlakunya perkara ini dan yang paling penting adalah untuk membuat cadangan-cadangan penambahbaikan untuk memastikan bahawa ianya tidak akan berulang lagi. Akan tetapi setelah 34 bulan berlalu saya dapati bahawa tiada laporan terperinci yang dihasilkan. Malah, Tan Sri Mohd Sidek Hassan telah pun bersara dari perkhidmatan baru-baru ini. Saya ingin bertanya, adakah laporan dari pasukan ini telah dihasilkan?

Tuan Yang di-Pertua, skandal Perwaja, MAS, PKFZ dan NFC dilihat sebagai skandal-skandal rasuah yang besar yang melibatkan individu-individu berpengaruh dan berjawatan tinggi. Tidak kita nafikan bahawa beberapa individu berpengaruh ini telah pun dibawa ke mahkamah. Persoalannya, mengapakah tokoh-tokoh korporat seperti Dato' Seri Nazir Razak mempersoalkan keberkesanan usaha memerangi rasuah di negara kita. Pada pandangan saya, apa yang lebih penting sebenarnya adalah supaya kerajaan pada hari ini mempunyai *political will* yang sebenarnya untuk memerangi kes-kes yang sedemikian dan memastikan ianya benar-benar tidak berulang lagi di masa hadapan.

Oleh yang demikian, demi untuk memperkasa usaha kita memerangi rasuah, saya menyeru agar kerajaan meletakkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau (SPRM) di bawah bidang kuasa Parlimen. SPRM haruslah benar-benar bebas dari pengaruh dan tekanan

mana-mana individu, jabatan kerajaan mahu pun Kabinet. Ia haruslah berani bertindak *without fear or favour*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk bertanya mengenai laporan-laporan yang telah dibuat kepada SPRM terhadap projek pembinaan Jalan Sapulut-Kalabakan di Sabah seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2008. Projek pembinaan jalan dari Sapulut ke Kalabakan adalah merupakan pembinaan jalan sejauh 179km dengan kos RM565 juta yang sepatutnya adalah jalan utama yang siap diturap sepenuhnya. Akan tetapi apabila siap dengan kos RM565 juta, Jalan Sapulut-Kalabakan ini hanyalah merupakan jalan berkerikil dan bukannya jalan berturap sepenuhnya.

Pada tahun lepas, Kerajaan Persekutuan terpaksa berbelanja RM270 juta lagi untuk menurap jalan ini dan untuk kontrak yang berjumlah RM270 juta ini terdapat desas-desus yang kurang sedap didengar yang mengatakan mengenai penglibatan empat Ahli Yang Berhormat yang menerima habuan dalam pemberian kontrak ini.

■1200

Tuan Yang di-Pertua, projek pembinaan Jalan Sapulut-Kalabakan ini adalah satu contoh jelas projek yang gagal di selenggara dengan baik oleh kerajaan disebabkan isu ketirisan dan rasuah.

Bagaimanakah kerajaan boleh menerima projek yang tidak disiapkan dengan sempurna? Ia amat mendukacitakan sekali. Apakah yang menyebabkan keadaan sedemikian? Malah kerajaan terpaksa menambah RM270 juta lagi untuk menyempurnakan projek tersebut. Sebanyak RM270 juta ini sepatutnya boleh digunakan untuk pelbagai projek kesejahteraan rakyat di Sabah. Saya menggesa SPRM agar menjalankan siasatan segera dan terperinci mengenai projek ini dan mendakwa sesiapa juga yang bersalah dalam skandal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan mengenai kes Pembangunan Pelancongan Nasional Sdn. Bhd. atau pembina yang tidak lagi beroperasi dan kini menanggung hutang sebanyak RM12.4 juta. Syarikat ini merupakan anak syarikat di bawah *Tourism Malaysia*, mempunyai aset sebanyak RM50 juta, jelas telah gagal dalam objektifnya dan tidak dipantau dengan baik tentang aktiviti-aktivitinya mahupun prosedur kewangannya. Saya ingin mendapatkan penjelasan dari pihak yang berkenaan mengenai kes pembina ini. Bagaimanapun kita...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah lagi?

Datuk Paul Kong Sing Chu: Tidak, sikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Paul Kong Sing Chu: Bagaimana kita kehilangan RM50 juta dari wang rakyat dan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk memastikan bahawa perkara sedemikian ini tidak akan berulang lagi?

Tuan Yang di-Pertua, saya benar-benar berharap bahawa perkara-perkara yang saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini akan mendapat perhatian sewajarnya dari pihak kerajaan.

Janganlah menjawab seperti melepaskan batok di tangga. Kita harus memerangi masalah rasuah di negara kita secara telus dan habis-habisan tanpa mengira siapa juga yang melakukannya. Jika kita gagal untuk berbuat demikian, akan hancurlah masa hadapan negara dan akan menanggung akibatnya adalah anak cucu kita dan generasi yang seterusnya. Sekian, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah. Selepas itu Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

12.03 tgh.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya sama-sama membahaskan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan bagi tahun 2012.

Dalam bajet tambahan ini, ia melibatkan sebanyak RM15.295 bilion yang mana RM1.5 bilion adalah disebabkan oleh perbelanjaan tanggungan manakala selebihnya RM13.795 bilion disebabkan oleh perbelanjaan tambahan perbekalan. Kita akan membincangkan hanya untuk perbekalan tambahan.

Perkara B.06 yang melibatkan Jabatan Perdana Menteri, di sini melibatkan tambahan RM112.9 juta yang saya lihat RM50 juta pergi kepada Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, RM30 juta kepada penjenamaan semula negara dan RM10 juta kepada MiGHT serta RM5 juta kepada ECER. Walaupun RM50 juta ini satu angka yang besar dibandingkan dengan angka asal yang diluluskan namun saya tidak menjadi halangan kerana sebenarnya dari pengalaman saya sendiri didapati bahawa KRT-KRT di bawah sana sebenarnya memerlukan banyak sumbangan, tabungan ataupun bekalan kewangan bagi mengaktifkan bukan sahaja KRT itu tetapi menggerakkan seluruh jenteranya termasuk ahli-ahlinya yang semakin lama semakin meningkat. Begitu juga dengan usaha untuk memperbanyakkan penubuhan skim rondaan sukarela di taman-taman. Ini memang saya sokong sepenuhnya.

Berhubung dengan tambahan RM10 juta kepada MiGHT. MiGHT ini adalah satu badan yang sudah lama kita tidak dengar berhubung dengan *heavy industries*. Saya mohon penjelasan tentang MiGHT ini kerana kita tahu *focus area* MiGHT ini antaranya ialah dalam bidang *aerospace*, *biomass* serta juga dengan *advance material* termasuk *advance composite*. Akhir-akhir ini, MiGHT tidak berapa ketara kerana mungkin penglibatan mereka tidak secara langsung untuk bagi membantu menambahkan aktiviti-aktiviti yang saya sebutkan selaras dengan hasrat dan cita-cita negara.

B.10 – Perbendaharaan, yang melibatkan RM300 juta kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri dan ini adalah untuk kos operasi dan imbuhan bagi tahun 2011. Ertinya ini termasuk perbelanjaan yang telah diguna pakai pada tahun 2011. Kita berharap Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang hari ini menjadi elemen penting dalam membantu kita menggiatkan atau

meningkatkan sumber kewangan negara akan terus diberi perhatian. Kalau tahun 2011 kejayaan kerajaan mengeluarkan banyak bantuan secara terus kepada penerima-penerima yang kurang bernasib baik yang termasuk dalam 'bracket' RM3,000 ke bawah. Saya yakin sekali lagi Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan sedikit insentif mampu meningkatkan kutipan daripada pembayar-pembayar cukai.

Kalau dalam tahun 2011 mereka berjaya meningkatkan lebih daripada RM27 bilion sebenarnya, saya rasa satu angka yang tidak pernah dicecah sebelum ini iaitu RM110 bilion. Jadi, kalau tahap ini dapat dikekalkan, ini bermakna LHDN mampu mengutip RM120 bilion, satu angka yang mungkin tinggi tetapi mampu. Walaupun LHDN siang-siang lagi telah mengatakan satu angka yang lebih besar daripada RM110 bilion itu tidak mungkin tercapai kerana keadaan ekonomi dunia sekarang ini.

B.11 – Perkhidmatan dan Am Perbendaharaan. Ini satu angka yang besar dan melibatkan subsidi bahan petroleum untuk tahun ini iaitu RM7.465 bilion. Sudah tentu kita ingin tahu pecahan-pecahan tentang subsidi yang akan diberi kepada sektor bahan bakar ini kerana hari ini kos *crude petroleum* dengan izin telah pun turun dan subsidi sebenarnya untuk RON95 seperti mana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri semalam sekarang ini telah dikurangkan kepada 53 sen sahaja berbandingkan hampir RM1 pada beberapa bulan yang lepas. Jadi, ini satu angka yang saya rasa boleh memberi sedikit positif kepada angka-angka tambahan perbekalan ini.

■1210

Untuk RM3.288 bilion yang dikhaskan untuk emolument kenaikan gaji iaitu setelah kita mengetepikan SBPA, sekarang ini kakitangan awam menerima 7% sehingga 13% kenaikan gaji. Diucapkan tahniah kepada pekerja-pekerja sektor awam. Kita berharap kenaikan ini akan memberi manfaat di samping meningkatkan motivasi mereka untuk terus meningkatkan produktiviti untuk negara. Satu soalan saya, orang yang juga bertanggungjawab untuk kenaikan emolument ini iaitu Ketua Pengarah, KPPA Tan Sri Abu Bakar bin Abdullah telah banyak diperkatakan dalam laman-laman sosial blog dan sebagainya. Mungkin kita ingin tahu tentang kedudukan beliau yang sebenarnya hari ini.

B.23 - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang akan membelanjakan RM6.028 juta untuk penglibatan mereka di Ekspo 2012 di Yeosu Korea. Ini adalah satu *world expo* yang mana temanya ialah *the living ocean and coast* iaitu pantai dan lautan. Saya ingin tahu apakah harapan kita setelah kita membelanjakan sekian banyak dalam ekspo tersebut. Adakah ini juga boleh dikaitkan dengan usaha-usaha untuk meningkatkan lebih ramainya ketibaan pelancong-pelancong ke negara kita? Adakah ianya semata-mata untuk kesedaran alam sekitar ataupun kita usaha sedikit lebih bagi mengaitkan dengan apa yang sedang kita buat? Dalam usaha kita menjaga alam sekitar tetapi kita mengambil kesempatan untuk menyedarkan bahawa di samping kita menjaga alam sekitar kita juga mampu membawa ataupun menarik pelancong-pelancong yang minat alam sekitar ke negara kita.

B.24 untuk MITI. Sebanyak RM60 juta diminta tambah untuk Program Pembangunan Usahawan Automotif Bumiputera. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua saya ingin tahu apakah program ini dan kenapakah perbekalan tambahan ini diperlukan sedangkan kita tahu bahawa pembangunan usahawan automotif bumiputera ini mereka ada tabung mereka sendiri yang setakat ini dikutip melalui yuran-yuran AP yang dikeluarkan. Setiap yuran AP yang dikeluarkan seseorang pengimport itu akan membayar antara RM5,000 ke RM10,000 dan telah terkumpul setakat ini lebih daripada RM100 juta.

Jadi apakah sebenarnya fungsi tabung itu, penubuhannya malahan kenapakah ianya ditubuh dan ke arah manakah tabung itu hendak digunakan? Pada hal hari ini kita terpaksa memberi tambahan perbekalan tambahan RM60 juta khas untuk pembangunan usahawan automotif bumiputera. Di samping itu saya juga ingin tahu apakah keadaannya vendor-vendor bumiputera hari ini? Vendor-vendor kepada kereta-kereta nasional dan juga kereta-kereta seperti pengeluar kereta seperti Perodua dan sebagainya, berapakah bilangannya? Apakah sumbangan mereka hari ini terhadap KDNK negara?

Dalam B.25 yang melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan juga melibatkan subsidi sejumlah RM360 juta khas untuk gula. Ini disebut sebagai bagi pembayar atau dikhaskan kepada kontrak pembelian gula jangka panjang dari tahun 2012 dan ataupun sehingga tahun 2014, gula mentah. Soalan saya ialah berapa banyakkah sebenarnya subsidi ini benar-benar sampai ke pasaran domestik ataupun pengguna domestik. Sebab kita juga dengar sebelum ini bahawa pengilang-pengilang, pembuat-pembuat, pengeluar-pengeluar makanan, pembuat-pembuat ataupun pengeluar-pengeluar biskut, roti dan sebagainya. Juga dikatakan menerima ataupun mendapat barangan ataupun komoditi ini dengan harga yang disubsidikan. Ini juga termasuk tepung gandum yang subsidinya bernilai RM30 juta.

Jadi saya hendak tahu berapakah sebenarnya pergi ke kepenggunaan industri dan berapa selebihnya kepada kepenggunaan domestik. Saya pandang serius perkara ini kerana apabila isu ini dibangkitkan baru-baru ini nampaknya Menteri KPDNKK tidak dapat memberi satu penjelasan yang tepat ataupun pantas. Seolah-olah beliau terkejut dan seolah-olah juga beliau tidak tahu bahawa hari ini pengeluar-pengeluar kilang-kilang roti mendapat ataupun menggunakan tepung gandum dan juga gula pada kadar yang kita sebagai suri rumah pembayarinya.

B.27 yang melibatkan Kementerian Kerja Raya sebanyak RM445 juta. Ini akan digunakan untuk menjelaskan pampasan tol bernilai RM425 juta dan juga penyelenggaraan jalan tambahan RM20 juta. Sudah tentu ini adalah disebabkan oleh pengumuman-pengumuman yang telah dibuat oleh kerajaan bagi memberi pelepasan kepada setengah-setengah tol tertentu. Supaya rakyat yang telah selama ini membayar tol bagi laluan-laluan yang penting dan hari ini dengan pelepasan ini ia memberi nikmat dan juga manfaat kepada rakyat-rakyat yang saya sebutkan tadi pada tempat-tempat yang tertentu.

Jadi saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua berapa banyakkah konsesi yang telah dikeluarkan setakat ini dan berapa banyakkah liabiliti kerajaan sekiranya kita ingin menghapuskan keseluruhan tol-tol yang ada di negara ini. Ini kerana saya tidak fikir malah saya menganggap bahawa dalam usaha kerajaan meringankan beban rakyat dengan keadaan ekonomi kewangan yang boleh memberi kesanggupan. Saya rasa kerajaan boleh mampu untuk menimbangkan sedikit demi sedikit kita melepaskan pelepasan untuk membayar tol-tol tersebut.

B.31 - Kementerian Pelancongan RM15 juta bagi perbelanjaan operasi sewaan yang disebabkan oleh perpindahan ibu pejabat mereka kementerian ke Putrajaya. Saya hanya ingin membangkitkan sedikit kegusaran saya tentang bilangan kedatangan pelancong ke negara hari ini disebabkan oleh beberapa faktor. Antara lain pihak pengusaha pelancongan negara iaitu MATTA hari ini telah membuat ataupun memberi angka-angka yang menunjukkan, bahawa ketibaan pelancong ke negara kita telah menurun dan begitu juga bilangan pelancong negara ke luar negara juga telah menurun pada ketika ini. Maksudnya mungkin pada tahap setengah tahun pertama 2012. Hari ini dalam *Business Time* saya lihat satu angka menunjukkan lagi bahawa negara perlu menerima kedatangan pukol ratanya 2.22 juta pelancong setiap bulan dari sekarang sehingga Disember. Bagi menampung kekurangan pelancong-pelancong yang telah tiba setakat ini yang puratanya 1.89 juta setiap bulan. Jadi ini sudah tentu akan membantutkan usaha kita untuk menambah pendapatan negara dari sektor pelancongan yang kita anggarkan seramai 25 juta ketibaan pelancong pada tahun ini. Jadi usaha-usaha serta-merta ataupun *ad-hoc* perlu dilakukan.

■1220

Saya masih lagi ingin bertanya kepada Kementerian Pelancongan, apakah usaha yang telah diambil bagi meningkatkan bilangan Pejabat *Tourism Malaysia* di bandar-bandar ataupun di negara-negara yang strategik? Strategik maksudnya daripada segi bilangan penduduknya dan begitu juga dengan tahap kedudukan ekonomi mereka dan bilangan pelancong yang keluar negara dari setiap negara tersebut. Ini kerana kita lihat umpamanya di Rusia baru-baru ini yang pihak Dewan Negara sempat melawat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua atau tiga minit lagi.

Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah: Terima kasih. Di Russia satu pasar yang cukup besar dengan 150 juta rakyatnya yang setiap tahun melawat negara Thailand dengan ketibaan 700,000 pelancong Russia sedangkan kita di Malaysia hanya mampu menarik 36,000 pelancong dari Russia. Itu sebagai satu contoh. Ini disebabkan oleh – kita ada satu pejabat di sana tetapi hanya seorang sahaja pegawai pelancong Malaysia yang berusaha untuk menarik minat ketibaan bukan sahaja dari Russia tetapi juga daripada negara sebelah iaitu Ukraine. Ini sebagai satu contoh.

Maksud B.62, Tuan Yang di-Pertua, ialah berhubung dengan Kementerian Dalam Negeri yang mana RM270 juta diperuntukkan khas untuk PRU Ke-13, RM150 juta untuk PDRM dan RM120 juta untuk RELA. Yang untuk PDRM ini Tuan Yang di-Pertua, saya boleh fahamlah kerana kita memang secara langsung melibatkan PDRM bagi mengendalikan aspek keselamatan. Yang

angka RM120 juta yang hampir sama banyak dengan peruntukan PRDM ini saya kurang faham kerana ia diperuntukkan untuk RELA dan kita mungkin jarang lihat RELA memainkan peranan yang besar semasa PRU Ke-13. Yang ini saya perlukan penjelasan.

Saya juga mengucapkan tahniah kerana kita telah menaikkan elaun sukarelawan ataupun anggota RELA daripada RM4.80 satu jam kepada RM6.80 satu jam sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sudah tentu ini akan meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh anggota-anggota RELA yang walaupun pada tahap sukarela tetapi mereka sebenarnya telah banyak membantu pasukan-pasukan keselamatan negara ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

12.24 tgh.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mendasarkan perbincangan ataupun perbahasan saya ini kepada Lampiran 'A' iaitu nota penjelasan anggaran tambahan. Nota penjelasan ini tidak cukup penjelasannya sebenarnya. Oleh itu, dalam ucapan saya, saya ingin menimbulkan beberapa persoalan meminta penjelasan dan juga membuat komen tentang perkara-perkara yang berkaitan.

Maksud B.4, Suruhanjaya Pilihan Raya diperuntukkan sebanyak RM360 juta bagi persediaan dan pengendalian pilihan raya umum. Kalau ditambah dengan apa yang telah diperuntukkan pada asalnya dalam Belanjawan, maka berertilah peruntukan ini sebanyak RM405 juta. Untuk persediaan, saya rasa penting persediaan yang baik dan salah satu perkara yang utama saya fikir untuk memastikan pilihan raya berjalan dengan licin dan diterima oleh rakyat ialah memastikan khususnya daftar pengundi. Banyak persoalan yang telah ditimbulkan dalam soal ini dan saya rasa kita tidak boleh mengetepikannya. Jangan umpamanya menafikan dengan *denial syndrome*, dengan izin, supaya bila berlaku pilihan raya, betul-betul rakyat percaya dan dunia pun menghormati keputusannya.

Maksud B.6, perkara (2), RM30 juta membiayai kos operasi dan Unit Penjenamaan Negara. Saya anggap bahawa penjenamaan negara ini ialah untuk *branding* bagi memperbaiki imej negara. Banyak usaha yang telah dijalankan dalam hal ini. Jadi saya ingin tahu apakah lagi usaha yang perlu dijalankan dan adakah, seperti biasa, konsultan tertentu diambil untuk menasihati, dan kalau ada konsultan, siapakah yang telah dipilih? Bagi saya, banyak isu-isu seperti penurunan mutu mahkamah ataupun media dan juga soal korupsi, kalau dapat diatasi, dengan sendirinya boleh memperbaiki imej negara dan tentu sekali hal-hal ini dapat diselesaikan tanpa mempunyai apa-apa konsultan.

Maksud yang sama, perkara (3), hampir RM13 juta untuk menampung kos penyelenggaraan dan perbelanjaan utiliti Istana Negara. Maaf, saya menimbulkan hal ini tetapi

Istana Negara baru siap. Daripada harga yang mula-mulanya RM400 juta akhirnya menjadi RM1 bilion. Jadi saya ingin tahu apakah dia yang hendak diperbaiki dari segi utiliti ini tidak lama selepas siapnya istana ini dan mengapakah perlunya sedemikian?

Maksud B.10, tambahan sebanyak RM300 juta bagi Lembaga Hasil Dalam Negeri termasuk bagi bayaran imbuhan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci tentang hal ini terutama sekali dari segi kos. Berapakah sebenarnya kos untuk operasi yang telah ditetapkan atau diperuntukkan dan berapa pula pembayaran imbuhan? Kalau untuk pembayaran imbuhan itu, bukan sahaja jumlah pembayaran diperuntukkannya tetapi juga berapa ramai yang akan mendapat imbuhan tersebut?

Maksud B.11 perkara (1), sebanyak RM7.5 bilion adalah dibayar untuk peruntukan tambahan bagi tuntutan subsidi barangan petroleum. Dalam soal subsidi ini, saya bersetuju pada prinsipnya ada subsidi tetapi yang pentingnya ialah kita hendak mengetahui siapakah yang mendapat keuntungan daripada subsidi itu. Subsidi bila dibagi, yang kaya dan yang miskin pun mendapat keuntungan itu. Akan tetapi kita harus mencari jalan untuk memastikan bahawa bila subsidi itu dibagi, yang lebih untung dan mendapat faedahnya ialah golongan bawahan sama ada itu petroleumkah ataupun bahan-bahan petroleum yang lain.

Dalam soal subsidi ini, saya ingin mengulangi apa yang sudah selalu disebutkan iaitu tentang subsidi yang telah diberikan kepada IPP yang dimiliki oleh beberapa orang atau syarikat yang kaya dalam negara ini yang rapat dengan pemerintah, misalnya YTL, dan semua sekali subsidi yang telah diberikan kepada mereka ialah RM17 bilion. Bilakah masanya kita akan mengkaji semula subsidi-subsidi yang telah dibahagikan kepada syarikat-syarikat besar ini supaya dapat keuntungan kepada golongan bawahan.

■1230

Maksud B.21 - Industri dan Asas Tani, tambahan RM10,000,000 ini bagi sayalah adalah sangat kecil bagi industri dan asas tani. Bagi saya golongan petani, golongan yang terlibat dengan pertanian dan sebagainya adalah antara golongan yang termiskin dan di kalangan mereka terdapat golongan Melayu yang ramai.

Kalau kita betul-betul hendakkan pembangunan seharusnya bukan subsidi yang besar yang kita berikan kepada IPP misalnya tetapi peruntukan tambahan yang jauh lebih besar daripada ini yang ditumpukan terutama sekali kepada golongan petani dan sebagainya. Jadi saya meminta sebagai dasar pihak pemerintah melakukan yang demikian.

Maksud B.23 – sebanyak RM10,000,000 untuk menampung peruntukan kepada Kerajaan Negeri Sabah dalam menangani tuntutan hak ikut adat. Saya rasa ini adalah berikutan dengan tanah adat di Sabah dan besar juga di Sarawak. Perkara ini telah menimbulkan banyak rasa tidak puas hati terutama sekali oleh golongan-golongan miskin yang berpindah-randah yang dikatakan sebagai orang asal di sana.

Saya kira perkara ini harus ditumpu perhatian supaya sekali ini golongan ini yang berpendapatan rendah yang mempunyai tanah tetapi tidak mempunyai milik yang sebenarnya, kerana mereka berpindah-randah dari kawasan yang luas. Masalah mereka dapat diselesaikan dengan seberapa cepat yang mungkin...

Datuk Maijol Mahap: Saya mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang mohon mencelah boleh diapakan Yang Berhormat? Dipersilakan.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat tentang menyentuh tentang keadaan orang asal di Sabah. Sebagai pembetulan orang asal Sabah tidak lagi berpindah-randah sebenarnya. Dia memang mempunyai tanah tetapi masalah yang dihadapi mereka ialah mereka mempunyai tidak geran tanah. Ada permohonan tanah tetapi tidak dapat diproses. sebab itulah masalah ini bukan berpindah-randah. Pembetulan bagi Yang Berhormat. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya itulah yang saya sebutkan tadi iaitu masalah milik tanah. Tanah luas ada tetapi pemilikan tidak ada bagi setengah-setengah mereka. Untuk menunjukkan keadaan buruk dari segi kemiskinan, 40% daripada golongan miskin di seluruh negara adalah dari Sabah.

Maksud B.25 – RM367,000,000 adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi subsidi gula. Subsidi gula ini sudah banyak kali dibagi dan harga gula terus naik. Banyak kali sudah naik tidak salah saya sudah tiga kali naik harga gula dalam beberapa tahun yang lalu.

Di sini saya ingin menimbulkan semula soalan tadi kalau kita bagi subsidi gula atau tepung kepada siapakah sebenarnya sasaran. Siapakah sebenarnya yang mendapat faedah? Adakah syarikat seperti yang disebutkan oleh pembicara sebelum ini ataupun adakah juga golongan-golongan yang sepatutnya tidak harus menerima subsidi tersebut.

Maksud B.42 Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM40,000,000 adalah dikehendaki untuk membiayai peruntukan bagi menangani pencegahan talasemia. Saya mengakui bahawa masalah ini adalah masalah besar bahkan masalah kesihatan banyak lagi dan saya ingin melihat misalnya satu senarai yang menunjukkan mana-mana dia penyakit-penyakit yang perlu ditangani dan mana-mana dia dan banyak mana harus diberikan peruntukan. Kita tidak mahu misalnya satu penyakit diberikan peruntukan yang besar hanya kerana ada misalannya pihak-pihak yang kuat meminta peruntukan tersebut.

Saya bagi contoh umpamanya dalam negara ini ramai kanak-kanak yang menghadapi masalah-masalah disleksia dan saya dapati bahawa sekolah-sekolah yang menangani penyakit disleksia itu adalah sedikit dan guru-guru ataupun pelatih-pelatih yang boleh melatih kanak-kanak yang menghadapi disleksia adalah sangat kurang jumlahnya.

Saya fikir ini adalah satu bidang yang patut ditangani supaya mereka yang mempunyai masalah disleksia itu dapat diatasi kerana ini boleh diatasi dan kita tahu bahawa antara orang-

orang yang pernah menghadapi disleksia walaupun mereka dikatakan sebagai OKU adalah di antara mereka di antara yang paling berjaya dalam dunia. Einstein, Leonardo Da Vinci dan juga Disney mereka semua ini adalah orang-orang yang menghadapi disleksia. Jadi kalau kita boleh selesaikan penyakit mereka mungkin kita akan dapat menimbulkan genius-genius di dalam negara kita dan dalam hal ini kita masih kekurangan peruntukan dalam bajet penambahan.

Maksud B.60 - Kementerian Pertahanan. Satu, sebanyak RM196,000,000 kira-kira diperlukan untuk kekurangan peruntukan bagi perbelanjaan penyelenggaraan peralatan. Di sini saya hendak menimbulkan sesuatu masalah yang pernah ditimbulkan iaitu soal enjin jet yang hilang. Kita tahu bahawa *Attorney General* (AG) telah pergi ke Amerika Selatan untuk menyiasat tentang hal ini. Pada waktunya pulang dia kata akan selesai dan kembali enjin jet itu dan sampai sekarang tidak ada berita itu. Saya telah menimbulkan soalan yang sampai sekarang juga tidak berjawab lagi. Jadi saya ingin dapat tahu kedudukan sebenarnya bilakah akan pulangnya enjin jet itu? Berapakah belanja yang telah dibelanjakan untuk rombongan pergi ke Amerika Selatan.

Selain itu saya dengar juga berhubungan dengan ini tidak kurang daripada 40 orang daripada pasukan Tentera Udara telah diberhentikan. Saya telah menanya soalan ini beberapa kali dan masih tidak ada lagi jawapan. Jadi saya harap kali ini akan diberikan jawapan yang memuaskan tentang perkara-perkara yang saya timbulkan tadi. Perkara lama tetapi masih menghantui setengah-setengah pihak.

Nombor tiga, dalam Maksud B.63 ialah RM4,000,000 diperlukan dalam pembayaran *ex-gratia* bagi veteran angkatan tentera. Saya rasa kalau mereka ini berhak untuk mendapatkan *ex-gratia* itu, pembayaran itu baiklah tetapi saya ingin tahu sebenarnya berapa ramai yang akan mendapat itu dan berapakah jumlah yang diperolehi yang paling tinggi dan yang paling rendah. Sehubungan dengan ini saya rasa bukan soal pembayaran *ex-gratia* yang penting, tadi ada soalan pagi tadi tentang nasib veteran-veteran tentera.

Saya pada satu waktu terlibat dengan misalannya membela peneroka-peneroka bandar dan banyak rumah telah pun dirobuhkan dan ramai peneroka bandar yang telah diusir. Di antara mereka yang saya temui adalah beberapa orang bekas tentera bererti mereka ini tidak terjamin hidupnya selepas berhenti dari segi perumahan.

Saya harap bukan sahaja soal pembayaran pencen, pencen mereka tidak ada *ex-gratia* dan sebagainya. Bukan itu sahaja tetapi di harap akan difikirkan juga soal perumahan mereka selepas mereka berhenti daripada pasukan tentera itu, kerana saya rasa golongan yang sepatutnya jangan dibiarkan tidak puas hati ialah golongan yang telah berkhidmat dengan nyawa dan keselamatan dalam negara.

■1240

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.62 - RM270,000,000 untuk menampung keperluan tugas kawasan keselamatan pilihan raya. Saya rasa memang perlu kita jaga keselamatan semasa pilihan raya. Kita tidak mahu misalnya negara ini menjadi seperti sesetengah

negara lain di mana ada berlaku bukan sahaja kekacauan tetapi pembunuhan dan sebagainya. Akan tetapi malangnya, sekarang ini sudah mulai timbul beberapa kes-kes serangan waktu diadakan ceramah-ceramah dan sebagainya, terutama sekali ceramah-ceramah yang melibatkan parti pembangkang. Salah satu sebab yang berlaku ialah kerana dekat sangat dibenarkan ceramah-ceramah diadakan di antara dua pihak yang bertentangan. Oleh kerana itu, saya harap wang yang diperuntukkan ini betul-betul akan digunakan bagi menjaga keselamatan dan melakukan pengawasan dan juga perlu diasingkan terutama sekali aktiviti-aktiviti ceramah yang diadakan sewaktu pilihan raya.

Akhir daripada yang akhir Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya celah sedikit?

Dr. Syed Husin Ali: Ya, sila.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat tentang berlakunya kekacauan-kekacauan dalam ceramah-ceramah itu tetapi tidakkah ini pada pandangan Yang Berhormat berlaku kerana ada pihak-pihak tertentu dan pihak-pihak tertentu saya rasa Yang Berhormat maklum, saya pun maklum, melakukan provokasi di luar batas. Jadi, selama ini kerana provokasi orang masih dapat menahan nafsu untuk *provoke* pihak yang lain maka kekacauan tidak berlaku banyak. Akan tetapi apabila berlaku tindakan-tindakan provokasi yang keterlaluan seperti rusuhan yang dibuat oleh segolongan orang di Dataran Merdeka baru-baru ini, itu adalah satu bentuk provokasi yang mempunyai kesan berganda yang melibatkan berlakunya kekacauan-kekacauan ini. Di sinilah akar umbinya yang harus kita fahami. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dato' Dr. Firdaus tidak akan puas hati selagi dia tidak ada soalan terhadap apa yang saya katakan. Akan tetapi saya rasa soal provokasi atau tidak, dari pihak mana ia berlaku harus disiasat dan bila berlaku, harus ada tindakan yang cepat oleh pihak berkuasa untuk menenangkannya. Dalam ceramah-ceramah yang saya sebut tadi, seolah-olah dibiarkan berlaku pergaduhan dan tidak ada tindakan daripada pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit lagi, teruskan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Jadi yang akhir daripada akhir tadi ialah soal yang saya tidak dapat letakkan di mana. Mungkin ada kaitan dengan soal pendidikan dan juga boleh berkaitan dengan soal kementerian yang menjaga pihak MARA. Ini adalah soal yang khusus di mana seorang yang baru lulus dengan cemerlang dalam SPM telah ditawarkan satu *scholarship* untuk belajar di Amerika oleh MARA. Dua tiga hari selepas dia ditawarkan, *scholarship* itu ditarik balik. Alasannya ialah dia anak bukan bumiputera. Dia ini mempunyai nama Melayu, bapanya mempunyai nama Melayu, dalam surat beranaknyanya dia disebut sebagai Melayu. Kebetulannya, bapanya ialah seperti saya seorang Syed. Jadi alasan yang diberi ialah bapanya ialah seorang Arab dan oleh kerana itu tidak berhak untuk mendapat *scholarship* tersebut.

Jadi, ini menimbulkan dua soalan yang besar pada saya. Pertamanya ialah adakah kita menghormati misalnya peruntukan perlembagaan yang mengatakan bahawa seseorang yang beragama Islam, bertutur bahasa Melayu dan selalunya menganuti kebudayaan Melayu, dia dianggap sebagai Melayu. Kalau kita anggap seorang yang seperti Syed tadi bukan Melayu dan anaknya ditarik balik *scholarship* sehingga dia menjadi *traumatic* dengan izin, ini satu perbuatan yang saya rasa terlalu celopar dan tidak patut berlaku. Keduanya ialah kalau kita mengatakan Syed ini bukan Melayu, termasuklah saya. Saya ingin bertanya di manakah kita hendak letakkan Raja Perlis?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, rasanya Perdana Menteri pun pernah menyatakan istilah Melayu ini. Ia merangkumi, tidak kira daripada Arab, daripada Lebanon...

Dr. Syed Husin Ali: Ya, daripada Bugis, Turki.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat, *your point taken*.

Dr. Syed Husin Ali: Jadi, saya harap benar-benar perkara ini diteliti.

Tuan Yang di-Pertua: Wajar, wajar.

Dr. Syed Husin Ali: Kalau diperlukan saya akan memberikan namanya, saya boleh berikan...

Tuan Yang di-Pertua: Bagus-bagus. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat bahawa daripada awal telah diminta supaya semua Ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas kemukakan nama. Saya telah menerima banyak nama di sini dan mengikut *priority*. Saya catatkan di sini kalau saya terima sesuatu itu pada pukul 12.09, saya catatkan di situ dan ini akan kita gunakan budi bicara sebaik mungkin.

Saya minta kalau sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat ada perkara penting seperti kematian dan sebagainya, kemukakan, saya sedia memberi kelonggaran dan sebagainya. Bagi *priority* kepada sesi Dewan ini dan saya minta juga kalau boleh semua Ahli Yang Berhormat, kalau tidak ada hal-hal penting, duduk di dalam Dewan. Mendengar, bahawa sesi kita tidak lama, hanya lebih kurang tujuh hari sahaja. Maka kalau hendak keluar masuk-keluar masuk, kalau lama itu mesti mendapat kelulusan daripada Tuan Yang di-Pertua dulu. Itu saya hendak nyatakan secara tegas kerana kalau ada hal-hal tidak penting, saya tidak akan benarkan. Saya teruskan sekarang ini kepada Yang Berhormat Mariany, silakan.

12.46 tgh.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2012. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah berbelanja dengan berhemah demi rakyat. Namun saya ada beberapa perkara di bawah rang undang-undang ini yang saya mohon penjelasan.

Saya merujuk kepada nota penjelasan dalam Maksud B.6 – Jabatan Perdana Menteri memohon peruntukan tambahan sebanyak RM50 juta bagi menampung peruntukan kawasan rukun tetangga, Skim Rondaan Sukarela dan Program Perpaduan dan Integriti Nasional. Di sini saya ingin mohon penjelasan lanjut daripada Jabatan Perdana Menteri tentang berapakah jumlah kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela yang berdaftar di seluruh negara pada ketika ini. Bagaimanakah peruntukan ini diberikan kepada kawasan rukun tetangga bagi melaksana Skim Rondaan Sukarela.

Kedua, selain daripada itu kita memohon penjelasan secara terperinci bagi sejumlah peruntukan yang dipohon RM30 juta untuk kos operasi dan aktiviti penjenamaan negara. Bagi peruntukan ini, kita memerlukan penjelasan berhubung dengan dasar, hala tuju, matlamat program-program yang telah dirangka dan dilaksanakan seperti impak kesan langsung yang dimanfaatkan dalam urusan aktiviti penjenamaan semula.

Seterusnya, bagi Maksud B.11 – Sebanyak RM7.465 bilion dipohon untuk menampung subsidi bahan atau barangan petroleum bagi tahun 2012. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Pusat memohon tambahan peruntukan dari sejumlah RM17 bilion yang diluluskan dalam Bajet 2012 menjadikan keseluruhan subsidi petroleum ini adalah sebanyak RM24.46 bilion. Untuk itu, kita memohon penjelasan dan juga semakan, apakah kerajaan akan mengadakan satu dasar baru yang lebih praktikal untuk mengurangkan bajet subsidi ini kerana jumlah yang besar ini hanya menampung subsidi golongan rakyat kelas menengah dan tidak untuk rakyat biasa. Kita juga mohon kerajaan menjelaskan bagaimanakah satu dasar baru dapat diadakan untuk mengawal selia subsidi ini agar ia lebih praktikal dan efektif untuk dibelanjakan.

Untuk itu, kita mohon penjelasan tentang mekanisme yang boleh diguna pakai atau dicadangkan seperti berikut: pertama, bagaimanakah kerajaan mengawal penjualan diesel subsidi kepada kenderaan asing terutamanya yang berada di sempadan negara yang mendapat keistimewaan membeli diesel pada harga yang murah di Malaysia iaitu 20 liter sekali isi di satu stesen minyak. Jadi kalau satu kenderaan ini boleh pergi satu hari ke empat lima stesen, kalau lima dia dapat 10 liter. Ini adalah kenderaan asing yang mendapat diesel subsidi secara tidak langsung atau langsung;

■1250

Kedua, produk-produk LPG dengan izin, *liquefied petroleum gas* yang dibekalkan ke pasaran domestik digunakan untuk golongan isi rumah dan juga kepada pengguna seperti restoran atau kedai-kedai makan. Nyata sektor komersial ini seperti restoran atau kedai makan ini telah menjana keuntungan berganda daripada subsidi kerajaan ini. Oleh yang demikian, diharap kerajaan dapat membetulkan keadaan ini supaya matlamat atau sasaran subsidi ini dicapai sewajarnya.

Seterusnya bagi maksud B.27 bagaimana Kementerian Kerja raya akan membelanjakan sebanyak RM425.8 juta bagi bayaran pampasan tol. Saya ingin mohon kementerian menjelaskan

secara terperinci berapakah nilai dan justifikasi pemberian bayaran pampasan ini kepada setiap syarikat konsesi pada tahun 2012? Bagaimanakah cara atau mekanisme bagi merundingkan semula konsesi tol ini dengan pembayaran pampasan ini dapat dikurangkan agar bebanan kewangan kerajaan tidak ketara?

Seterusnya diminta Kementerian Kerja Raya memberikan nilai terperinci bagi setiap konsesi perjanjian konsesi tol untuk unjuran trafik serta kadar tol yang dikutip serta jumlah trafik yang direkodkan bagi lima tahun terbelakang untuk semakan ahli Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi maksud B.11 semakan kenaikan gaji kakitangan awam. Mohon penjelasan iaitu jumlah terperinci wang lebihan bayaran bagi gunakan kenaikan gaji kumpulan jawatan utama sektor awam JUSA dan Turus yang mana kenaikan gaji mereka dinaikkan terlalu tinggi dan tidak mengikut interpretasi bajet 2012. Saya difahamkan kumpulan pegawai tinggi ini telah menimbang bayaran kenaikan bermula Januari 2012 sehingga tarikh di mana SBPA dimansuhkan. Adakah pemulangan semula bayaran ini telah dilakukan sepenuhnya oleh mereka kepada kerajaan? Sekian Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan.

12.53 tgh.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini khusus pada maksud B.25 iaitu maksud B.25 peruntukan sebanyak RM367 juta untuk menampung kekurangan peruntukan bagi subsidi gula berdasarkan kontrak jangka panjang 2012-2014 bagi pembelian gula mentah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh isu subsidi gula. Baru-baru ini ada pihak yang membuat kenyataan akhbar bahawa kerajaan menambah subsidi gula daripada 20 sen ke 54 sen bagi tujuan memancing undi pilihan raya. Saya berpandangan tohmahan ini tidak benar kerana penambahan nilai subsidi gula daripada RM262.41 juta kepada RM567 juta pada masa ini semata-mata untuk kepentingan rakyat. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan masalah subsidi gula ini ialah gula ini cukup sebab kerajaan baru-baru ini telah menyenaraikan 13 syarikat yang mana mereka ini tidak diberi subsidi gula. Yang diberi hanya kepada pengguna-pengguna suri rumah.

Yang jadi masalah isu dia ialah penyeludupan Tuan Yang di-Pertua. Saya datang dari Perlis, kita dapati pada musim kekurangan gula Tuan Yang di-Pertua, kita boleh dapati gula di Padang Besar sebelah sana dan di Wang Kelian sebelah sana. Ini isu dia. Sekarang ini isu gula selesai tidak ada masalah.

Yang menjadi isu sekarang ini ialah isu minyak masak. Harga minyak masak RM2.40 bersubsidi. Apa yang berlaku di sebelah Thailand, mereka jual RM3.80. kita terpaksa beli di belah sana kerana kita tidak mempunyai minyak. Ini isu dia Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya ingat perkara-perkara macam ini saya sarankan kepada Kementerian KPDNKK untuk mengelakkan

penyeludupan yang berlaku ketara. Patut diberi kuota-kuota ini kepada pergerakan koperasi. Saya dapati ada satu koperasi di Perlis yang mana kita dapati telah mendapat kuota gula. Mereka ini kalau ada kekurangan gula, semenjak mereka mendapat kuota gula, Perlis tidak ada masalah lagi dengan kekurangan gula.

Jadi kita dapati koperasi-koperasi ini dia mementingkan kepada orang ramai. Dia bukan daripada syarikat 'sendirian berhad' ataupun *enterprise*, koperasi dia mempunyai ahli yang ramai. Jadi saya ingat kalau pihak KPDNKK boleh memberi kuota-kuota tertentu kepada koperasi yang berwibawa iaitu yang mampu untuk mengendalikan barang-barang makanan seperti gula, minyak dan tepung.

Saya ingat masalah-masalah penyeludupan ini dapat diatasi dan kekurangan bahan-bahan bekalan ini dapat dia atasi. Saya melihat di sebalik jaminan kerajaan bawah stok gula mentah masih mencukupi iaitu kerajaan telah mengambil langkah bagi memastikan 70% gula mentah dijamin bekalannya pada harga yang dipersetujui melalui LTC iaitu dengan izin, *Long Term Contract* dan hanya 30% gula mentah perlu dibeli di pasaran bebas.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia kita tidak ada lagi ladang tebu. Ini sebab baru-baru ini pihak syarikat di Perlis MGV telah membuat satu keputusan telah menamatkan penanaman tebu di Perlis. Jadi akhirlah, cerita tebu ini tidak ada lagi sudah. Jadi kita akan import 100% gula dari luar negara. Ini untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini. Pada 30.4.2012 penutupan ladang tebu selesai. Kita tidak ada lagi tebu di Malaysia ini. Jadi saya ingat masa pun sudah...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya sedikit? Kenapa ditutup, siapa tutup? Kenapa, siapa, kenapa?

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab ditutup sebab tanah tidak mencukupi. Dahulu kita ada dalam 20 ribu ekar tanah. FELDA telah menukar tanah tebu ke getah. Jadi tinggal lagi 10 ribu ekar. Jadi 10 ribu ekar itu memang tidak *economical* untuk kita hendak buat gula. Lebih mahal kalau kita proses gula di Malaysia dengan kita bawa masuk import.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, jadi apa cadangan untuk buka balik atau serah kepada mana-mana kementerian.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk membuka ladang tebu ini untuk pengetahuan Yang Berhormat hanya tiga negeri sahaja yang sesuai. Perlis, utara Kedah dan Kelantan.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terengganu tidak ada?

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terengganu tidak ada. Jadi memang bermasalah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, boleh? Sekejap sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat. Saya benarkan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Adakah penutupan atau pemberhentian ladang tebu itu telah mengambil kira akibat jangka panjang dia? Alasan jangka pendek yang diberikan sekarang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya benarkan nanti kerana masa sudah menunjukkan tepat jam 1. Saya terpaksa menghormati masa dan kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang ini.

Sebelum itu Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat semua, kita ada sejumlah 20 orang hendak berucap. Saya akan cuba – untuk menyenangkan saya merangka waktu, siapa hendak ucap rang undang-undang ini sila kemukakan nama. Nama-nama yang sudah bagi ini saya harap datang sebelah petang nanti dan kita cuba selesaikan. Kalau perlu kita tambah masa malam, kita buat. Kita mohon kerjasama daripada semua ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

■1430

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor untuk menyambung perbahasan beliau. Masih banyak lagikah Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, sebab tadi sudah berapa minit.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, teruskan.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Sebenarnya tadi saya sudah sampai penghujung. Saya menyokong rang undang-undang. Mungkin kalau ada kawan-kawan yang masih bercelaru, cuma saya hendak minta, hendak *emphasize* di sini daripada segi penguatkuasaan. Ini kerana banyak barang-barang bersubsidi untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, banyak barang-barang bersubsidi kita ini ada di sebelah negara jiran kita, baik gula, baik minyak, baik tepung, baik minyak petrol, semua dok pergi sebelah sana. Jadi kalau benda-benda ini kita dapat penguat kuasa kita kalau betul, jalan elok, mungkin kita boleh menyelamatkan subsidi kita. Jadi itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Majjol Mahap: Saya mohon mencelah.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Ya.

Datuk Majjol Mahap: Yang Berhormat, sebelum kita berehat pada tengah hari tadi, saya terdengar Yang Berhormat mengatakan bahawa negara kita sekarang ini 100% pengimport gula, 100%. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat, sebagai negara pertanian seperti Malaysia

ini, tidaklah elok kalau kita ini mengimport 100% gula, *are we should produce some sugar in this country*, dengan izin, apakah pendapat Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita sendiri patut ada gula tetapi adalah tidak adil kalau kita hendak memaksa syarikat tertentu untuk mengeluarkan gula dengan kapasiti yang kecil, tidak *economical* sama sekali. Tiap-tiap produk ini kita hendak *produce*, umpama tebu di Perlis kita kata, dengan 10,000 ekar tiap-tiap kali *production* kita akan rugi lebih kurang RM10 juta hingga RM15 juta.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Rehat tadi, bercakap mengemukakan soalan... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Saya tidak hendak melanjutkan pertanyaan saya dengan andaian bahawa Yang Berhormat itu akan menjawab tetapi pun tidak dijawab. Oleh itu saya barangkali dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulang soalan saya. Apabila projek penanaman ladang tebu itu dimansuhkan, sudahkah difikirkan kesan jangka panjangnya yang barangkali ini sama semangatnya dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Maijol tadi. Maksud saya begini, okeylah sekarang kita memansuhkan projek ladang tebu itu tetapi apa alternatif, apa gantinya. Adakah umpamanya pihak yang berkenaan meminta supaya MARDIKah untuk memikirkan bagaimana masalah-masalah yang dihadapi oleh ladang tebu sekarang dapat diatasi untuk jangka panjang? Jadi saya memikirkan, jangan hendaknya kerana sebab-sebab semasa, kita cuai memikirkan akibat negatif jangka panjangnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat, pihak kerajaan negeri telah memandang perkara ini amat serius. Oleh sebab itu tanah yang digunakan itu sebenarnya untuk tebu, tetapi apabila pihak syarikat membuat permohonan untuk menukarkan asal tanah tebu kepada tanaman yang lain, syarat nyata tetap tebu. Tanah-tanah tersebut syarat nyata tebu dan dibolehkan tanam getah dan lain-lain tanaman.

Soalan Yang Berhormat tadi, apa reaksi jangka panjang. Ditakdirkanlah pada suatu ketika nanti kita memerlukan tebu, jadi tanah tersebut iaitu tanah-tanah 20,000 ekar kita katakan ya, yang mana telah diubah syarat sebagai getah dan sawit, kita boleh tukarkan semula kepada tebu. Jadi pihak kerajaan negeri memikirkan perkara ini amat serius walaupun diberi pelonggaran daripada asalnya tebu kepada tanaman yang lain, itu Yang Berhormat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada apa...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya tidak puas hati dengan jawapan... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, kita ada lebih kurang 21 orang lagi yang hendak berucap. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih. Saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok untuk berbahas. Lamakah Yang Berhormat? Banyakkah? Berapa minit agaknya?

Puan Chew Lee Giok: Kurang daripada 10 minitlah. Saya punya tidak panjang sangat.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey sebelum itu, saya ingin memperingkatkan Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader untuk bersedia. Selepas ini Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader. Teruskan Yang Berhormat Chew.

2.38 ptg.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, salam 1Malaysia kerana membenarkan saya menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2012 ini. Pertama, hendak merujuk kepada B.6 - Jabatan Perdana Menteri. Sebanyak RM50 juta telah diperuntukkan untuk menampung peruntukan bagi kawasan rukun tetangga, skim rondaan sukarela dan program perpaduan integriti nasional. Persoalan saya ialah saya ingin menanyakan tentang pecahan peruntukan untuk rukun tetangga, untuk pasukan rondaan sukarela, program perpaduan integriti nasional ini. Merujuk kepada peruntukan ini, didapati terdapat ramai ahli Rukun Tetangga dan juga sukarelawan rondaan akan berada di dalam masyarakat kita. Maka saya berharap dengan adanya peruntukan ini, maka kes-kes kecurian dan rompakan akan menurun bersama kerjasama polis.

Merujuk kepada B.11 - Perkhidmatan Am Perbendaharaan di mana sebanyak RM74.65 juta sebagai tambahan peruntukan bagi pembayaran tuntutan subsidi ini barangan petroleum tahun 2012. Saya juga mintalah kalau boleh mengetahui pecahan subsidi untuk diesel, RON97, RON95 dan gas asli.

■1440

Merujuk kepada B.23 - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sebanyak RM6,028,000 adalah untuk menampung peruntukan Malaysia dalam Ekspo 2012 iaitu *Youth Seoul Korea*. Pesan saya, apakah *Seoul Expo Youth* ini dan apakah hasil yang diperolehi Malaysia selepas menyertai *Expo Youth*, Seoul yang telah menggunakan RM6,028,000. Di sini mengenai kementerian ini, maka saya hendak menyentuh sedikit tentang satu isu, tentang binatang yang comel iaitu bukan 'kung fu panda', saya hendak sentuh tentang si panda ini.

Kita mengetahui bahawa pada bulan Jun, Kerajaan Malaysia telah menandatangani Perjanjian Kerjasama Antarabangsa Konservasi Giant Panda dengan pihak Kerajaan Republik Rakyat China pada 15 Jun 2012. Biasanya kita tahu tentang kedatangan panda ini pada di mana-mana negara akan disambut baik oleh rakyat mereka. Kedatangan panda ini pada tahun depan akan menunjukkan hubungan diplomatik yang erat antara China dengan Malaysia. Saya hendak

beritahu bahawa Malaysia merupakan negara yang ke-16 di dunia ini menerima kedatangan binatang yang comel ini.

Akan tetapi saya amat kecewa sedikit bila melihat ada orang yang cuba mencaci, menyindir, mengkritik tentang kedatangan sepasang panda ini. Apa sebab? Sebab politik Malaysia ini telah dibelah dua. Sebelah menyokong BN, sebelah menyokong Pakatan Rakyat. Sebab binatang panda ini telah dibawa masuk oleh Perdana Menteri kita, Perdana Menteri BN. Sebab itu penyokong-penyokong Pakatan Rakyat yang tidak suka, mereka pun buat mengkritik, mencaci di dalam internet, dalam *Facebook* boleh nampak semasa dia hendak menamakan binatang yang comel ini. Maka, saya mintalah pihak tertentu jangan apa-apa pun dipolitikkan. Betul tak? *Politicize*. Binatang yang comel hendak datang pun hendak main politik. Kesian bukan? Binatang mana main politik sebab kita hendak dengan sambutan yang baik untuk menyambut kedatangan binatang yang comel ini. Ini yang saya hendak sebut sedikitlah.

Merujuk kepada B.27 - Kementerian Kerja Raya. Di sini ada menyatakan menyentuh tentang pembiayaan keperluan tambahan bayaran pampasan tol ini. Maka, saya hendak bawa isu ini mengaitkan dengan tempat saya. Pada 2 Julai 2012, Menteri Kerja Raya Datuk Seri Shaziman ada datang, telah mengadakan lawatan kerja ke tapak cadangan persimpangan bertingkat Sri Kembangan, Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya (MEX). Di mana tol yang akan dikenakan ialah RM2.20. Maka, saya mohon kalau boleh agar tol ini boleh diturunkan lagi. Janganlah RM2.20 sebab isu ini pun dimainkan parti pembangkang.

Merujuk kepada B.30 - Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, tambahan sebanyak RM10 juta untuk membiayai kos pelaksanaan program digital Malaysia oleh *Multimedia Development Corporation*. Soalan saya ialah apakah program digital Malaysia ini. Merujuk kepada B.41 iaitu Kementerian Pelajaran. Sebanyak RM160 juta telah digunakan untuk menampung bantuan tambahan persekolahan dan yuran Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia bagi tahun 2012. Maka, saya hendak tanya, adakah setiap sekolah mendapat peruntukan yang sama dan berapa jumlah peruntukan yang telah diedarkan kepada sekolah-sekolah tersebut.

Ini tentang isu pendidikan, maka saya hendak sentuh juga isu semasa. Mengenai pembinaan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina selalu menjadi isu yang dikritik oleh Pakatan Rakyat, terutamanya DAP. Tuan Yang di-Pertua, kalau berbanding dengan sepuluh tahun yang lepas, yang dahulu dan sepuluh yang sekarang ini memang terdapat banyak perbezaan. Terdapat sekolah rendah jenis kebangsaan Cina yang baru telah dibina. Bila Kementerian Pelajaran telah meluluskan tapak tanah ini, maka proses pembinaan sekolah baru seperti menyediakan pelan bangunan akan dibuat dan akan dihantar kepada pihak berkuasa tempatan iaitu majlis perbandaran.

Bila lembaga pengelola sekolah menghantar sekolah menghantarkan pelan bangunan ini ke majlis perbandaran untuk mendapat kelulusan terutama negeri Selangor, saya sudah tujukanlah, maka timbullah masalah di mana pihak berkuasa tempatan negeri Selangor ini selalu

menyusahkan kita, menyusahkan pihak lembaga pengelola sekolah. Contohnya, pembinaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, Tun Tan Siew Sin itu di mana pihak berkuasa tempatan, MPSJ minta apa, dia minta pihak lembaga pengelola sekolah supaya membina jejantas. Minta bina *bus stop* di luar kawasan sekolah. Sebenarnya pembinaan ini, *infrastructure* ini, dengan izin, jejantas atau *bus stop* ini, dengan izin, adalah di bawah kuasa majlis perbandaran ataupun kerajaan negeri dan bukan minta pihak lembaga pengelola sekolah yang membinanya di mana ia menyusahkan kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa memang apa-apa hal pun dia akan dimain, akan dipolitikkan. DAP selalu mengkritik Kerajaan BN terutamanya MCA dalam pembinaan sekolah rendah jenis kebangsaan ini. Akan tetapi cakap tidak sama bikin. Di mana sehingga hari ini Kerajaan Pakatan Rakyat di negeri Selangor yang empat negeri, terutama / hendak tuju kepada negeri Selangor ini, tidak ada pun sebidang tanah dia peruntukan untuk pembinaan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina ataupun sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil, tidak ada. Cakap sahaja, cakap senang tetapi buat tidak dapat.

Semasa debat... [Tepuk] 2.0 ini antara Presiden MCA, Datuk Seri Chua Soi Lek dengan Sec. Gen. DAP, Mr. Lim Guan Eng, Datuk Seri Presiden kita pun ada mengemukakan soalan ini, mana tanah yang diperuntukkan oleh negeri Pakatan Rakyat. Yang Berhormat-Yang Berhormat semua tahu, memang Lim Guan Eng tidak ada menjawab, membisu sahaja. Maksudnya, memanglah tidak ada sebidang tanah yang diperuntukkan. Sebab itu saya selalu cakap dia janji kosong sahaja, cakap kosong sahaja.

Sebaliknya Perdana Menteri kita, Datuk Seri Najib Tun Razak merupakan seorang pemimpin yang berani membuat transformasi, berani menepati janji. Sebab itu sekarang ini kita menggunakan slogan di Selangor ini, '*Janji Ditepati*'. Sebab itu kita hendaklah memberi sokongan yang penuhnya kepada Perdana Menteri kita... [Tepuk] Itu sahaja perbahasan saya, sekian saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin menjemput, mempersilakan Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader.

2.48 ptg.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: *Assalamualaikum*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2012 di bawah Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan tambahan yang dibentangkan ini dilihat amat berpatutan yang mana sebahagian jumlah perbekalan ini diagihkan kepada perbelanjaan mendesak yang boleh dikategorikan di bawah beberapa komponen utama iaitu 7.869 bilion untuk subsidi, sebanyak RM5.16 bilion untuk keperluan emolumen dan RM360 juta untuk keperluan Pilihan Raya Umum ke-13. Sebanyak RM425.8 juta untuk bayaran pampasan tol dan sebanyak

RM123.4 juta untuk keperluan-keperluan lain antaranya penyelenggaraan kos operasi dan juga utiliti.

■1450

Subsidi tol juga telah disertakan dalam maksud tambahan RM343 juta dalam perbelanjaan tahun 2012 diperuntukkan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa isu yang saya percaya perhatian harus diutamakan. Isu dokumen pengenalan diri yang masih lagi wujud di kalangan masyarakat Malaysia dari pelbagai kaum di seluruh pelosok negara. Apakah fenomena ini akan sentiasa kekal dan tidak berakhir? Apakah usaha kerajaan dalam menjamin masalah pengenalan diri tidak kira surat beranak, kad pengenalan, sijil perkahwinan dan banyak lagi dokumen-dokumen yang diharuskan mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan negara ini akan diselesaikan.

Saya menyeru kerajaan agar dapat menubuhkan satu Jawatankuasa Pemantauan bagi menangani masalah dokumen pengenalan diri di negara ini dengan segera agar kelemahan-kelemahan ini tidak memburukkan kerajaan yang dilihat amat prihatin dan komited dalam melaksanakan urusan pentadbiran negara. Saya mohon agar kerajaan dapat menjelaskan agar satu jalan penyelesaian yang lebih komprehensif dapat dilaksanakan memandangkan terdapat ramai lagi anak-anak yang dilahirkan di Malaysia masih tidak mempunyai dokumen pengenalan atas sebab-sebab yang tertentu yang jelas mencerminkan bukan kesalahan anak-anak ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan agar semua pekerja asing di negara kita ini mempunyai satu kad pengenalan diri biometrik agar aktiviti mereka ini dapat dipantau serta mewujudkan satu sistem pengurusan yang lebih holistik. Dengan adanya sistem sedemikian, saya percaya tidak akan wujud untuk ruang pihak-pihak tertentu untuk mempolitikkan isu-isu sedemikian. Adalah wajar untuk kerajaan menangani masalah pekerja-pekerja asing di negara ini dengan mewujudkan kad pengenalan diri agar urusan perbankan, kesihatan serta apa jua urusan dalam negara ini dapat dilaksanakan tanpa ragu-ragu.

Ini juga akan mencerminkan keprihatinan kerajaan terhadap pekerja asing di negara ini sambil memantau urusan mereka agar tidak melanggar sebarang undang-undang negara kita. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada satu lagi isu tentang sosial daftar pemilih, pinda mengundi berkelompok, pinda sana, pinda sini dan sebagainya adalah tepat pada masanya untuk kerajaan memastikan agar satu sistem pendaftaran dapat diwujudkan agar ianya berkait dengan *database* pejabat pendaftaran negara. Saya berpendapat jika satu sistem dapat diwujudkan di antara Suruhanjaya Pilihan Raya serta pejabat pendaftaran kelahiran dan kematian ini secara *online* dan menentukan agar segala laporan kematian ini dapat dimuat naik dalam sistem ini untuk dikemaskinikan.

Dengan cara ini saya percaya agar pihak-pihak tertentu tidak dapat mengungkit kelemahan-kelemahan yang wujud sambil menyalahkan SPR. Saya menyarankan agar pendaftaran pemilih ini dijadikan automatik mengikut sistem yang ditentukan oleh kerajaan dan

senarai pengundi ini dikemaskinikan setiap bulan untuk menggugurkan pengundi-pengundi yang telah meninggal dunia. Alamat mengundi juga harus dikemaskinikan dan ianya boleh dijadikan sebagai satu penyeksaan oleh pengundi sendiri dalam memastikan kawasan dan lokaliti mengundi itu sendiri.

Seterusnya berhubung dengan isu subsidi. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kerajaan mengenai subsidi yang biayai oleh kerajaan dalam memastikan rakyat kita tidak dibebankan dengan pasaran global. Saya percaya Kerajaan Barisan Nasional sahaja yang sanggup menanggung jumlah subsidi yang begitu tinggi dalam memastikan rakyatnya tidak dibimbangkan berbanding dengan negara-negara jiran di Asia Tenggara. Dalam masa yang sama, saya ingin menyarankan agar kerajaan dapat mengkaji semula syarikat-syarikat yang bermonopolikan komoditi-komoditi tertentu seperti gula, beras, minyak dan sebagainya.

Saya percaya sudah tentu kerajaan dapat mengenal pasti *lacuna* atau kebocoran-kebocoran yang wujud dalam mengendalikan urusan komoditi-komoditi sedemikian. Jika kita dapat mengenal pasti kebocoran ini, saya percaya kerajaan dapat menjimatkan sumbangan subsidi ini. Perwujudan sistem pertanian tebu yang lebih mantap juga boleh mengurangkan kos pengurangan subsidi gula di negara kita. Apabila kita mempunyai perladangan tebu, saya percaya tahap penggantungan gula import pasti dapat dikurangkan.

Kita sedia maklum akan kepakaran serta iklim yang sedia ada di negara kita dapat membantu sektor pertanian dan perladangan ini dapat dipertingkatkan dalam menjamin pengeluaran yang lebih sambil mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada belia-belia kita yang berminat dalam bidang pertanian dan perladangan. Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ingin saya menyentuh sedikit tentang Program Usahawan Automotif daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya mengalu-alukan program sedemikian di mana kita sedar bahawa belia-belia kita adalah aset negara bagi menjamin masa depan yang cerah.

Program *entrepreneurship* bagi menggalakkan usahawan kita agar dapat menguruskan perniagaan mereka ini amat digalakkan. Saya harap kementerian dapat mempergiatkan lagi usaha ini agar ramai belia kita dapat berkecimpung dalam industri perniagaan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita atas sumbangan dan bantuan yang telah dipanjangkan kepada pemandu-pemandu teksi agar ianya dapat mempertingkatkan lagi produktiviti mereka. Saya juga sarankan agar bantuan-bantuan sedemikian juga dapat disampaikan kepada belia-belia kita yang berniaga seperti penjual burger di kawasan-kawasan perumahan, penjual air, buah-buahan serta semua peniaga-peniaga kecil yang berdaftar untuk menjalankan perniagaan-perniagaan sedemikian di semua kawasan perumahan.

Saya percaya dengan bantuan sedemikian ianya akan menggalakkan minat dan usaha mereka untuk berniaga sambil meningkatkan pendapatan mereka. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop. Tidak ada dalam Dewan? Yang Berhormat Puan Hajah Rohani binti Abdullah. Silakan Yang Berhormat.

2.57 ptg.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua juga saya hendak ucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberi untuk dalam perbahasan Rang Undang-Undang Akta Perbekalan Tambahan 2012 ini yang keseluruhannya berjumlah RM13.79 bilion.

Timbalan Yang di-Pertua: Tunggu dulu Yang Berhormat.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum ini saya ingin memperingatkan bahawa Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun akan berbahas selepas ini. Sila bersiap sedia. Teruskan Yang Berhormat.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak sentuh Maksud B.25 - Kementerian KPDNKK berhubung tambahan peruntukan sebanyak RM404 juta bagi subsidi gula dan tepung gandum. Saya tidak hendak ulas sudah sebab ramai di antara rakan-rakan Senator telah pun sebut. Cuma saya hendak minta penjelasan daripada kerajaan tentang apakah peruntukan subsidi ini juga membabitkan pengguna industri sekiranya berapakah jumlah yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan bagi subsidi kepada industri berkenaan.

Berkaitan dengan Maksud B.27 - Kementerian Kerja Raya berhubung tambahan peruntukan sebanyak RM425.8 juta bagi bayaran pampasan tol. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan berhubung bayaran pampasan ini. Mengapa kerajaan terpaksa membayar pampasan yang begitu banyak sebagai bayaran kepada konsesi ini? Saya juga ingin mendapat penjelasan kerajaan, konsesi-konsesi ini yang beroperasi semasa kini dan tempoh konsesi tersebut.

■1500

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang, orang awam terpaksa menanggung bayaran tol yang agak membebankan. Sebagai contoh, pengguna lebuh raya dari Tol Rawang ke Tol Jalan Duta iaitu kalau sehala RM3.60, pergi balik RM7.20 bermakna kalau sebulan RM180. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi mengurangkan beban pengguna jalan raya dalam konteks hubungan tol ini? Apakah kerajaan bercadang mengurangkan bayaran tol yang sedia ada?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah maksud B.42 - Kementerian Kesihatan berhubung peruntukan sebanyak RM40 juta bagi menampung kekurangan peruntukan perkhidmatan bekalan bagi 030800 - pediatrik; dan 032100 - patologi. Saya ingin mendapatkan penjelasan mengapakah

Kementerian Kesihatan mengalami kekurangan peruntukan ini. Adakah ianya berpunca dari pertambahan doktor pakar ataupun kos peralatan?

Saya ingin mendapat penjelasan Kementerian Kesihatan bilangan doktor dan doktor pakar mengikut bidang dan penempatannya mengikut negeri khususnya dalam bidang pediatrik dan patologi. Seterusnya, apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan kepakaran doktor berkenaan bermula di peringkat pengajian lagi, seterusnya di peringkat *houseman* dan semasa memulakan kerjayanya sebagai pengamal perubatan serta apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan kepakaran pegawai-pegawai perubatan sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pediatrik masa kini, sebagai institusi pediatrik di Kuala Lumpur manakala Jabatan Pediatrik terdapat di semua hospital. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan hospital-hospital pediatrik bagi setiap negeri berdasarkan keperluan perkhidmatan pediatrik yang terus meningkat kini dan memerlukan perkhidmatan pakar pediatrik dalam pelbagai bidang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk mendapatkan penjelasan kementerian berhubung bilangan doktor berbanding bilangan penduduk di negara kita ini. Apakah langkah kerajaan bagi memastikan bilangan doktor mencukupi berbanding dengan pesakit khususnya di luar-luar bandar.

Saya ingin mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, penjelasan kerajaan berhubung langkah bagi meningkatkan mutu perkhidmatan di hospital dan klinik kerajaan khususnya di luar bandar untuk Unit Pesakit Luar (OPD) supaya masa untuk mendapatkan rawatan dapat dipendekkan. Apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan kecekapan di unit farmasi dan semua klinik kesihatan dan hospital agar masa menunggu dapat dikurangkan. Kebanyakan hospital memang kita kira satu hal yang amat membebankan kepada pengguna, pesakit kadang-kadang ada yang datang awal pagi, kadang-kadang sampai dua, tiga jam baru dapat berjumpa dengan doktor.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, maksud B.46 iaitu Kementerian Sumber Manusia peruntukannya sebanyak tambahan RM23 juta bagi tujuan perkhidmatan latihan dalam sektor kemajuan guna tenaga manusia. Anggaran yang diluluskan bagi tahun ini adalah sebanyak RM105 juta. Jumlah peruntukan adalah sebanyak RM128 juta. Saya ingin penjelasan tentang penggunaan peruntukan ini khususnya dalam penyediaan latihan. Saya juga mohon penjelasan sejauh manakah langkah kementerian menyediakan tenaga kerja atau tenaga mahir bagi mengisi guna tenaga kerja negara bagi mengurangkan kebergantungan kita kepada tenaga kerja luar. Sekian, ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah, seterusnya dipersilakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun.

3.06 ptg.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasihlah kerana sekali lagi memberi peluang dan kesempatan untuk saya turut sama membahaskan Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 2012.

Terutamanya saya ingin menyentuh maksud B.6 di Jabatan Perdana Menteri khususnya butiran 310000, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) sebanyak RM5 juta. ECER juga diberikan peruntukan sebanyak RM32 juta bagi tahun 2012 sebagaimana yang kita sama-sama ketahui. ECER telah dirasmikan penubuhannya pada 29 Oktober 2007 dan melibatkan tiga buah negeri – Pahang, Terengganu, Kelantan serta daerah Mersing. Luas kawasan yang terlibat adalah seluas 66,736 kilometer persegi atau 51% daripada keluasan Semenanjung Malaysia serta meliputi 3.9 juta penduduk. Kos pembangunan akan dibiayai oleh syarikat Petronas melibatkan kos RM6 bilion. Kos sebenar RM112 bilion melibatkan 227 projek yang telah dikenal pasti dan akan dilaksanakan dalam tempoh 12 tahun.

Bagaimanapun, daripada senarai projek yang disenaraikan, nampaknya daerah Marang, Terengganu telah tercicir daripada projek ECER ini. Setelah lima tahun, penduduk Marang masih ternanti-nanti projek di bawah ECER khususnya yang melibatkan projek pelancongan dan pertanian. Adalah dianggarkan projek pelancongan dalam kawasan ECER akan menarik lebih 7.4 juta pelancong, ini pelancong luar negara dan 21.4 juta pelancong domestik menjelang 2020. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah projek pelancongan di bawah ECER yang melibatkan penduduk daerah Marang yang terkenal dengan perkampungan nelayan, pulau dan kraf tangan ini akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak program pembangunan pertanian dan penternakan diatur di bawah ECER. Antaranya projek agropolitan seluas 2,000 hektar di Hulu Setiu, pusat penyelidikan dan pembiakan kambing nukleus di Kuala Berang, Hulu Terengganu, ladang integrasi kambing di Besut dan Hulu Terengganu, '*Sayang seribu kali sayang, ditelan pahit, dibuang sayang*'. Nampaknya tidak ada projek pertanian dan penternakan di bawah ECER ini yang akan dilaksanakan di daerah Marang. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah langkah kerajaan melalui ECER ini untuk memajukan bidang pertanian dan penternakan di daerah Marang agar rakyat di daerah Marang tidak ketinggalan dalam arus pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya ingin menyentuh maksud B.27 - Kementerian Kerja Raya berjumlah RM445.8 juta bagi tujuan cawangan kejuruteraan senggara dan bayaran pampasan tol.

■1510

Berhubung dengan Kementerian Kerja Raya ini, saya ingin membangkitkan perkara seperti yang telah pun dibangkitkan oleh rakan saya kelmarin, Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman

bin Bakar, berhubung dengan Lebuhraya Pantai Timur 2 atau LPT2. Kami sangat merasa dukacita Projek LPT2 yang telah dimulakan pada Mac 2006 dengan anggaran kos RM3.7 bilion termasuk kos pengambilan tanah dan reka bentuk, tetapi sehingga kini, Julai 2012 atau selepas enam tahun, projek ini masih belum dapat diselesaikan. Alasan yang diberikan adalah kerana kontraktor menarik diri kerana kenaikan harga barang binaan antara tahun 2006 hingga awal tahun 2008. Saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Kerja Raya berhubung dengan kemajuan projek ini yang melibatkan 17 pakej dan bilakah projek ini dijangka akan siap sepenuhnya dan dapat digunakan oleh orang ramai?

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh berhubung Maksud B.28 - Kementerian Pengangkutan sebanyak RM2 juta. Berhubung dengan Kementerian Pengangkutan ini, saya ingin membangkitkan cadangan mengadakan perkhidmatan kereta api ke Terengganu yang merupakan satu-satunya negeri yang tidak mempunyai perkhidmatan kereta api penumpang di negara ini. Saya difahamkan kajian telah beberapa kali dibuat tetapi hasil kajian tersebut tidak pernah diketahui umum. Saya mohon penjelasan dari Kementerian Pengangkutan berhubung dengan hasil kajian tersebut. Saya berharap kerajaan akan menimbangkan secara serius cadangan untuk mengadakan perkhidmatan kereta api ke Terengganu secepat mungkin. Ini adalah berdasarkan bilangan pengguna bas ekspres yang ramai berulang alik dari Terengganu ke Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur ke Terengganu, selain orang awam yang menggunakan kenderaan sendiri.

Pengangkutan awam...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh minta celah?

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Sila Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Adakah Yang Berhormat tahu, ada pakej tertentu LPT2 masih lagi tidak diputuskan harga tendernya? Kalau Yang Berhormat tahu, apakah cadangan untuk pakej itu yang tidak lagi ada harga dikirakan? Kalau harga tidak putus, macam mana lebuhraya hendak buat? Contoh, pakej 4 masih lagi belum putus, pakej 12 masih lagi belum tentu. Sedangkan, enam tahun, lambat sangat. Jadi apakah pandangan dan cadangan Yang Berhormat kepada Menteri Kewangan untuk menyegerakan supaya lebuhraya ini jadi kenyataan dan kita semua bolehlah lalu. *Thank you.*

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itulah masalah kami di Pantai Timur, dan melalui ruang di Dewan Negara yang dihormati ini saya harap Kementerian Kewangan juga dapat menyelaraskan bersama Kementerian Pengangkutan berhubung dengan perkara tersebut, mudah-mudahan ia dapat diatasi dan dapat disegerakan masalah-masalah pembinaan dan pakej-pakej yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman tadi.

Saya mohon menyambung...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Baik sekali cadangan. *Best!* Baik!

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung. Malah rangkaian kereta api itu tadi boleh disambung dengan rangkaian kereta api ke Pantai Timur selatan dan utara Semenanjung. Semoga impian rakyat negeri Terengganu akan menjadi realiti terutama bagi membantu impian Projek Kenyir Bebas Cukai. Ini yang tengah kami promosikan dan sedang dalam pembinaan ataupun penambahbaikan oleh Kerajaan Negeri Terengganu yang saya kira sangat indah. Kenyir ini sangat indah untuk makluman warga Dewan yang mulia sekalian. Untuk menjadi kenyataan – di Hulu Terengganu tempatnya – untuk dilawati oleh pelancong-pelancong luar dan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, perbekalan tambahan sebanyak RM13.79 bilion ini adalah besar, tetapi penting bagi menjayakan Pelan Transformasi Negara untuk muncul sebagai negara maju berpendapatan tinggi tanpa mengabaikan kesejahteraan rakyat dan meneruskan agenda negara berkeadilan yang telah dilaksanakan Kerajaan Barisan Nasional telah sekian lama. Sesuai dengan aspirasi Gagasan 1Malaysia, "*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*" Tuan Yang di-Pertua, cadangan itu tadi saya mohon diberi perhatian khusus kepada rakyat Terengganu oleh kementerian-kementerian berkenaan dan saya mohon menyokong.

Sekian, terima kasih. *Wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang giliran Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap untuk berbahas. Silakan Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap.

3.17 ptg.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk berbahas Rang Undang-undang Perbekalan 2012. Di bawah rang undang-undang ini, kerajaan ingin menggunakan wang tambahan yang berjumlah 13,795,000,000 dan RM45,000 daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan tambahan untuk perkhidmatan. Dalam perbahasan yang ringkas ini, saya ingin menyentuh beberapa kementerian. Pertama ialah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di sini supaya kementerian harus memperkasakan lagi usaha untuk membuka tanah-tanah yang dimiliki oleh petani-petani di luar bandar. Saya tahu bahawa negara kita ingin mencapai status negara maju, negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dan saya nampak bahawa satu-satunya cara kita untuk membantu petani-petani luar bandar ialah dengan menggalak dan membantu mereka untuk menanam dan mengusahakan tanah-tanah yang masih terbiar itu. Bukan sahaja membuka tanah-tanah tersebut, malahan membuatnya secara komersial, bukan lagi secara kecil-kecilan tetapi secara komersial di mana tanaman-tanaman yang menguntungkan seperti kelapa sawit, getah, lada hitam, dan sebagainya.

Masalahnya Tuan Yang di-Pertua ialah penggunaan tanah tidaklah begitu bebas kerana, contohnya di Sabah ini walaupun tanah itu ada, tetapi masih belum dimiliki walaupun mengusahakan tanah tersebut kerana masih lagi belum dimiliki oleh mereka secara sah atas masalah geran tanah.

Kedua ialah Kementerian Pelancongan. Saya ingin mengesyorkan supaya kementerian meningkatkan lagi perusahaan industri kraf tangan sebagai sebahagian daripada pakej produk pelancongan. Di Sabah contohnya, memang banyak produk-produk kraf tangan yang berkualiti tetapi tidak dibangunkan dan dipasarkan dengan lebih teratur dan meluas. Sebagai contoh, kraf tangan kaum Rungus di Matunggong dan Kudat adalah amat unik dan menarik sekali.

■1520

Akan tetapi kita harus bantu mereka kerana dengan mereka sendiri sahaja amat sukar. Oleh itu saya rasa kementerian harus campur tangan dan membantu untuk menaikkan lagi industri kraf tangan terutama sekalinya melibatkan remaja-remaja kaum Rungus dan memasarkan produk mereka dengan lebih teratur dan meluas.

Saya juga ingin menyarankan juga di sini kepada kementerian untuk melibatkan kumpulan orang muda dan para graduan khususnya daripada kawasan pedalaman untuk menceburi dalam bidang pembangunan pelancongan termasuklah aktiviti-aktiviti berdasarkan e-Pelancongan dan Perhutanan Alam Mesra dan program *homestay* di desa-desa dan di luar bandar.

Ketiga ialah Kementerian Kesihatan. Kementerian, saya rasa harus bekerja keras dengan lebih gigih lagi untuk menaikkan dan menyediakan doktor-doktor pakar di setiap hospital daerah. Saya perhatikan bahawa kelemahan kita ialah bukan sahaja kita kekurangan doktor biasa tetapi dalam segi doktor pakar amatlah begitu kekurangan di hospital-hospital daerah.

Saya ingin mengambil contoh daerah saya Hospital Kota Marudu yang memang jelas memerlukan doktor yang mencukupi atau doktor-doktor pakar yang mencukupi. Juga kemudahan prasarana dan kemudahan fizikal yang mencukupi di daerah tersebut.

Banyak pelawat-pelawat yang datang, atau pesakit-pesakit yang datang di hospital daerah tersebut tetapi oleh kerana kekangan yang sebegitu maka amat sukar bagi pesakit-pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan di Hospital Kota Marudu tersebut. Saya melihat ini sebagai satu masalah dan yang saya sendiri lalui secara peribadi apabila saya melihat rakan-rakan dan juga ahli keluarga yang mendapatkan rawatan di hospital tersebut yang masih serba kekurangan.

Seterusnya saya juga ingin mencadangkan kerajaan melalui Kementerian Kesihatan membina lebih banyak hospital komuniti di kawasan-kawasan memerlukannya. Juga seterusnya saya mencadangkan kepada kerajaan meningkatkan perkhidmatan *dispensary* di luar bandar.

Juga seterusnya saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya menambahkan peruntukan untuk membina bangunan-bangunan asrama untuk menampung keperluan penginapan kepada pesakit-pesakit luar bandar dan penjaga-penjaga pesakit yang dimasukkan ke hospital sekitar lokasi hospital-hospital daerah. Saya juga ingin mencadangkan di sini kepada

kementerian untuk meningkatkan bilangan tajaan biasiswa kerajaan untuk mendorong pelajar-pelajar mengikuti kursus-kursus dalam bidang kedoktoran dan kesihatan.

Keempat ialah Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua agar Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah menubuhkan sebuah syarikat minyak dan gas bertaraf besar iaitu konglomerat antarabangsa yang dimiliki oleh rakyat Sabah dengan modal awal yang tinggi di mana pihak pengurusannya akan dilatih oleh Petronas sehingga dapat beroperasi dan bersaing di persada dunia. Sekali gus akan menjana peluang-peluang pekerjaan dan membina kepakaran rakyat Sabah dalam industri minyak dan gas.

Kerajaan, saya rasa haruslah sentiasa memantau dan memastikan supaya agensi-agensi Kerajaan Persekutuan yang sedang beroperasi di Sabah termasuklah FELDA, FELCRA, RISDA dan LGM akan menepati sasaran untuk faedah rakyat. Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan lebih prihatin terhadap badan-badan agama bukan Islam. Maksud saya di sini ialah kerajaan harus memberikan peruntukan yang banyak kepada badan-badan bukan Islam secara saksama.

Seterusnya saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan mengiktiraf secara rasmi bangsa Sino Kadazan, Sino Dusun dan Sino Murut yang terdapat di negeri Sabah. Istilah-istilah ini mestilah diterima pakai dalam pendaftaran sivil kelahiran anak oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Di Sabah untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini banyak *mix marriages* dengan izin. Oleh itu kita ada istilah Sino Kadazan, Sino Dusun, Sino Murut yang sudah lama wujud sejak pada pemerintahan *British* lagi sebelum negara kita, Malaysia ini wujud dahulu.

Janganlah Jabatan Pendaftaran Negara rangkumkan bangsa ini Sino Kadazan, Sino Dusun, Sino Murut ini kepada Sino Nethik kerana tidak ada istilah, tidak ada bangsa yang dipanggil Sino Nethik. Jadi saya ingin mencadangkan di sini dan menyeru kepada kerajaan supaya jangan ambil mudah dengan memanggil mereka Sino Nethik kerana bangsa Sino Nethik ini tidak wujud. Mereka ini haruslah dipanggil dengan apa yang mereka ingin dipanggil ini Sino Kadazan, Sino Murut, Sino Dusun.

Seterusnya saya ingin mencadangkan agar kerajaan terus memberikan bantuan kebajikan yang lebih kepada rakyat iaitu dengan menaikkan dan memperbanyakkan kewangan untuk warga emas dan juga orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal dan golongan miskin. Saya juga mencadangkan agar kerajaan memberi peruntukan yang lebih banyak untuk bantuan perumahan yang percuma kepada golongan miskin di luar bandar.

Kelima, Kementerian Pelajaran. Saya ingin mencadangkan supaya bahasa-bahasa ibunda diberi kedudukan sewajarnya dalam sistem pendidikan di negara kita supaya bahasa ibunda diajar di sekolah-sekolah. Saya merasakan bahawa kerajaan harus membantu kaum-kaum ataupun suku-suku kaum di Sabah untuk mengembangkan bahasa mereka masing-masing dengan mendirikan taska dan tadika contohnya bagi anak-anak, kaum-kaum dan suku kaum tersebut kerana kekayaan bahasa di negara ini adalah menjadi aset negara kita.

Saya juga ingin mencadangkan di bawah Kementerian Pelajaran ini agar kerajaan memberikan peruntukan yang lebih kepada sekolah-sekolah bukan kerajaan. Belum diberikan lagi. Jadi saya ingin mencadangkan supaya kerajaan memberikan peruntukan kepada sekolah-sekolah bukan kerajaan iaitu peruntukan tahunan hendaklah diberi kepada sekolah-sekolah swasta atau sekolah-sekolah persendirian yang sudah menunjukkan keseriusan atau *seriousness*, dengan izin, untuk melahirkan pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah dan juga sekolah menengah.

Saya ingin hanya mengambil contoh seperti di Sabah ini kita ada Sabah *Adventist Secondary School* iaitu sekolah persendirian dan di Kota Marudu daerah saya sendiri Goshen *Adventist Secondary School* dan juga di Tempelai Sekolah *Adventist* di Kampung Damai Kota Marudu, Kampung Goshen Kota Marudu dan juga Kampung Terembulan di Martungu. Mereka ini adalah mempunyai sekolah-sekolah persendirian yang saya rasa sudah menunjukkan prestasi yang baik dan melalui itu saya menyeru kepada Kementerian Pelajaran untuk membantu mereka dana tahunan kerana mereka juga melahirkan pelajar-pelajar yang baik di negara kita.

Keenam ialah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Saya ingin menyeru kepada kementerian agar terus memberikan perhatian yang khusus kepada infrastruktur luar bandar. Memang saya tahu bahawa kementerian telah pun dan sedang memberikan peruntukan yang baik terhadap pembinaan ataupun pembaikan jalan-jalan luar bandar tetapi oleh kerana saiz negeri Sabah yang luas, sama juga dengan Sarawak lebih besar lagi daripada Sabah.

■1530

Maka saya ingin menyeru supaya kementerian memberi peruntukan yang lebih lagi untuk jalan raya luar bandar, bekalan air dan bekalan elektrik kerana kemudahan-kemudahan seperti itu adalah amat penting dan perlu bagi kesejahteraan penduduk Sabah yang masih memerlukannya.

Saya juga ingin menyentuh di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya lebih banyak perumahan percuma diberi kepada penduduk-penduduk, kepada rakyat yang miskin. Saya menjangka bahawa setiap daerah di Sabah ini mempunyai yang miskin. Sebagai contohnya daerah saya Kota Marudu ini, saya menjangkakan golongan miskin dan mudah miskin ini adalah dalam lingkungan 10,000 orang. Mereka ini memerlukan bantuan dari segi perumahan dan tahap kemiskinan di Sabah juga masih tinggi.

Mengikut kajian yang ringkas yang saya telah buat berpandukan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi pada tahun 2004, kadar kemiskinan di setiap daerah di Sabah adalah seperti berikut:

Daerah	Peratusan (%)
Nabawan	70.8
Kudat	41.7
Pitas	46.3
Kota Marudu	37.1
Kota Belud	36.0
Tuaran	20.5
Ranau	38.2
Beluran	35.1
Penampang	6.7
Kota Kinabalu	8.4
Sandakan	15.3
Kuala Penyu	14.3
Papar	14.7
Tambunan	44.4
Sipitang	15.8
Beaufort	20.3
Keningau	30.1
Kinabatangan	38.0
Tenom	31.6
Tongod	35.7
Lahad Datu	21.3
Kunak	38.6
Semporna	38.1
Tawau	21.4

Kadar tersebut adalah untuk tahun 2004. Saya telah mendapat jawapan bertulis daripada Yang Berhormat Tan Sri **Nor Mohamed bin Yakcop**, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa sudah ada penurunan terhadap kadar kemiskinan ini. Namun apabila saya melihat penurunannya, ia tidak begitu banyak. Saya diberitahu bahawa memang ada penurunan tetapi tidak begitu banyak. Sebagai contohnya Bahagian Tawau turun sekarang kepada 23%, Bahagian Pantai Barat – 8%, Bahagian Kudat – 39.7%, Bahagian pedalaman Sabah – 15.8% dan Bahagian Sandakan – 11.1%. Jadi, kadar kemiskinan ini masih tinggi, yang saya nampak. Saya rasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini haruslah memberi penekanan yang banyak lagi terhadap mereka yang masih memerlukan dan yang masih daif di luar bandar. Saya rasa itu yang saya ingin sampaikan Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Haji Ahamad bin Yusop. Silakan Yang Berhormat.

3.35 ptg.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang kedua...

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Untuk mengambil bahagian dalam perbahasan tentang Perbekalan Tambahan 2012. Saya akan menyentuh hanya tiga perkara.

Pertama ialah Maksud B.6 – Jabatan Perdana Menteri yang berkaitan dengan Jabatan Perpaduan dan Integriti Nasional yang menerima tambahan sebanyak RM50 juta. Saya menyokong usaha jawatankuasa mempromosikan persefahaman dan keharmonian di antara penganut agama dalam usaha menghargai agama dan budaya berbeza dalam kalangan masyarakat Malaysia. Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya objektif penubuhan Pegawai Penggerak Perpaduan terutamanya di kawasan Parlimen yang dikenal pasti berisiko tinggi untuk membantu pegawai JPNIN yang sedia ada. Apakah pencapaiannya setakat ini?

Kedua, B.21 – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di mana satu peruntukan sejumlah RM6 juta bagi tahun 2012 bagi menampung pelan induk Taman Botani Shah Alam. Soalan saya ialah apakah status Taman Botani Shah Alam ini sekarang. Ini sebab dilaporkan Kerajaan Negeri Selangor mahu mengambil alih Taman Botani Shah Alam ini. Apakah keadaan yang sedia ada sekarang ini?

Ketiga ialah mengenai B.60 – Kementerian Pertahanan. Butiran 05000 – pertahanan ruang udara, tambahan sebanyak RM196.6 juta yang juga termasuk menampung kekurangan peruntukan penyelenggaraan peralatan dan kenderaan ATM. Saya rasa terpenggil untuk membangkitkan satu isu yang sering ditimbulkan sama ada oleh rakyat di negeri Johor mahupun di dalam Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara iaitu pencerobohan ruang udara kita oleh pesawat-pesawat tentera udara Republik Singapura yang sebelum ini telah dilaporkan.

Menurut jawapan Menteri, Singapura telah melakukan sebanyak 2,058 pencerobohan ruang udara Malaysia sejak tahun 2008 hingga 2011. Dilaporkan juga sebanyak 985 pencerobohan ruang udara telah direkodkan pada tahun 2008, purata 164 kejadian setiap bulan dan statistik ini ada banyak seterusnya. Dalam isu ini pada pandangan saya, ia adalah sesuatu yang serius dan perlu dibendung kerana jika tidak seolah-olah kita terlalu berlembut dan sekali gus boleh mengancam keselamatan negara.

Sebagai seorang yang berasal dari Johor, saya faham akan soal semangat kejiranan dan ASEAN tetapi kita juga perlu bertegas dan mempunyai prinsip. Kita faham masalah yang dihadapi oleh Singapura di mana kedudukan pangkalan tentera udaranya begitu hampir dengan sempadan negara di bahagian selatan dan juga ruang udaranya yang sempit. Kita juga maklum bagaimana Singapura sering gunakan alasan untuk mendapatkan kelulusan menggunakan ruang udara Malaysia untuk kegunaan pesawat TURS mereka sebagai *leverage* atau kuasa tawar-menawar dalam apa juga perbincangan dua hala yang membabitkan Malaysia dan Singapura. Namun ruang udara yang sempit bukanlah satu alasan yang boleh diterima bagi mewajarkan Singapura menceroboh ruang udara Malaysia.

■1540

Tuan Yang di-Pertua, seperti kejadian-kejadian seumpamanya yang berlaku sebelum ini, apa yang boleh kita lakukan ialah hanya dengan menghantar nota bantahan diplomatik melalui Kementerian Luar Negeri kepada Kementerian Luar Negeri Singapura setiap kali berlakunya insiden sedemikian. Saya percaya, setiap nota bantahan diplomatik yang dimajukan kepada Kerajaan Singapura yang kini disertakan dengan bukti-bukti yang kukuh, diterima hanya untuk disimpan untuk tujuan rekod sahaja tanpa memikirkan apakah langkah-langkah yang sewajarnya perlu dilakukan untuk mengelakkan pencerobohan ruang udara Malaysia tidak berulang.

Inilah dilema yang dihadapi oleh Malaysia dalam menangani kerenah oleh sebuah negara jiran yang paling hampir dengan kita. Kerapnya berlaku pencerobohan ruang udara seperti tahun 2009, boleh dianggap sebagai satu *irritant* dalam hubungan dua hala Malaysia-Singapura. Namun, kita juga terpaksa menerima realiti bahawa penghantaran nota bantahan diplomatik untuk menyuarakan ketidaksenangan kita hanyalah satu formaliti dalam urusan hubungan antara negara. Dalam konteks ini, benarlah seperti kata mantan Perdana Menteri, sama ada Tun Mahathir Mohamad atau Tun Abdullah Ahmad Badawi, bahawa negara jiran terdekat tidak semestinya menjadi rakan karib kita. Soalannya, apa pandangan kementerian dalam isu ini?

Dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin persilakan Yang Berhormat Norliza binti Abdul Rahim, dan selepas itu saya minta Yang Berhormat Khoo Soo Seang untuk bersedia dan juga Yang Berhormat Khairiah binti Mohamed. Silakan Yang Berhormat Norliza binti Abdul Rahim.

3.42 ptg.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi saya ruang dan peluang untuk turut berbahas dalam Akta Perbekalan Tambahan pada kali ini.

Saya ingin menyentuh di bawah Maksud B.10 iaitu peruntukan yang diberi kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri berdasarkan jumlah tambahan yang saya rasa besar iaitu RM300 juta untuk kos operasi. Kita tidak dapat nafikan Lembaga Hasil Dalam Negeri ini telah berjaya melaksanakan tugas dengan baik dan saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan tahniah kepada kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang telah bertugas dengan begitu baik untuk mengutip cukai-cukai di dalam negara kita.

Walau bagaimanapun, saya ingin mendapatkan beberapa penjelasan mengenai kementerian ini iaitu:

- (i) bagaimanakah penyertaan pembayar cukai baru serta pelbagai kemudahan yang disediakan termasuk e-filing mampu menyumbang kepada peningkatan jumlah kutipan?;
- (ii) berapakah jumlah terkini pembayar cukai keseluruhan dan pembayar cukai individu?;
- (iii) jumlah pembayar cukai baru serta keberkesanan kejayaan sistem e-filing yang kita gunakan pada masa ini dan berapa ramaikah yang menggunakannya?;
- (iv) berapa peratuskah sumbangan daripada perolehan kutipan cukai adalah daripada syarikat-syarikat korporat?;
- (v) bagaimana keberkesanan saluran e-mel terbuka kepada orang ramai khusus untuk memberikan cadangan ataupun idea dan pandangan ke arah penambahbaikan agensi tersebut?: dan
- (vi) adakah kementerian bercadang untuk menggubal satu rang undang-undang khas untuk kes-kes penipuan dalam pembayaran cukai sebagaimana yang dipraktikkan di Amerika?

Sebagaimana yang kita tahu, di Amerika sekiranya kita lari daripada cukai, hukuman yang berat dikenakan seperti penjara dan lain-lain. Jadi adakah Lembaga Hasil bercadang untuk menggubal rang undang-undang supaya tidak ramai lagi yang lari daripada membayar cukai.

Seterusnya saya ingin menyentuh Maksud 21 di bawah Kementerian Pertanian mengenai isu *food security*. Sebagaimana yang kita tahu, *food security* ini telah menjadi satu topik penting dan sentiasa di debat di peringkat dunia sejak daripada tahun 80-an lagi. Baru-baru ini, salah seorang sahabat saya yang menyertai satu seminar di Bangkok memberitahu bahawa 50 tahun yang akan datang, di seluruh dunia akan menghadapi satu masalah *supply*, masalah bekalan makanan yang tidak mencukupi khususnya makanan utama seperti beras dan lain-lain.

Oleh yang demikian, saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah peranan dan pelan terkini BERNAS atau Padiberas Nasional yang ditubuhkan pada tahun 1994 menggantikan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) iaitu syarikat yang diberi kuasa memonopoli pasaran beras negara dalam usaha menangani isu *food security* di negara kita? Apakah langkah-langkah dan pelan tindakannya? Seterusnya saya ingin tahu juga mengenai isu siapakah pemegang saham majoriti dan minoriti dalam BERNAS? Ini kerana terdapat tohmahan ataupun dakwaan daripada Pakatan bahawa pemegang saham terbesar sudah beralih tangan kepada sebuah firma yang berpangkalan di Hong Kong. Jadi berapa peratus syarikat tempatan dan entiti kerajaan jika masih memegang saham dalam BERNAS?

Saya juga ingin menyentuh Maksud B.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan yang mana ianya bercakap mengenai subsidi bagi gula dan tepung. Sebagaimana yang kita difahamkan, kerajaan kita banyak memberi subsidi pada tahun ini,

melebihi RM18 bilion bagi barang-barang kawalan. Saya difahamkan sebanyak RM17 bilion diperuntukkan untuk subsidi bahan api seperti petrol, diesel, petroleum dan lain-lain dan RM560 juta untuk gula dan selebihnya adalah untuk tepung gandum.

Antara faktor kenaikan harga barang ini adalah disebabkan peningkatan penduduk dunia sebanyak 4% sedangkan pengeluaran makanan dunia hanya meningkat sebanyak 1% hingga 2% sahaja. Jadi pada pandangan saya, kenaikan harga gula dan bahan api tidaklah terlalu membebankan rakyat. Sebagai contoh, sekiranya kenaikan gula sebanyak 20 sen, orang kita selalunya sebulan makan gula saya ingat dalam lima kilogram sahaja, maknanya tambahan hanya RM1 sebulan daripada kenaikan harga tersebut. Walau bagaimanapun, memandangkan kerajaan kita begitu prihatin memberi banyak insentif untuk membantu meringankan bebanan rakyat dalam menangani masalah peningkatan kos sara hidup termasuk memberi subsidi dan mengawal harga serta memastikan bekalan barang kawalan khusus barangan keperluan harian ini mencukupi.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, sejauh manakah kerajaan mampu bertahan dengan pemberian subsidi bila pada suatu ketika harga terus melonjak naik dan nilai subsidi terlalu tinggi untuk ditanggung oleh kerajaan? Jadi, apakah pelan tindakan kerajaan pada masa tersebut? Bagaimana kementerian melihat kewujudan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) merupakan inisiatif yang diharapkan dapat mengawal kenaikan harga barang runcit agar pengguna yang berpendapatan rendah masih mampu membeli berdasarkan daripada kemampuan dan keperluan mereka? Saya juga ingin bertanya, apakah kaedah pengedaran ke kawasan pedalaman agar penduduk pedalaman tidak diketepikan?

Seterusnya, bagaimanakah kaedah pemantauan semasa musim perayaan supaya harga barang kawalan utama seperti daging, ayam, telur dan lain-lain mencukupi dan ditawarkan pada harga yang ditetapkan? Ini perlu diambil perhatian kerana setiap kali ada musim perayaan, kita sentiasa mendengar masalah tidak cukup gula, tidak cukup tepung hendak buat kuih pun tidak cukup. Jadi saya rasa pemantauan ini amat penting diberi perhatian. Akhirnya saya ingin tahu, berapakah jumlah terkini pegawai pemantauan dan penguat kuasa yang ditugaskan untuk mengawal, untuk memantau kadar harga di seluruh negara?

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai maksud B.62, khusus untuk RELA. Persepsi masyarakat terhadap Sukarelawan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia yang lebih dikenali sebagai RELA, kini semakin berubah apabila dalam tempoh tiga tahun bilangan keanggotaannya meningkat daripada 530 ribu orang pada tahun 2008 kepada 2.8 juta orang pada tahun 2011.

■1550

Soalan saya, bolehkah tugas dan perkhidmatan anggota RELA ini dikomersialkan dengan menggunakan perkhidmatan mereka untuk bertugas mengawal kondominium, *apartment* dan kawasan yang sensitif dan juga strategik. Ini bagi mengurangkan kebergantungan kita kepada pengawal keselamatan asing yang selalunya diambil dari Nepal, India dan Bangladesh yang tidak memahami budaya malah tidak tahu bertutur dalam bahasa Malaysia dan Inggeris. Sekiranya

RELA ini dapat kita komersialkan, maknanya kita dapat mengurangkan penglibatan pekerja-pekerja asing dari luar negara.

Soalan saya seterusnya, apakah pelan tindakan kementerian dan pengurusan RELA bagi menarik minat golongan profesional untuk menyertai RELA? Adakah kementerian berpandangan dengan pengenalan bayaran sagu hati, perlindungan insurans, kemalangan diri anggota RELA secara percuma akan menjadi satu daya tarikan untuk rakyat kita menyertai RELA.

Saya memuji inisiatif yang diambil baru-baru ini seperti memberi insurans RM40,000 jika ada kematian, RM20,000 meninggal di luar tugas, perbelanjaan perubatan RM2,000 dan lain-lain. Jadi ini saya rasa amat bagus dan harus diteruskan. Saya juga bercadang supaya kalau boleh uniform RELA ini diberi secara percuma, kad keahlian RELA juga, elaun bertugas RM4 sejam, menghadiri latihan dan kursus di Pusat Latihan RELA dengan dibayar elaun serta berpeluang menyertai pelbagai program dan aktiviti yang dijalankan oleh RELA. Semua tawaran itu diharap dapat menarik minat golongan profesional serta anak-anak muda dan pelajar menjadi duta kecil kerajaan dalam membantu menghidu permasalahan rakyat, mendapatkan maklumat mengenai reaksi rakyat ke atas apa-apa dasar semasa serta mendapat maklumat berkaitan keselamatan setempat.

Anggota RELA turut melakukan khidmat komuniti seperti melaksanakan Program Khidmat Bakti RELA, memberi bantuan awal kes kecemasan, membudayakan nilai-nilai murni serta terlibat dalam khidmat kesejahteraan dan keharmonian penduduk setempat. Tugas tersebut mampu mendekatkan diri mereka dengan rakyat. Jadi, peranan RELA yang dahulu lebih terarah kepada mengawal kesesakan lalu lintas semasa kenduri kahwin kini bakal diantarabangsakan apabila khidmat mereka diperlukan semasa bencana alam di luar negara.

Soalan saya kepada kementerian, adakah kerajaan bercadang menghantar *envoi* RELA untuk berkhidmat di peringkat antarabangsa seperti bencana alam di Jepun, gempa bumi, *outbreak* dan pelbagai lagi tugas yang selama ini ditanggung oleh tentera atau polis. Seramai 4,000 lebih anggota RELA kini dilihat melakukan rondaan bersama anggota polis untuk mengurangkan kadar jenayah jalanan di empat buah negeri di Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor Bahru dan juga Pulau Pinang. Manakala di Sabah dan Sarawak juga melibatkan ada beberapa ratus anggota yang ditugaskan.

Jadi tugas teras RELA dalam mengawal keselamatan dan keamanan kawasan ialah membantu mewujudkan konsep kawasan dan bandar yang selamat, menjaga kawasan larangan seperti punca elektrik dan punca air serta pintu masuk negara yang tidak sah bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat terus terjamin. Soalan saya, apakah kemajuan dan pencapaian kadet RELA yang ditubuhkan di sekolah-sekolah? Bagaimana perkembangan di peringkat universiti di mana bagi penuntut universiti, bolehkah mereka menyertai RELASIS (Ikatan Relawan Siswazah) apabila cadangan penubuhannya diperluaskan semua sekolah dan universiti. Setakat ini ia hanya ditubuhkan di Universiti Tun Hussien Onn, Batu Pahat.

Bagaimanakah cadangan untuk konsep 1RELA? Semua kaum kini semakin berminat untuk menyertai pasukan RELA apabila bilangan masyarakat Cina, India, Orang Asli dan juga lain-lain yang mendaftar diri untuk menyertai pasukan ini bertambah dari setahun ke setahun. Ikatan perpaduan yang terjalin hasil dari sesi latihan yang diadakan di pusat-pusat latihan RELA di seluruh negara mampu mewujudkan satu suasana muhibah di kalangan masyarakat berbilang bangsa dan negara ini dan itulah hasrat yang tersirat di sebalik aktiviti sukarelawan pasukan yang telah wujud secara rasmi semenjak tahun 1948 dan ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1972.

Tuan Yang di-Pertua, itulah cadangan dan persoalan saya. Harap dapatlah dijawab oleh pihak kementerian. Sekian dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat. Terima kasih. Seterusnya Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang.

3.55 ptg.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang dan ruang untuk menjalankan tugas murni saya selaku mulut dan lidah rakyat di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana berulang kali beliau mengumumkan subsidi ataupun bantuan kepada rakyat misalnya BR1M, kemudian bantuan kepada pelajar dan baru-baru bantuan yang diberikan kepada para pemandu teksi.

Saya berkesempatan menghadiri satu majlis jamuan pada minggu lepas yang kebanyakan pesertanya adalah pemandu teksi. Daripada reaksi mereka, saya dapati bahawa mereka begitu gembira dan suka hati tentang pemberian subsidi tayar itu. Malangnya pagi ini, saya terbaca di surat khabar Cina ada aduan daripada pemandu teksi bahawa kedai tayar sudah naikkan harga tayar oleh kerana mereka tahu ada subsidi.

Jadi saya hendak tanya kementerian, apa caranya kita boleh mengawal dan pastikan peniaga-peniaga ini tidak mengambil kesempatan untuk rugikan pihak-pihak yang kita hendak bantu. Dari segi ini, saya ada beberapa persoalan. Pertama ialah subsidi itu akan diberikan kepada siapa? Sekiranya teksi itu bukan kepunyaan pemandu, adakah pemandu yang akan dapat atau tuan punya teksi? Kedua, saya tahu bahawa ada sebilangan besar teksi dimiliki oleh syarikat besar. Adakah syarikat besar-besar itu pun dapat subsidi daripada kerajaan.? Pada saya, saya rasa mereka tidak perlu. Saya juga ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana saya difahamkan bahawa kerajaan juga akan memberikan insurans kepada pemandu teksi. Pada saya, saya percaya ini akan bantu para pemandu teksi. Hanya saya tidak tahu jenis insurans yang diberikan, adakah ini insurans *accident*, insurans nyawa ataupun apa insurans.

Ada satu perkara yang saya sudah banyak kali bangkitkan di Dewan yang mulia iaitu permit teksi seharusnya diberikan kepada pemandu. Kita dapati bahawa sekarang kebanyakan, saya percaya sebilangan besar permit itu dimiliki oleh syarikat besar dan pemandu teksi sendiri

jarang yang memiliki permit. Jadi saya berharap bahawa proses ini dipercepatkan bahawa pemandu teksi yang perlukan permit teksi diberikan, tetapi untuk mengatasi masalah mungkin kemudian berlaku kelebihan permit teksi, saya rasa kalau syarikat besar yang perमितnya sudah luput tarikh harus kita tarik balik. Kurangkan pemilikan teksi oleh syarikat besar dan banyakkkan permit kepada pemandu sendiri.

Di samping itu, saya juga ada beberapa pandangan dan beberapa harapan. Saya kadangkang terima aduan daripada orang yang gunakan teksi bahawa walaupun banyak kali kadar tambang teksi dinaikkan, sehingga hari ini masih banyak teksi yang enggan menggunakan meter. Pada saya ini tidak harus berlaku oleh kerana kerajaan sudah melakukan apa-apa yang boleh untuk bantu mereka untuk tingkatkan pendapatan mereka dan seharusnya mereka harus bekerjasama. Khususnya pada saya, pemandu teksi ini amat penting kepada industri pelancongan kita. Sebenarnya di antara pemandu teksi dan industri pelancongan, saya percaya mereka saling perlu-memerlukan di antara satu sama lain.

■1600

Kalau pemandu teksi sikap tak baik, mungkin pelancong tak mahu datang ke Malaysia. Apabila industri pelancongan kita tidak baik, pemandu teksi yang rugi. Saya juga harap bahawa pemandu-pemandu teksi ini jangan jatuhkan imej negara semasa membawa teksi. Apabila ada pelancong di dalam teksi, ada pemandu teksi yang suka memburuk-burukkan imej negara.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Pada saya, ini tidak baik. Oleh kerana sekali lagi ini akan burukkan imej negara dan ini akan kurangkan kedatangan pelancong ke negara kita. Akhirnya, pemandu sendiri yang rugi. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bantuan kepada pelajar. Kerajaan kita dah berikan RM100 kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah pada akhir tahun lepas dan RM200 baucar buku kepada penuntut kolej dan universiti. Jadi, saya difahamkan bahawa baru-baru ini kerajaan bercadang untuk memberikan konsesi kepada para pelajar dan penuntut semasa membeli belah. Saya harap bahawa lebih banyak pembekal buku dan alat-alat tulis akan menyertai skim tersebut.

Saya cuma nak tanya, adakah kerajaan mempertimbangkan untuk memberikan kadar konsesi kepada pelajar-pelajar dan penuntut, khususnya di Lembah Klang ini yang menaiki LRT. Oleh kerana saya difahamkan bahawa sekarang mereka cuma boleh memohon *season ticket* sahaja. *Season ticket* itu ia ada kadar yang tertentu dan tak kira berapa kali mereka naik LRT. Akan tetapi pada saya mungkin yang tak naik dan tak gunakan LRT tiap-tiap hari, jadi mungkin mereka boleh dibekalkan *Touch 'n Go* yang serupa dengan yang diberikan kepada warga emas yang hanya dicaj separuh harga sahaja. Saya percaya ini akan dialu-alukan oleh para pelajar dan penuntut. Pada hari esok, mungkin pada sebelah petang saya tidak akan hadir di sini oleh kerana

saya akan menghadiri satu sesi dialog di antara satu jawatankuasa pembeli rumah di kawasan saya dengan pemaju di Jabatan Perumahan Negara.

Ini satu lagi perkara yang saya dah berapa kali bangkitkan di Dewan yang mulia ini. Kadang-kadang ada pemaju yang tidak bertanggungjawab. Selepas dapat deposit daripada pembeli, projek menjadi sakit. Kalau projek terbengkalai, kementerian boleh bantu tetapi apabila hanya projek sakit, yang lagi sakit ialah wakil-wakil rakyat dan juga hati rakyat kita. Projek itu biasanya adalah rumah pangsa. Pembeli adalah golongan yang berpendapatan rendah. Mereka susah payah nak bayar sikit deposit dan akhirnya semua tak dapat. Rumah pun ada yang sampai sepuluh tahun pun tak siap. Jadi, saya tak tahulah. Apakah kementerian boleh buat untuk bantu mereka supaya tempoh ini tak begitu lama. Adakah Menteri mempunyai kuasa yang tertentu untuk isytiharkan projek sakit itu menjadi projek terbengkalai supaya kementerian sendiri, Menteri sendiri boleh campur tangan. Kes yang saya akan hadir esok, saya tahu Menteri sudah isytiharkan ini projek terbengkalai tetapi pemaju datang jumpa dengan jawatankuasa pembeli untuk merayu kepada mereka jangan jadikan mereka bankrap.

Jadi, saya pun tak tahu apakah akibatnya hari esok. Saya nak tanya kementerian, berapa peratus projek sakit ataupun projek terbengkalai yang melibatkan rumah ataupun kedai kos rendah dan sederhana dan berapa projek tersebut berjaya diselamatkan baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya hari itu di dalam bengkel saya nak tanya soalan ini tetapi tak ada kesempatan oleh kerana kesuntukan masa. Itu berkenaan dengan gores dan menang. Di Johor Bahru, ini berlaku tiap-tiap hari dan saya boleh kata berlaku tiap-tiap jam dan banyak kali berita ini diterbitkan di surat khabar tetapi setiap hari pun ada orang tertipu. Saya kadang-kadang pelik. Pada saya, orang yang berniaga gores dan menang itu adalah orang yang sangat, dengan izin, *business minded, very innovative*. Sekarang kalau gunakan istilah gores dan menang pun mungkin tak sesuai oleh kerana cara mereka tiap-tiap kali akan ubah, ada perubahan tetapi kita macam tak boleh ambil tindakan.

Kadang-kadang kita nampak di *car park supermarket*, ada pemuda-pemudi di situ, kita tahu ini kaki gores dan menang. Apabila kita laporkan kepada *supermarket*, kepada polis, mereka tak boleh ambil tindakan oleh kerana mereka belum menjalankan apa-apa kesalahan. Mereka berhak berada di situ, mereka berhak bercakap dengan orang lain. Selagi belum ada orang laporkan bahawa mereka tertipu, tak ada pihak yang boleh buat apa-apa. Kes baru-baru ini, saya dapati sehingga inouis yang mereka keluarkan ini, nama syarikat, alamat dan sebagainya semua adalah palsu. Jadi, kalau kita ambil tindakan kemudian pun sukar kita hendak dapat bukti. Saya percaya selaku kerajaan, kita mesti ada caranya. Saya berharap ini sudah banyak tahunlah, lebih sepuluh tahun, orang Johor Bahru, orang Malaysia atau Singapura semua kena.

Kita mesti ada cara yang boleh tewaskan mereka dan saya percaya di setiap kes yang dilaporkan, mungkin ada sepuluh hingga 20 kes yang tidak dilaporkan oleh kerana orang yang tertipu itu rasa malu. Mereka rasa sendiri bodoh dan sebagainya. Saya nak ucapkan syabas sekali

lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana baru-baru ini mengisytiharkan pengakuan sijil dan diploma TAR College oleh JPA. Jadi, isu itu satu berita yang baik pun dipusing-pusingkan oleh pihak yang tertentu. Ada pihak yang cara dia sampaikan mesej itu seolah-olah TAR College punya sijil dan diploma tak pernah diakui oleh kerajaan. Ini adalah salah. Sebenarnya sudah diakui oleh MQA, cuma belum diterima oleh JPA sahaja.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah sikit Tuan Yang di-Pertua? Boleh? Saya gembira bahawa Yang Berhormat menimbulkan isu bantuan tambahan yang diberikan oleh kerajaan, pengiktirafan bantuan tambahan yang diberikan oleh kerajaan terhadap TAR College ini. Saya memang kagum dengan prestasi dan pencapaian TAR College selama ini, cuma yang agak merisaukan ialah seakan-akan persepsi umum, yang seakan-akan TAR College ini hanya bertujuan untuk menampung pelajar-pelajar dari keturunan Cina sahaja yang saya rasa tak betul.

Saya percaya memang ada pelajar-pelajar daripada keturunan bukan Cina di sana dan saya rasa dalam usaha kita menjalin perpaduan kaum, integrasi nasional, pemindahan teknologi. Jangan kita memikirkan pemindahan teknologi dari Barat ke Timur sahaja, perpindahan teknologi harus juga berlaku antara kaum di negara ini. Orang Cina adalah orang yang istimewa, mempunyai pelbagai keistimewaan. Bagaimanakah agaknya menurut pendapat Yang Berhormat supaya keistimewaan yang dimiliki oleh orang Cina daripada generasi ke generasi, daripada zaman lalu itu dapat dipindahkan juga kepada kaum-kaum lain seperti Melayu dan India umpamanya dengan membukakan pintu yang lebih luas. Pintu Kolej TAR dan UTAR yang lebih luas kepada pelajar-pelajar lain dan saya rasa kalau ini dapat dilakukan, ini merupakan suatu dengan izin, *gestures* yang amat dialu-alukan demi masa depan anak-anak kita. Terima kasih.

■1610

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus. Sebenarnya saya hendak cakap terus terang. TAR Kolej dan Universiti TAR adalah terbuka kepada semua kaum. Cuma oleh kerana budak-budak Melayu mereka juga selain daripada Kolej TAR banyak lagi peluang untuk masuk universiti. Jadi yang masuk kurang. Memang ada orang Melayu dan India belajar di Kolej TAR dan kita tidak ada kuota. Selagi dia memenuhi syarat kemasukan, kami terima. Bagi MCA bukan itu sahaja. Kita punya bantuan perubatan banyak yang kita berikan dengan tidak mengira bangsa. Ramai orang India dan orang Melayu yang memohon bantuan perubatan daripada MCA. Walaupun ini yayasan parti, kita buka kepada semua rakyat. Kita tidak mahu ada imej bahawa kita hanya jaga satu masyarakat sahaja. Jadi...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tambah sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Yang Berhormat benarkan Yang Berhormat? Yang Berhormat Khoo boleh?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh? Sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya mengalu-alukan sangat sambutan positif yang diberikan oleh Yang Berhormat Tuan Khoo tadi. Akan tetapi saya rasa bila mengatakan bahawa UTAR terbuka kepada semua kaum tanpa kuota. Kita tahu masyarakat Cina adalah masyarakat yang paling kompetitif, mempunyai daya saing yang amat besar. Jadi kalau pun tidak hendak diadakan kuota saya rasa harus dilakukan tindakan yang lebih tersengaja, dengan izin, *conscientious efforts* untuk bagaimana supaya TAR dan UTAR benar-benar menjadi kolej dan universiti multi kaum yang sesungguhnya.

Kalau hendak mengatakan tidak ada kuota, kita tahu masyarakat Cina adalah masyarakat yang paling mempunyai kekuatan daya saing. Di dalam keadaan daya saing yang sedemikian sengit payah untuk pelajar-pelajar Melayu dan pelajar-pelajar India dapat diterima. Inilah saya rasa antara sebab kenapa kurangnya pelajar-pelajar, kurang memang kurangnya, kenapa amat sedikitnya pelajar-pelajar bukan Cina belajar di UTAR dan TAR itu. Terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih dan saya alu-alukan pandangan daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus. Saya akan panjangkan pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus kepada sesi MCA.

Ada pihak yang berkata bahawa pengakuan adalah satu kebodohan. Pada saya memang itu bukan satu kebodohan. Oleh kerana kalau kita terima graduan daripada TAR masuk ke perkhidmatan kerajaan, kita tahu apa tahap graduan TAR. Walaupun negara kita ramai graduan daripada universiti yang menganggur selepas mereka *graduate* tetapi bagi *graduate* daripada TAR Kolej dan Universiti TAR tidak pernah ada masalah. Saya sendiri, anak saya dan *daughter-in-law graduate* daripada TAR, ACCA dan sebagainya. Hari ini *graduate*, esok ada kerja. Sekarang anak perempuan saya juga belajar di TAR Kolej. Saya begitu yakin dengan tahapnya.

Jadi saya berharap bahawa dengan pengakuan oleh JPA ini lebih ramai TAR *graduate* akan masuk ke perkhidmatan kerajaan. Ini akan menguntungkan kita. Kita bukan bodoh, kita bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Khoo Soo Seang: Okey Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya baca di surat khabar tentang dilema-dilema yang dihadapi oleh para penanam sayur-sayuran dan buah-buahan. Mereka ada tiga aduan. Satu ialah kekurangan pekerja buruh. Keduanya, tidak mendapat subsidi ataupun insentif. Ketiganya, tidak cukup tanah untuk penanaman. Jadi mereka minta bahawa prosedur permohonan pekerja asing dipermudahkan untuk mereka mendapatkan pekerja asing kerana itu adalah amat penting kepada mereka.

Penanaman adalah sesuatu yang sukar kita *mechanize*. Mereka juga berharap bahawa kerajaan akan adakan semula insentif produktiviti bagi penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan. Berkenaan dengan tanah, ini memang bukan urusan Kerajaan Persekutuan. Jadi mereka harap bahawa kerajaan negeri akan membantu mereka dari segi membuka lebih banyak tapak untuk penanaman.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan bahawa kadar jenayah khususnya di negeri Johor adalah jelas menurun. Pada suatu ketika boleh dikatakan setiap hari ada kes jenayah berlaku di Johor Bahru tetapi selepas ia menurun dan kita begitu senang hati, tiba-tiba baru-baru ini ada peningkatan semula. Sekali lagi banyak kes yang berlaku. Hampir setiap hari kita nampak ada kes. Jadi saya hendak bertanya kepada kementerian apakah sebab-sebabnya? Oleh kerana ada pihak yang kata ini adalah kerana banduan-banduan yang dilepaskan daripada penjara selepas ISA dimansuhkan. Adakah ini benar? Ini kerana sambil kita hendak menjaga hak asasi manusia, individu, pada saya hak asasi masyarakat adalah lebih penting. Kita kena jaga dan sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita mesti menjaga keselamatan.

Akhirnya saya hendak ulas sedikit tadi yang disebut oleh Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok berkenaan dengan sekolah rendah Cina dan bahawa negeri Selangor tidak ada tapak baru untuk sekolah rendah Cina. Jadi pada hari itu semasa Yang Berhormat Lim Guan Eng dan presiden kita berbahas, dia kata kerajaan Barisan Nasional pun tidak ada. Ini memang tidak betul. Di negeri Johor sahaja bagi Daerah Johor Bahru, bilangan sekolah rendah Cina meningkat daripada 19 hingga ke 25 dalam beberapa tahun ini. Juga Menteri Besar Johor memang setiap tahun melalui MCA Negeri Johor memberikan peruntukan yang banyak kepada SJK(C) dan juga sekolah menengah persendirian. Ini kita tidak kata *private Chinese school*.

Jadi presiden kami ada mencabar Lim Guan Eng berkata kenapa *you* kata hendak tambah bilangan sekolah Cina, hendak mengaku UEC dan sebagainya, di dalam Buku Jingga tidak ada? Dia tanya presiden kita, versi apa Yang Berhormat baca? Saya hendak tanya DAP berapa jenis Buku Jingga yang ada? Tunjukkan saya satu Buku Jingga yang ada dinyatakan di situ dengan jelas bahawa mereka akan tambah sekolah rendah Cina, akan mengaku UEC dan akan menambah sekolah menengah persendirian. Juga semasa *debate*...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tolong gulung Yang Berhormat.

Tuan Khoo Soo Seang: Okey, itu *last*. Presiden kita tanya dia bahawa dia kata Anwar akan menjadi Perdana Menteri. Adakah PAS setuju? Dia kata semua parti bersetuju. Saya hendak minta Ahli-ahli Yang Berhormat daripada PAS, kalau PAS setuju tolong sebut di situ supaya saya boleh sampaikan kepada presiden dan kepada masyarakat Cina bahawa PAS memang setuju kalau Pakatan Rakyat menjadi kerajaan, Anwar Ibrahim akan menjadi Perdana Menteri. Oleh kerana sekarang kita masih tidak tahu siapa yang akan menjadi Perdana Menteri dan mana ada kerajaan yang kita hendak pilih yang kita tidak tahu siapa ketuanya. Sekian, terima kasih dan saya mohon menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2012.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Khoo. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, inilah contohnya salah seorang orang lama bagaimana boleh berhujah, dapat berinteraksi, dapat idea dengan keterbukaan. Inilah contoh-contohnya yang saya harap semua Ahli Dewan akan menunjukkan satu tahap yang sebegini. Dapat kita berbincang, berbahas dan minta jugalah kerana dalam Dewan ini ada parti-parti lain. Apabila Yang Berhormat Khoo bertanyakan

sesuatu, barangkali pihak yang sana pun elok jawab jugalah kalau bila ada peluang nanti. Oleh yang demikian saya dapati ada sepuluh orang lagi hendak bercakap.

■1620

Saya hendak bagi pengakuan kepada semua Ahli Yang Berhormat. Saya akan benarkan Yang Berhormat semua bercakap. Soal masa itu saya rasa ada. Itu sebab saya mohon kerjasama daripada Yang Berhormat bagi nama-nama. Sekarang ini siapa yang hendak berucap hari ini pun tidak apa tetapi esok kita boleh sambung lagi. Tujuan saya untuk beri ruang seluas-luasnya kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana Yang Berhormat tidak galak datang berpeluang macam ini. Gunakan masa macam ini untuk memanfaatkan sebaiknya untuk rakyat dan negara.

Saya juga mengucapkan terima kasih kerana ramai yang ada dalam Dewan lagi. Saya sudah pesan dah, inilah contoh-contoh yang saya hendak. Kalau berada dalam Dewan, seorang Ahli Yang Berhormat bercakap itu nampaknya dapat kita belajar. Saya pun belajar juga ini daripada pengalaman-pengalaman Yang Berhormat semua. Sudah itu, mari kita bersama-sama hendak memperkasakan Dewan ini perlukan kerjasama semua pihak. Sekarang tanpa membuang masa saya rasa kita akan cuba sungguhpun tidak dapat kita selesaikan semua hari ini, sambung esok tetapi saya hendakkan nama, kemukakan nama. Ada masa. Pandailah saya gunakan masa saya. Kalau agaknya terlalu ramai, so kita sambung sampai malam.

Akan tetapi kalau tidak ramai, tidak payahlah kita sambung. Akan tetapi saya hendak beri peluang kepada semua Ahli-ahli ambil peluang ini. Tanpa membuang masa saya hendak teruskan kepada Yang Berhormat Lihan Jok. Ini kerana saya duduk di sini saya kena ambil perhatian daripada semua pihak, semua komponen pun saya fikirkan, daripada Sabah pun hendak fikirkan, Sarawak pun hendak fikirkan dan juga pembangkang pun saya hendak fikirkan juga. Okey, saya silakan Yang Berhormat Tuan Lihan Jok.

4.21 ptg.

Tuan Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangkit seperti mana yang dikatakan adalah untuk sama-sama membahaskan tentang Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2012.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak terus kepada dua perkara dalam perbahasan saya ini yakni yang pertama ialah berhubung dengan B.4 – Peruntukan Tambahan untuk Suruhanjaya Pilihan Raya yang berjumlah RM360 juta bagi mengendalikan PRU ke-13.

Jadi, saya amat memuji kerajaan yang sentiasa memastikan pilihan raya yang lancar, proses dan amalan demokrasi dan hak asasi manusia itu sentiasa dijaga Tuan Yang di-Pertua. Satu contoh yakni dalam tahun 2008, dalam PRU 12, petugas-petugas Suruhanjaya Pilihan Raya terpaksa diterbangkan menggunakan helikopter ke satu tempat atau pun pusat mengundi jauh di pedalaman Baram, Belaga semata-mata untuk mencari seorang pengundi di satu pusat pengundi di kawasan Penan di dalam pedalaman Sarawak.

Inilah bukti kerajaan yang sangat prihatin yang mengamalkan dan ingin demokrasi itu mekar di dalam negara kita. Kerajaan dan Suruhanjaya Pilihan Raya wajar dipuji atas kejayaan demi kejayaan pengendalian pilihan raya umum atau pun pilihan raya kecil sejak dahulu lagi, sejak kita merdeka iaitu lebih 50 tahun yang lampau. Sehubungan ini Tuan Yang di-Pertua, saya melihat RM360 juta ini memang jumlah yang bukan sedikit tetapi besar dan dapat digunakan.

Saya rasa walaupun PRU 13 kita masih tidak tahu bila masanya tetapi SPR saya harap dapat mengambil sedikit cadangan saya ini yang walaupun nampak kalau kita lihat di Semenanjung di sini masalah ini mungkin sedikit tetapi kita di Sarawak masalah ini besar. Saya memohon supaya peruntukan yang besar harus digunakan untuk meringankan masalah dan beban pengundi. Ini asas perbahasan saya. Saya berhajat sangat membawa perhatian Ahli-ahli Dewan yang mulia ini apa yang berlaku kepada pengundi-pengundi sah di Sarawak. Di mana pusat-pusat mengundi bagi sebilangan pengundi sentiasa berubah-ubah tanpa dipohon, tanpa pengetahuan pengundi terbabit. Tolong maklum kenapa ini berlaku? Saya mohon pihak yang bertanggungjawab memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini kenapa ini berlaku?

Saya mengambil contoh dalam PRU ke-12, sebilangan besar pengundi dengan terkejutnya mendapati pusat mengundi mereka telah berpindah tanpa dipohon, tanpa diketahui. Jadi, sejumlah besar pengundi ini terpaksa berpindah dari pusat pengundi Pekan Long Lamai ke satu tempat yang jauh sekali iaitu di pusat mengundi perkampungan Penan di Long Lamai. Di mana seorang pengundi ini jika dia bersendirian ke pusat pengundi yang baru, memerlukan perbelanjaan RM1,200 untuk kereta dan bot. Ini amat membebankan. Jadi, dalam waktu kita melaung-laungkan kerajaan sentiasa menjaga atau mengutamakan kebajikan rakyat, di sini kesilapan SPR kah atau sesiapa yang seolah-olah sengaja membebankan rakyat.

Apa salahnya kekalkan pengundi-pengundi itu di pusat mengundi dia, di kampung dia. Apa pindahkan mereka? Suruh mereka marah kah, suruh mereka susah kah? Supaya mereka akan terus tidak mengundi kerajaan kah? Tidak tahu apa niat pegawai atau pun kesilapan pegawai yang melakukan benda ini. Jadi, saya mohon SPR dan kerajaan wujudkanlah peluang untuk pengundi-pengundi dengan menggunakan wang ringgit yang banyak. Itu untuk melibatkan pengundi yang terbabit memohon semula balik ke tempat pusat mengundi asal mereka. Itu *respond* saya kepada peruntukan yang besar itu.

Jadi, satu lagi perkara yang saya hendak timbulkan berhubung dengan SPR juga. Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan amalan demokrasi sentiasa terpelihara dan program pembangunan yang adil saksama berjalan dengan baik, saya mencadangkan kepada kerajaan dan Suruhanjaya Pilihan Raya lihat semula persempadanan kawasan Parlimen dan DUN yang tertentu di seluruh negara. Saya rasa sudah tiba masanya kawasan-kawasan yang luas perlu dibahagikan kepada dua atau tiga kawasan. Jadi, salah satu kawasan yang wajar perlu dibahagikan kepada dua kawasan ialah kawasan di mana saya datang iaitu kawasan P.220 Baram, Sarawak.

Nama kawasan itu ialah Baram. Luas kawasan ini ialah kira-kira 19,000km persegi hampir atau pun lebih luas daripada negeri Pahang tetapi satu kawasan Parlimen sahaja. Jumlah penduduk mengikut *census*, dengan izin, 2010 ialah kira-kira 90,000 orang.

■1630

Jumlah pengundi Baram ialah 27,000 pengundi. Jadi dua kawasan DUN di bawah Baram ini ialah Telang Usan yang mempunyai pengundi 14,000 dan satu lagi ialah Marudi iaitu 13,000. Kedua-dua DUN ini, jumlah pengundinya masih dapat tambah. Kalau kita banding jumlah orang yang duduk di Baram tadi 90,000 tetapi pengundi hanya 27,000. Ini adalah kalau hendak ditambahkan, parti-parti politik bolehlah berebut mendaftar pengundi. Jadi saya mencadangkan supaya dua kawasan DUN itu iaitu Telang Usan dan Marudi dinaikkan taraf ke peringkat kawasan Parlimen. Apabila ini berlaku Tuan Yang di-Pertua, Telang Usan yang dahulunya kawasan DUN akan mempunyai dua kawasan Dewan Undangan Negeri yang saya cadangkan ialah Long Lama dan Ulu Baram. Kawasan DUN Marudi dahulunya bolehlah menjadi kawasan Parlimen, di bawah Marudi akan ada kawasan DUN Bakung dan satu lagi Poyot.

Dengan tujuan ini, saya rasa SPR atau kerajaan akan dapat mengurangkan jumlah kewangan perbelanjaan untuk menguruskan pilihan raya pada masa-masa akan datang selain daripada mempercepatkan pembangunan di kawasan pedalaman yang jauh ketinggalan jika kita bandingkan dengan kawasan kita di Semenanjung atau di bandar-bandar. Ini kerana kawasan Baram ini mengikut kajian Universiti Kebangsaan Malaysia dalam tahun 2004 merupakan salah satu kawasan yang termundur di dalam negara kita. Jadi dengan persempadanan yang baru ini dan ramai wakil rakyat, cepat-cepatlah hal pembangunan ini boleh berjalan dengan lancar di kawasan Baram.

Perkara yang kedua rentetan respons saya kepada rang undang-undang perbekalan ini Tuan Yang di-Pertua, iaitu Butiran B.11 berhubung dengan subsidi barang petroleum yang berjumlah RM7.5 bilion. Peruntukan tambahan yang begitu besar untuk subsidi barangan petroleum atau bahan api seperti petrol, gas dan diesel banyak menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara. Memang wajarlah peruntukan tambahan yang begitu besar. Peruntukan tambahan yang mengutamakan dan mesra rakyat ini, subsidi selama ini telah banyak meringankan beban rakyat di negara kita khususnya bukan sahaja di luar bandar tetapi hampir keseluruhan lapisan masyarakat Malaysia telah menikmati dari subsidi barangan bahan api yang mencecah tidak kurang daripada RM42 bilion setahun.

Terima kasih kepada kerajaan pimpinan Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, mengutamakan kebajikan rakyat jelata... [*Tepuk*] Terima kasih.

Jadi sehubungan dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian Ahli-ahli Dewan yang mulia ini berhubung dengan salah guna kemudahan subsidi di kawasan pedalaman Sarawak. Empat atau lima tahun sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, kos pengangkutan barangan bahan api seperti petrol, diesel dan gas asli ditanggung oleh pengguna yang sangat

membebankan mereka. Contohnya, satu liter diesel yang bersubsidi berharga RM2.90 seliter tetapi dijual dengan RM4.00 seliter di kampung-kampung di kawasan pedalaman Ulu Baram. Akan tetapi sejak tahun 2008, kos pengangkutan petrol, diesel dan gas ini telah diambil atau ditanggung, diurus oleh kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bersama dengan Pejabat Residen seperti di Bahagian Miri, Kapit, Sibu dan Limbang.

Subsidi telah banyak meringankan. Subsidi pengangkutan maksud saya ini. Bermaksud, satu-satu bahan api di kawasan pedalaman Sarawak telah dikenakan dua jenis subsidi. Pertama, subsidi secara umum. Kedua adalah subsidi pengangkutan. Jadi subsidi ini telah banyak meringankan beban pengguna luar bandar yang kurang berada. Kini rakyat luar bandar Sarawak dapat membeli barang bahan api sama dengan harga seperti di bandar-bandar.

Kini bahan api seperti petrol, diesel dan gas dihantar ke kampung dan rumah-rumah panjang mengikut jumlah yang ditempah oleh penduduk kampung setiap bulan. Penghantaran dan penjualan bahan api ini dilakukan oleh kontraktor-kontraktor.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya timbul bila mana bahan api tidak dihantar tetapi kontraktor tetap menuntut kos pengangkutan secara senyap-senyap. Di sini wang kerajaan ini hilang atau masalahnya juga hanya sedikit bahan api dihantar dan dijual tetapi kontraktor senyap-senyap menuntut kos pengangkutan yang berlebihan dengan mengisytiharkan amaun bahan api yang banyak dan tidak tepat. Di sini salah gunanya. Oleh sebab yang demikian, saya mohon pihak yang berwajib untuk melihat dan kiranya sudi menerima cadangan saya dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi cadangan saya ialah supaya diwujudkan jawatankuasa kawalan subsidi kampung di mana jawatankuasa ini diselia oleh JKK kampung supaya pengerusi jawatankuasa ini jangan senyap-senyap tandatangan. Barang tidak ada dihantar pun tandatangan hantar. Bersubahat dengan pihak kontraktor. Jadi kerajaan rugi sangat. Oleh sebab kerajaan rugi, kerajaan ditipu, rakyat juga ditipu, akhirnya kerajaanlah – jadi wang yang banyak itu tadi, wang yang begitu banyak subsidi, yang begitu banyak berbilion-bilion ringgit itu telah lesap masuk ke saku kontraktor-kontraktor yang tidak bertanggungjawab. Jadi saya bercadang supaya jawatankuasa kawalan subsidi peringkat kampung diadakan.

Di samping itu juga, oleh sebab ini melibatkan banyak wang ringgit kerajaan, apa salahnya saya mohon Tuan Yang di-Pertua kiranya di peringkat daerah seperti bahagian-bahagian saya maksudkan itu tadi seperti Kapit, Miri, Limbang dan Sibu, di peringkat daerah, pejabat daerah wujudlah satu pegawai atau pegawai tadbir yang hanya melihat kepada urusan subsidi ini tadi.

Dengan cadangan yang demikian, saya berharap hal-hal subsidi ini masalahnya dapat dikurangkan dan rakyat dapat menikmati dengan sepenuhnya usaha kerajaan ingin meringankan beban rakyat. Dengan pandangan dua perkara ini tadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

■1640

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat. Yang Berhormat telah bercakap dalam waktu yang telah pun kita tetapkan dan berada dalam cukup baik sekali. Sekarang tanpa membuang masa saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Khairiah binti Mohamed. Selepas itu Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan bersedia.

4.40 ptg.

Puan Khairiah binti Mohamed: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Kuat sedikit Yang Berhormat.

Puan Khairiah binti Mohamed: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya ingin merujuk kepada Maksud B.41 – Kementerian Pelajaran, di mana sebanyak RM35,000,000 diperuntukkan untuk menampung pelaksanaan kajian semula Dasar Pendidikan Negara. Jadi saya menyokong penuh agar Dasar Pendidikan Negara dibuat kajian semula.

Cuma saya ingin menekankan di sini berkenaan dengan aspek agama perlu dijadikan sebagai aspek teras ataupun asas di dalam Dasar Pendidikan Negara. Jadi saya mohon di dalam membuat kajian semula ini jawatankuasa yang dilantik untuk mengkaji semula perlu melihat dengan penuh teliti berkenaan aspek agama di dalam Dasar Pendidikan Negara.

Sebelum ini Dasar Pendidikan Negara adalah merujuk kepada Penyata Razak 1956 kemudian Penyata Rahman Talib 1959. Seterusnya kita telah menggubal Akta Pelajaran Negara pada tahun 1961 di mana dasar-dasar pelajaran negara telah di aspirasikan dan dinyatakan di dalam ketiga-tiga dokumen ini. Jadi bila mana kita hendak buat kajian semula saya ulang sekali lagi peri pentingnya kita melihat kepada aspek agama sebagai asas kepada Dasar Pendidikan Negara. Saya memandag daripada tiga sudut.

Pertama daripada sudut Rukun Negara kita sendiri, prinsip pertama Rukun Negara adalah prinsip kepercayaan kepada Tuhan. Di mana warga negara Malaysia semuanya percaya kepada Tuhan. Tidak ada di kalangan kita yang tidak percaya kepada Tuhan ataupun ethics. Semuanya percaya kepada Tuhan sama ada Islam, Kristian, Buddha, Hindu dan sebagainya. Jadi negara memandag peri penting kepercayaan kepada Tuhan, justeru itu kepercayaan kepada Tuhan dijadikan sebagai prinsip Rukun Negara yang pertama.

Kedua, hari ini kita melihat masalah gejala sosial yang sangat ketara. Masalah sosial ini rata-rata dikaitkan dengan muda-mudi, remaja. Dahulu kita dikejutkan dengan bohsia, bohjan kemudian kita dikejutkan dengan budaya seks bebas, bunuh diri, buang anak, anak luar nikah dan LGBT.

Semua ini berpunca daripada apa? Ini kerana rapuh nilai agama di dalam individu berkenaan. Jadi contoh mengikut statistik kelahiran anak luar nikah daripada tahun 2000 sehingga tahun 2008 anak luar nikah adalah sebanyak 155,000 purata sebulan 1,025 kes sebulan. Ini sudah menunjukkan nilai-nilai moral di dalam muda-mudi kita sangat terhakis. Belum lagi kita merujuk kepada kes-kes bunuh diri, kes-kes buang anak, seks bebas yang kita sendiri tidak ada rekod...

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: *[Bangun]*

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Tuan Yang di-Pertua boleh saya mencelah?

Puan Khairiah binti Mohamed: *Yes.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat benarkan Yang Berhormat? Sila.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin pohon penjelasanlah berkenaan dengan seks bebas yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Apakah Yang Berhormat tidak menyokong dengan perjuangan seks bebas yang diperjuangkan oleh Ambiga yang sentiasa dijelaskan oleh kerajaan pada ketika ini? Sila Yang Berhormat.

Puan Khairiah binti Mohamed: Sebagai seorang Islam saya yakin tidak ada mana-mana pihak yang akan menyokong seks bebas. Sebagai seorang Islam hanya pasangan suami isteri hubungan yang sah sahaja, maknanya tidak terlibat dengan seks bebaslah. Sekiranya memang seorang yang beragama Islam sama sekali tidak akan menyokong seks bebas. Saya percaya kita semua di sini pun tidak menyokong seks bebas.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Yang Berhormat dan maksudnya di sini jelaslah di dalam pembangkang sendiri telah pun ada kecelaruan tidak sokong dan sebahagian menyokong. Itu jelas ya. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Saya ingin mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Seorang lagi Yang Berhormat berminat sangat Yang Berhormat ini. Silakan Yang Berhormat sila.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Tadi Yang Berhormat sebut tentang pembuangan anak luar nikah dan juga penceraian juga kan, betul tidak? Jadi kalau boleh Yang Berhormat sebutkan statistik negeri mana yang dapat nisbah yang tertinggi, dari segi bayi lahir luar nikah? Terima kasih.

Puan Khairiah binti Mohamed: Mengikut statistik bayi luar nikah yang saya dapat antara tahun 2000 hingga tahun 2008 statistik tertinggi adalah di Selangor. Mungkin kadar yang saya dapat itu statistik pada tahun 2000-2008, lah. Terkini saya tidak pasti tetapi yang tertinggi adalah di Selangor. Cumanya nisbah kepada pasangan yang beragama Islam adalah sebanyak 45% ataupun 44% yang lain-lainnya adalah pasangan bukan Islam. Itu adalah mengikut rekod daripada Jabatan Pendaftaran Negara.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Mengenai gejala sosial ini macam mana dengan HIV? Negeri mana yang tertinggi sekali? Terima kasih.

Puan Khairiah binti Mohamed: Itu saya akui HIV adakah puan merujuk berkenaan dengan Kelantan? Betul HIV tertinggi di Kelantan tetapi statistik itu adalah berdasarkan pusat serenti wanita berada di Kelantan dan bilangan itu adalah merujuk kepada pelatih-pelatih yang berada di pusat serenti itu. Jadi saya sekiranya mengatakan HIV tertinggi di Kelantan bermaksud masalah HIV paling tinggi di Kelantan tidak tepat.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat teruskan Yang Berhormat. Yang Berhormat ada masa terhad juga teruskan. Sudah jawab itu okeylah itu.

Puan Khairiah binti Mohamed: Jadi berkenaan dengan isu sosial itu tadi sebagai umat Islam telah ada panduan di dalam ayat suci Al-Quran yang saya petik di sini, *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim...* [Membaca sepotong ayat Al-Quran] *"Sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan fasakh keburukan ataupun kemungkaran."*

Jadi seseorang Islam yang percaya dengan ayat ini mesti percaya bahawa seorang yang berpegang dengan agama akan mengelakkan dia daripada berbuat kejahatan. Jadi berasaskan kepada asas ini maka saya mohon Dasar Pendidikan Negara menekankan aspek agama. Supaya yang akan lahir nanti anak-anak kita, generasi kita yang berpegang dengan agama yang tidak mudah melakukan kemungkaran dan kejahatan.

Di mana orang-orang ini tidak perlu kepada agensi penguatkuasaan untuk mengawal mereka bahkan di dalam diri mereka sendiri telah pun ada agensi penguatkuasaan iaitu agama yang kukuh. Saya melihat bila masyarakat yang lahir adalah berpegang dengan agama, automatik agensi penguatkuasaan boleh dikurangkan. Sebab agensi penguatkuasaan telah ada dalam diri masing-masing.

■1650

Jadi, daripada sudut itu kita boleh melihat jangka masa panjang. Suka di sini saya memetik kata-kata daripada seorang tokoh sosial dalam Islam iaitu Ibnu Khaldun, bila mana dia menyebut *"apabila kamu ingin melihat peradaban, ketamadunan suatu bangsa, maka lihat muda-mudinya."* Lihat golongan muda. Jadi pandangan saya, bila kita merujuk kepada muda-mudi kita hari ini, apakah yang sinonim dengan mereka? Apakah yang sinonim dengan muda-mudi kita? Adakah suatu kecemerlangan yang kita boleh banggakan ataupun merujuk kepada gejala-gejala sosial yang tidak sihat? Saya rasa semua orang boleh buat penilaian masing-masing. Itu adalah faktor yang kedua.

Yang ketiga, melihat kepada penyelidikan pakar kaunseling dan motivasi berkenaan dengan tahap intelek manusia dibahagikan kepada tiga peringkat kajian. Kajian pertama iaitu kajian di peringkat di panggil *Intelligence Quotient (IQ)*, seseorang dinilai, kecerdikan. Kepandaian seseorang itu dinilai bila mana dia boleh menyelesaikan masalah-masalah logik. Isu matematik seperti $100 + 100 = 200$. Bila mana dia lagi 'teror' kira bilangan-bilangan ini, dia lagi pandai, IQ dia lagi tinggi. Itu dianggap cerdik. Kemudian manusia masih lagi tidak puas hati, pergi kepada satu peringkat lagi iaitu mereka menjumpai *Emotional Quotient (EQ)*, di mana seseorang yang cerdik

perlu emosi yang stabil. Perlu ada perasaan marah, perlu ada suka, duka dan boleh mengawal perasaan-perasaan ini. Seseorang yang mempunyai EQ yang tinggi boleh mengawal perasaan mereka.

Kemudian, mereka telah pergi kepada satu tahap pemikiran, satu tahap intelektual yang lain iaitu *Spiritual Quotient* (SQ) di mana mereka berpandangan ini adalah tahap intelektual manusia yang paling tinggi iaitu kesedaran kepada ketuhanan. Sebagai contoh, seseorang yang mempunyai SQ yang tinggi, bila mana dia menerima wang gaji, dia tidak akan merasakan wang itu adalah milik dia seorang tetapi wang itu perlu dibahagi dengan golongan miskin, perlu diberi zakat dan mungkin tanggungjawab *income tax* kepada kerajaan. Seseorang yang mempunyai SQ yang tinggi, bila mana dia menjawat jawatan tinggi dalam kerajaan ataupun dalam *business*, dia tidak merasakan tugasnya setakat dalam kerajaan ataupun *business* tetapi dia juga merasakan tugasnya perlu diberi kepada anak-anak yatim, orang miskin. Itu adalah contoh orang yang mempunyai SQ yang tinggi. Jadi, dalam kita hendak melahirkan golongan yang mempunyai SQ yang tinggi, suka saya menyarankan dalam mengkaji semula Dasar Pendidikan Negara, kita perlu tekankan aspek rohani, aspek keagamaan.

Dengan itu, saya mencadangkan yang pertama, dalam mengkaji semula Dasar Pendidikan Negara, jawatankuasa yang dilantik perlu melibatkan orang-orang yang berkemahiran dan berkepakaran dalam bidang agama masing-masing, tidak kira agama Islam, agama Kristian, agama Hindu dan agama Buddha perlu ada dalam jawatankuasa ini supaya masyarakat kita, generasi kita yang bakal lahir adalah masyarakat yang ada kesedaran beragama, kesedaran ketuhanan. Bukan lalai dengan arus kelalaian, hiburan dan sebagainya.

Yang kedua, suka saya ingin mencadangkan di sini dalam mengkaji Dasar Pendidikan Negara, agama dijadikan sebagai subjek teras dan diletakkan at par, sama *level* dengan bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Matematik mahupun Sains. Apa yang kita lihat hari ini, subjek agama adalah subjek yang wajib dipelajari tetapi bukan menjadi subjek yang mesti lulus periksa. Sebagai contoh, saya ambil UPSR. Subjek dalam UPSR adalah bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Bagi Bahasa Melayu, ada dua - 2A iaitu Pemahaman dan Penulisan tetapi tidak ada subjek agama. Kenapa tidak ada subjek agama? Adakah agama tidak at par, agama tidak sama *level* dengan subjek-subjek lain. Adakah agama tidak penting?

Yang ketiga, saya mohon dalam mengkaji Dasar Pendidikan Negara ini, saya mohon kerajaan membuat perbandingan dengan sukatan pengajian di sekolah-sekolah agama di mana sebagai contoh, di negeri Kelantan, sekolah agama telah berjaya melahirkan Siti Fatimah yang telah mendapat 18A dan Nik Nur Madihah yang telah mendapat 20A. Siti Fatimah adalah seorang yang menghafaz 18 juzuk al-Quran semasa peperiksaan SPM dan Nik Nur Madihah tidak pernah tinggal solat sunat sewaktu Subuh. Ini saya katakan melahirkan seorang yang mempunyai SQ. Automatik IQ nya akan menjadi tinggi. Seterusnya, saya juga menyarankan di sini supaya kerajaan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada tiga minit lagi, Yang Berhormat.

Puan Khairiah binti Mohamed: Okey. Saya ingin menyarankan agar profesion perguruan diletakkan sebagai profesion yang paling berprestij, di mana mereka diberi mata gaji yang paling tinggi dan dipilih di kalangan pelajar-pelajar yang terbaik supaya kesinambungan kecemerlangan ini dapat diteruskan. Saya juga menyarankan juga supaya kerajaan menjaga kebajikan para guru.

Seterusnya, satu lagi saya rasa sekejap sahaja yang ini. Saya merujuk kepada Maksud B.42 - Kementerian Kesihatan. Akhir-akhir ini kita melihat penyakit-penyakit di kalangan wanita semakin bertambah terutamanya kanser seperti kanser payudara, kanser serviks dan juga sebagainya. Akan tetapi kadang-kadang kebanyakan wanita ini di peringkat awal malu untuk ke depan kerana masalah berdepan dengan doktor lelaki. Jadi, suka di sini saya menyarankan agar Kementerian Kesihatan boleh mengkaji satu keperluan untuk mewujudkan hospital untuk kaum wanita. Bagi kalangan orang-orang yang berpendapatan tinggi, mereka boleh memilih untuk mendapatkan pakar-pakar di kalangan wanita dengan membayar di klinik-klinik swasta tetapi mereka yang berpendapatan rendah, tidak mampu untuk berbuat demikian. Terpaksa pergi ke hospital biasa dan dirawat oleh doktor-doktor lelaki...

Dato' Lim Nget Yoon: [*Bangun*]

Puan Khairiah binti Mohamed: Jadi saya mencadangkan supaya...

Dato' Lim Nget Yoon: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Lim Nget Yoon: Tuan Yang di-Pertua, saya berfikir cadangan itu tidak patutlah. *Firstly*, dengan izinlah. Katakanlah kanser paru-paru kah atau apa sebab kita ada *pap smear*. *Pap smear* adalah satu program kesihatan yang bagus sekali sebelum kita kena kanser itu, sudah tahu. Orang yang buat *pap smear* itu memanglah *nurses*. Kita mesti guna *fully*.

■1700

Lagi satu, tadi / ingat tidak hendak sentuhlah tentang orang yang percaya kepada Tuhan memanglah semua akan – kalau ikutlah. Bagaimana dengan *free thinker*, dengan izin, *free thinker*? Pandangan saya, kalau hendak mendidik anak, bukan agama sahaja. *Parenting skill*, dengan izin... Kita memang ada moral kan, subjek Pendidikan Moral dekat sekolah yang itu semua kita ajar kepada anak tetapi cara dia, bagaimana...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat apa penjelasan Yang Berhormat hendak minta itu?

Dato' Lim Nget Yoon: Saya kurang setuju dengan orang tidak beragama anak dia tidak akan jadi bagus.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey. Apa pandangan?

Dato' Lim Nget Yoon: Sekarang dengan doktor, *specialist* pada saat ini tidak cukup, bagaimana hendak wujudkan hospital untuk khususnya untuk kaum wanita? Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat. Oleh kerana masa ada termakan sedikit, saya benarkan Yang Berhormat satu minit lagi.

Puan Khairiah binti Mohamed: Tadi saya rasa saya sudah merujuk dengan Rukun Negara kita. Prinsip Rukun Negara kita yang pertama adalah kepercayaan kepada Tuhan. Jadi bila prinsip Rukun Negara yang pertama adalah kepercayaan kepada Tuhan, semua warganegara kita percaya kepada Tuhan, tidak wujud *free thinker*, *atheist* tidak wujud.

Dan yang kedua, cadangan saya berkenaan dengan pewujudan hospital untuk wanita ini adalah perancangan masa depan, jangka masa panjang. Sekiranya mungkin benda ini boleh dilaksanakan, mohon dilaksanakan. Ini akan memberi lebih keselesaan kepada kaum wanita yang merasakan perkara ini adalah *privacy* untuk mereka. Bukan sahaja untuk orang Islam tetapi kemungkinan di kalangan bukan Islam pun merasa perkara itu adalah *privacy* dan mereka ingin merujuk kepada pakar-pakar wanita.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat, *point taken*. So, *next one* ada berapa?

Puan Khairiah binti Mohamed: Okey saya rasa itu sahaja pandangan daripada saya dan saya mohon untuk menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Khoo Soo Seang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup masa Yang Berhormat. Cukup masa. Sekarang saya persilakan Dato' Nallakaruppan. Selepas ini Tuan Haji Baharuddin. Ya, silakan.

5.03 ptg.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Selamat petang. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk saya bercakap. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kerana memimpin negara dan rakyat dengan baik. Beliau merupakan seorang yang mengutamakan negara dan rakyat dan sentiasa turun padang. Saya pun satu Presiden serupa dengan Tuan Yang di-Pertua, di luar, bukan di dalam Dewan Negara. Parti saya Parti Bersatu India Malaysia.

Saya ada ceramah di seluruh Malaysia saya ada pergi tetapi Perdana Menteri akan turun padang semua tempat kaum India, kaum Cina, kaum Melayu. India betul-betul sokong sama Perdana Menteri. Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir berkata, jawatan Perdana Menteri Terhormat perlu diwujudkan selama lima hari untuk Ketua Pembangkang. Pada pendapat saya, Ketua Pembangkang perlu lima minit sahaja untuk rosakkan negara kita. Bukan lima hari bagi sama dia, lima minit sahaja cukup rosakkan negara kita. So, itu saya punya pandangan.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah?... [Ketawa] Lima minit bolehkah rosak negara, kenapa lima minit, kenapa lima minit?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Satu minit pun cukup untuk dia.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Apa yang boleh dia buat?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Sekarang *you* orang sudah tahu. Dulu bila merdeka sampai tahun 1998 dengan izin, *how was the Malay in this country*, sekarang apa macam? Ketua Pembangkang sudah pecahkan Melayu, India, Cina bukan satu bangsa... [Disampuk] Betul. Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini Ketua Pembangkang ada saman saya untuk RM1 juta tetapi saya tetap dengan pendirian saya bahawa seorang biseksual tidak layak jadi Perdana Menteri... [Tepuk] Bukan di negara ini. Ini prinsip yang saya tetap pegang walaupun saya disaman RM500 juta sekalipun lagi.

Tuan Yang di-Pertua, tiga tahun dahulu saya ada cakap Ketua Pembangkang mempunyai keupayaan kewangan yang amat besar tetapi pada masa itu ramai yang tidak mahu dengar. Kini semua telah terbongkar dan baru orang buka mata. Sekarang baru orang tertanya-tanya, mana Ketua Pembangkang dapat duit untuk pergi ke luar negara berkali-kali.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, sila.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Saya mohon untuk gunakan Peraturan Dewan, Peraturan 35 Tuan Yang di-Pertua, membincangkan sesuatu perkara berkenaan dengan latar belakang Ahli Dewan yang mulia ini yang kes sudah dibicarakan di mahkamah dan diputuskan dan Ahli Dewan tidak ada di dalam Dewan ini untuk menjawab. Jadi saya minta dia tarik balik dan mohon maaf dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan dengan yang mana itu Yang Berhormat?

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Tentang tuduhan biseksual. Dalam kedua-dua kes yang dibicarakan di mahkamah sama ada di peringkat Mahkamah Federal ataupun Mahkamah Tinggi, kes ini sudah diselesaikan di mahkamah. Satu menunggu rayuan, bukan sebab...

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Bukan sini..

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Ada kes yang melibatkan Yang Berhormat sendiri. Kes saman terhadap beliau.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Bukan, bukan sini, di luar, di tepi jalan, di Jalan Tuanku Abdul Rahman, di luar Dewan Negara. Saya mana-mana pun lagi boleh bercakap. Dia boleh saman sama saya lagi RM100 juta pun boleh.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini bukan Dewan kita hendak bercakap tentang persoalan remeh.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Saya amat faham.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Sekarang ini kita membicarakan soal Pembekalan Tambahan. Kalau kita hendak bicarakan tentang soal peribadi mana-mana individu, kita boleh cakap di luar. Jangan gunakan kekebalan Dewan ini untuk menyelamatkan diri sendiri.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tidak ada, bukan, ini untuk semua.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya minta tarik balik, tarik balik kerana ini soal melibatkan keperibadian orang.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Ini semua untuk Ahli-ahli Yang Berhormat semua mahu tahu siapa Ketua Pembangkang.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Jadi saya rasa ada peraturan Dewan berkaitan dengan perkara ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat..

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Bila saya kenal dia, *you* sangat kecilah, *you* budak kecil.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya mohon agar Tuan Yang di-Pertua Dewan untuk membuat keputusan.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Bila saya kenal Ketua Pembangkang, *you* budak kecil.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat. Yang Berhormat..

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Saya sudah kenal dia 30 tahun lebih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk dahulu, duduk dahulu. Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat. Saya selalu berpesan kalau boleh jangan jadikan Dewan ini satu tempat kita bertelagah. Kita mesti berhujah, memberi pendapat dengan penuh hemah dan bijak. Oleh demikian, tadi saya dengar dia tidak sebut nama, hanya Ketua Pembangkang.

■1710

"Ketua Pembangkang" agaknya mungkin *refer* kepada pihak yang berkenaan itu dan soal biseksual dan sebagainya itu, umum pun semua tahu. So dalam perkara ini pun sekarang saya minta Yang Berhormat kalau boleh kurangkan, jangan gunakan lagi perkataan yang berbentuk tuduhan. Anggap itu sebagai, Yang Berhormat kena buat sesuatu yang bijak sedikit yang boleh tidak dapat mengelakkan daripada timbul masalah. Okey, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Ini lampu pun takut, tak mahu hidup... [*Ketawa*]

Saya dapat tahu Ketua Pembangkang amat tertekan sebab desakan ramai suruh dia pulangkan wang RM3 bilion kepada rakyat. Saya yakin Ketua Pembangkang tidak akan berbuat demikian malah dia akan menuding jari kepada pemimpin UMNO. Saya yakin Ketua Pembangkang tidak akan mengaku salah. Beliau tetap akan salahkan orang lain, beliau mungkin akan salahkan dengan izin *late* Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan Tun Mahathir dalam isu RM3 bilion ini...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk dahulu. Ada apa Yang Berhormat?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya ingin mendapatkan penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, penjelasan.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Penjelasan tentang persoalan yang dikatakan tuduhan sebanyak RM3 bilion. Tuduhan kali pertama dikemukakan pada tahun 1998 melalui akuan bersumpah bekas Timbalan Gabenor Bank Negara, Datuk Murad Khalid. Siasatan dibuat oleh BPR ketika itu yang mengesahkan melalui akuan bersumpah, Ketua Unit Siasatan BPR, Abdul Razak Idris.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya mohon Yang Berhormat sebab saya rasa hal ini kita tidak perlu ada penjelasan dari mana-mana pihak. Jadi saya rasa biar...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya belum habis lagi. Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya rasa tidak perlu penjelasan sebab siapa yang bercakap haruslah seorang yang diberitahu sahaja, tidak perlu ada sesiapa yang membuat penjelasan di dalam Dewan berkenaan hal yang seperti mana dikatakan oleh Dato' Nalla tadi. Jadi saya mohon biar pembahas membahaskan terus.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi saya membuat keputusan Yang Berhormat, setiap kali - Yang Berhormat duduk dulu. Yang Berhormat Baharudin duduk, Yang Berhormat Nalla pun duduk, Yang Berhormat pun duduk. Tolong cuba elakkan menimbulkan masalah dan juga apa yang boleh dibangkitkan itu kalau perkara itu memang dah umum tahu dan dibincangkan di dalam ini, tetapi kalau ada berkaitan mana-mana yang boleh menimbulkan, menjurus ke arah sama ada akan dituduh atau kes-kes yang dianggap *sub judice*, itu saya tidak benarkan. Akan tetapi kalau sekiranya setakat menyebut bilion dan sebagainya, itu agaknya *it is a question of* pendapat. Kalau mana-mana pihak yang tidak bersetuju itu boleh ambil tindakan di luar nanti. Akan tetapi kalau boleh, cuba elakkan perkara-perkara yang tidak begitu spesifik. Cuba cakap benda yang lebih menjurus untuk yang membina.

Di samping itu kalau ada spesifik tuduhan yang dibangkitkan untuk buat kajian, kemukakan cadangan, itu boleh dibuat. Kalau sesuatu kes itu Yang Berhormat beritahu tadi seolah-olah tahun 1998, kalau skuad BPR Haji Abdul Razak Idris sudah buat siasatan, itu dululah. Kalau dalam siasatan juga tidak semestinya tidak boleh timbulkan lagi, kalau ada bukti-bukti baru yang timbul di masa kini. Kalau sekiranya baru-baru ini keluar satu kenyataan bahawa Datuk Murad sendiri telah menyatakan, itu perkara yang sedang disiasat. Jadi kalau boleh perkara itu, kalau kes sedang disiasat jangan disentuh lagilah kalau boleh.

Okey, duduk Yang Berhormat. Teruskan Dato' Nalla. Cuba elakkan benda-benda yang boleh, kalau kes itu dalam siasatan jangan ditimbulkan kerana ini mungkin menimbulkan sesuatu pertuduhan dalam mahkamah dan wajar kita elakkan perkara itu.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya kenali Ketua Pembangkang. saya mesti mahu ucap itu kerana saya yang kena, 1998 saya kena tangkap. Saya duduk dipenjara satu tahun di Sungai Buloh. Saya bukan salah apa-apa, untuk Anwar Ibrahim, mereka tangkap pasal dia liwat, saya tahu. Lagi mana mahu beritahu, semua Yang

Berhormat-Yang Berhormat sini mesti mahu diberitahu, siapa ini Ketua Pembangkang. Betulkah Yang Berhormat? *So* dengan izin, *I have to explain* Tuan Yang di-Pertua. Saya amat faham perangai Ketua Pembangkang. Saya juga tahu tahap nafsu Ketua Pembangkang terhadap wang. Dulu kita pernah dengar di *Hollywood*, '*six million dollar man*' dan kini di negara ini adalah juga '*three billion ringgit man*'.

Tahun 1998 Tuan Yang di-Pertua, bila Ketua Pembangkang kena tangkap, saya yang mula-mula kena tangkap. Pada masa itu semua orang suka sebab saya tidak kasi tahu polis siapa Anwar Ibrahim. *Sorry to use a name, just I use* Ketua Pembangkang. Saya duduk satu tahun di penjara, keluar, pada masa itu mereka ingat serupa mereka manis macam madu. Mereka ingat Dato' Nalla amat baik. Sekarang mereka sudah masam. Kita cakap betul, mereka masam. Bukan saya bohong tetapi Ketua Pembangkang dia boleh bohong, dia boleh tipu, semua dia boleh, semua dia cakap orang. Rakyat dia boleh tipu tetapi apa yang UMNO dan Barisan Nasional buat, semua tipu, semua konspirasi. Dia seorang sahaja dalam Malaysia, dia baik.

Saya kenal dia 30 tahun lebih, saya tahu siapa Ketua Pembangkang. Dia *sue* saya untuk RM100 milion, lagi RM500 milion dia *sue* pun, untuk negara saya lawan, tetap saya lawan untuk negara ini. Perdana Menteri bagi RM15 bilion sebagai tambahan untuk kerajaan bagi menolong rakyat. Kata Ketua Pembangkang, lebih baik beri balik RM3 bilion tersebut tadi, RM15 bilion boleh jadi RM18 bilion. Itu boleh jadi untuk rakyat Malaysia. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua sedikit *busy*.

Bila saya kena tangkap 1998, mereka bawa saya pergi tunjuk tempat gantung di Sungai Buloh. Adakah siapa-siapa tengok tempat gantung? Ahli PKR sekarang? Tidak ada. Saya pergi tengok tempat gantung, mereka cakap *you* cakap ini Anwar Ibrahim punya hal. Sekarang saya cakap, itu pun tidak boleh cakap. Tengok tempat gantung itu, malam mereka bawa saya balik di Bukit Aman, saya tidak boleh tidur. Saya sudah tengok tali gantung, macam mana mahu tidur? Untuk kawan, masa itu saya tolong dia. Liwat saya tidak cakap, dia ambil bini orang saya tidak cakap. Semua.

■1720

Saya duduk penjara, hukuman gantung itu mati untuk kawan. Akan tetapi kawan itu duduk dalam penjara enam tahun, sudah dibebaskan tetapi masih tidak berubah. Dia bertambah jahat, hendak merosakkan negara kita.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencelah sedikit, boleh?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Bolehlah... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Minta maaf. Saya cuma hendak tanya Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan, kini sudah menyesal kah ataupun menyesal segala-galanya? Saya hendak tanya Dato' Nallakaruppan.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Sekarang saya *regret*. Walaupun saya ingat kawan tetapi siapa yang mahu rosakkan negara kita, kita tidak boleh tengok itu. Merdeka sampai 1998, saya sudah tengok masyarakat berbilang kaum hidup dengan penuh harmoni. Sekarang Melayu sudah berpecah, siapa yang bagi pecah? Tahun 1998, *demonstration* bila *start*? Saya tahu, anak saya bertanya. Tahun 1998 *demonstration start* sampai sekarang tidak berhenti...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana membawa rang undang-undang ini dan saya tetap sokong. Terima kasih dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar.

5.22 ptg.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Sebelumnya saya ingin meminta izin daripada Tuan Yang di-Pertua, sebab kita tahu semalam kita kehilangan seorang tokoh negara, tokoh budayawan, tokong wanita yang terulung. Jadi, di dalam Dewan ini saya minta izin bagi yang Islam kita sedekahkan Al-Fatihah dan yang bukan Islam kita bertafakur sebentar. Saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua.

[Ahli-ahli Yang Berhormat membaca Al-Fatihah dan bertafakur]

5.23 ptg.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih saya mengucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya. Nampaknya hari ini perbahasan kita tentang bajet tambahan bertambah-tambah dengan isu kehangatan yang dibawa oleh Dato' Nallakaruppan ini kadang-kadang ada *umpphh*, kadang-kadang boleh menjadikan kita ini dalam suasana Dewan yang sejuk ini pun boleh jadi panas. Akan tetapi tidak apa. Apa pun keadaannya kita hendak ucapkan tahniah kepada kerajaan walaupun bajet tahun lepas kita sudah bentangkan tetapi demi rakyat, demi untuk negara, Belanjawan Tambahan terpaksa dibentangkan dan diuruskan untuk memastikan keadaan negara kita sentiasa berada di dalam situasi yang mengizinkan rakyatnya bernama warga negara Malaysia. Kita tahu ada kadang-kadang kalau kita tengok dari segi anggaran perbelanjaan ini, termasuk juga perbelanjaan keselamatan.

Akan tetapi kalau kita lihat dari satu keadaan ada juga warga negara yang tidak tahu berterima kasih. Apabila dia di luar negara, bercakap memburukkan kerajaan, menghina Perdana Menteri, ini pun satu perkara yang tidak bagus. Akan tetapi bila diberi segala kemudahan, digunakan dengan begitu baik kerana katanya apa, kerana katanya inilah hak rakyat, betul? Kita pun setuju, kita pun rakyat. Siapa kata kita bukan rakyat. Bukan di luar sana sahaja yang

mengatakan mereka rakyat. Akan tetapi kita pun rakyat. Kita pun perlukan kemudahan-kemudahan seperti ini. Perbelanjaan-perbelanjaan yang diuruskan oleh kerajaan yang mencerminkan hanya semata-mata untuk memastikan untuk rakyat. Dari rakyat kepada rakyat. Jadi, maka dengan itu kalau kita lihat satu persatu, sebanyak 17 kementerian ataupun jabatan terlibat di dalam perbelanjaan tambahan kita pada kali ini.

Yang pertamanya berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya. Kita tahu bukannya SPR ini menjalankan tugas ini baru sekali ataupun baru hendak Pilihan Raya Umum Ke-13 ini baru dia menguruskan pilihan raya di Malaysia ini, tidak. Sudah 12 kali. Penambahan bajet dari semasa ke semasa diberikan oleh kerajaan untuk memastikan bahawa sistem pilihan raya kita sentiasa berlaku dalam keadaan yang adil dan saksama. Ini terbukti. Bukan sahaja yang lepas dan sebelum-sebelumnya. Sudah terbukti bahawa SPR menjalankan tugas dia dengan lebih begitu berkredibiliti dan juga efisien. Akan tetapi masih ada lagi yang mengatakan SPR ini *bias*, SPR ini tanggungan kerajaan. Kononnya SPR ini dimonopoli oleh sesuatu badan. Di mana kita hendak meletakkan sebenarnya kedudukan SPR ini?...

Tuan Khoo Soo Seang: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta mencelah.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Silakan cikgu.

Tuan Khoo Soo Seang: Kenapa orang yang menuduh bahawa SPR itu kotor, tidak adil tetapi begitu yakin mereka akan menang pilihan raya akan datang. Macam mana dia hendak menang?... [*Tepuk*]

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Kalau saya jawab nanti, sebenarnya Dato' Nallakaruppan lebih tahu. Akan tetapi saya kena jawab. Inilah dikatakan kerakusan manusia. Manusia yang tidak tahu bagaimana untuk menghargai keadaan yang mereka ada. Cuma dia tahu SPR salah dan salah dan salah dari semasa ke semasa tanpa memikirkan...

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Boleh?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Silakan, silakan.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat kata semua Dato' Nallakaruppan tahu. Nanti saya hendak bercakap tetapi tidak diberi peluang... [*Ketawa*]

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya ingatkan ada apa tadi. Jadi Yang Berhormat, cikgu Tuan Khoo Soo Seang, kita tahu keadaan beginilah yang kita perlu sama-sama imbangkan, kita melihat dari segi keadaan ataupun konteks. Biar nampak rasional, jangan terlalu *bias*. Jangan kerana kerakusan kita, maka segala apa yang dilakukan oleh jabatan-jabatan tertentu hanya untuk memastikan kestabilan dan keamanan itu berlaku tetapi tidak menyebelahi kita, maka kita menyatakan ini kuda ataupun tanggungan pihak-pihak tertentu. Saya rasa ini perkara tidak adil. Saya rasa sebab SPR ini bukannya satu badan yang baru tetapi sudah lama. Ada 12 pilihan raya, kalau kita kali empat, 48 tahun. Bukan sedikit.

Tidakkanlah 48 tahun tidak matang-matang lagi. Akil baligh pun kita tahu sudah masuk 12, 13 tahun pun sudah baligh. Kadang-kadang ada yang boleh kahwin walau pun saya belum. Akan

tetapi ini kita perlu ambil kira. Umur 48 tahun sesuatu perkara, kalau dalam manusia kita boleh panggil ini satu peringkat kedewasaan ataupun berada dalam peringkat kematangan. Jadi, tidak perlulah. Sepatutnya kita sama-sama membantu SPR. Kita sama-sama mengizinkan SPR menjalankan tugas dengan begitu lebih selesa. Silakan sahabat...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Boleh? Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Tuan Baharudin berkaitan tentang yang didapati dalam Laporan PAC yang lalu. Lebih 42,000 nama pengundi-pengundi yang terdaftar dalam daftar pemilih tidak mempunyai kad pengenalan. Jawapan SPR ialah mereka tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuang nama-nama tersebut sedangkan dalam Akta Pilihan Raya termaktub jelas bidang kuasa SPR untuk membuang nama-nama tersebut. Saya mohon sedikit penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini Yang Berhormat cuma bagi tahu, lontarkan dia punya masalah, minta pihak yang bertanggungjawab, SPR beri jawapan dalam jawapan itu nanti. Tidak payahlah kita hendak bertelagah di sini soal siapa yang betul.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya rasa saya hendak beri penjelasan sedikit. Mungkin apa yang Yang Berhormat maksudkan tadi pengundi hantu ya, yang selalu disebut?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Bukan. Ada 42,000 nama mereka yang terdaftar dalam daftar pemilih tidak mempunyai kad pengenalan.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya rasa ini karut. Kalau tidak ada IC, macam mana kita hendak daftar? Kita hendak keluarkan duit di ATM pun kita kena ada kad.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Ini adalah laporan dalam Laporan PAC yang lepas.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya rasa dalam Laporan PAC juga ada Ahli Jawatankuasa dari Pembangkang. Kenapa mereka tidak membangkang semasa keputusan dibuat?... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Ini hasil dapatan Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Saiful, sebelum bertelagah cakap dengan saya dahulu. Minta *permission* saya dahulu. Saya hendak kawal betul-betul. *Face to me*, ikut peraturan. *Alright* sekarang perkara itu tidak payah. Yang Berhormat Baharudin boleh lontarkan itu, minta penjelasan daripada SPR. Silakan Yang Berhormat.

■1730

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, jadi saya minta SPR jawab lepas ini. Saya bukan panel SPR Tuan Saiful ya? Jadi saya merasakan dari segi SPR ini, janganlah kita terlalu merendah-rendahkan, sebab mereka pun...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kerana masa pun dah menunjukkan pukul 5.30 petang, Yang Berhormat boleh sambung esok, ya dan sekarang saya persilakan – Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan untuk dikemukakan usul penangguhan, dipersilakan Yang Berhormat.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 15(3)

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), mesyuarat ditangguhkan sekarang”.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D’Cruz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Dasar Ladang Kelapa Sawit Untuk Menyokong Penternakan

5.33 ptg.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana beri peluang kepada saya untuk memberi ucapan penangguhan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekejap ya? Kerana nama-nama yang telah dihantar kepada saya untuk membahaskan usul-usul dari segi perbelanjaan tadi, boleh berucap esok dan semua – kalau ada antara lain yang masih hendak bercakap esok, sila kemukakan nama sekarang ini. Kalau esok saya tidak terima lagi dah, hanya akan menyudahkan semua ada lebih kurang sepuluh orang lagi hendak berucap, maka kita hendak sambung esok kepada mereka yang masih belum berucap dari segi perbekalan. Sekian terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya untuk memberi ucapan penangguhan mengenai dasar berkaitan ladang kelapa sawit untuk menyokong aktiviti penternakan. Kawasan-kawasan tanah luas yang digunakan bagi penanaman kelapa sawit menghalang pengeluaran makanan oleh petani tempatan untuk mengusahakan sayur-sayuran, buah-buahan dan penternakan.

Kerajaan berpuas hati memandangkan ladang-ladang kelapa sawit ini menghasilkan pendapatan yang tinggi, disebabkan itu kawalan dan jaminan makanan telah jadi kurang penting. Amalan ini tidak mampan dalam jangka masa panjang, perlu ada keseimbangan antara tanaman komersial dan makanan sara diri, pengurusan estet seperti Sime Darby, KL Kepong dan Achi Jaya tidak menggalakkan aktiviti penternakan haiwan oleh pekerja. Ini mengehadkan pengeluaran susu tempatan dan tenusu yang lain, memandangkan ladang-ladang kelapa sawit menguasai tanah yang luas, ia mesti digunakan untuk lebih daripada satu tujuan yang akan melengkapkan tanaman kelapa sawit.

Saya menyeru kementerian untuk menggalakkan ladang-ladang kelapa sawit untuk membenarkan penternakan lembu di ladang-ladang dan kawasan pertanian. Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan dan menyokong ladang-ladang kelapa sawit untuk membenarkan dan menggalakkan aktiviti ternakan dan tanaman sayur-sayuran. Saya mendapati hanya FELDA membenarkan ternakan lembu, tetapi ladang-ladang besar termasuk GLC, tidak menggalakkan ternakan lembu dan pengeluaran pertanian dalam estet. Ladang-ladang besar memiliki tanggung jawab sosial korporat kepada pekerja-pekerja dan masyarakat tempatan untuk mengaut lebih keuntungan, mereka mengimport pekerja asing dan menggantikan pekerja tempatan.

Jika pekerja tempatan dibenarkan untuk menjalankan aktiviti penternakan dan pertanian sebagai pendapatan tambahan disebabkan upah yang rendah, maka lebih ramai orang tempatan akan bekerja di ladang-ladang. Bandar Kecil Chaah, Johor dikelilingi oleh ladang-ladang Achi Jaya.

Petani tidak mempunyai tempat untuk pertanian dan memelihara haiwan-haiwan ternakan untuk perladangan tenusu. Kerajaan perlu memantau situasi ini dan melihat ladang-ladang kelapa sawit tersebut tidak membenarkan pekerja menternak haiwan. Malaysia telah membelanjakan berbilion-bilion ringgit untuk mengimport tenusu dan daging import. Perbelanjaan mata wang asing ini boleh disimpan dengan menggalakkan pengeluaran tempatan. Bolehkah kementerian memaklumkan perbelanjaan setiap tahun untuk mengimport susu, produk tenusu, buah-buahan dan sayur-sayuran. Berapakah jumlah produk-produk ini dikeluarkan dalam negara?

Apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan pengeluaran produk tempatan? Bolehkah Menteri memberikan data berkenaan pengimportan makanan terkini dan lima tahun yang lalu? Adakah kerajaan telah menambah baik teknologi untuk menjadi lebih efisien dan meningkatkan kualiti produk-produk ini di peringkat daerah, veterinar tempatan dan jabatan Pertanian perlu menggalakkan lebih banyak pengeluaran makanan. Veterinar dan jabatan pertanian mesti menjadi pengantara rundingan antara pekerja dan pengurusan estet supaya mereka boleh menggunakan tanah yang sama untuk lebih daripada satu tujuan. Multinasional Corporation boleh bermula dalam skala besar pertanian buah-buahan tetapi petani tempatan tidak mendapat sokongan kerajaan, boleh Menteri jelaskan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat menjawab.

5.35 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Chua Tee Yong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada ucapan penangguhan daripada Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas tani sentiasa menggalakkan penglibatan ladang-ladang kelapa sawit dalam aktiviti penternakan lembu secara integrasi, Kementerian Pertanian dan Kementerian Perusahaan Perladangan Komoditi telah

mengadakan kerjasama melalui perbincangan mengenai perkara ini dan pada dasarnya bersetuju untuk menyediakan satu garis panduan yang seragam dan bersepadu bagi melaksanakan aktiviti ini. Bagi menyahut hasrat kerajaan untuk menggalakkan pelaksanaan aktiviti ini, MoA iaitu Kementerian Pertanian melalui *Entry Point Project* (EPP5) penternakan lembu secara integrasi di bawah NKEA pertanian telah melibatkan sebanyak 25 buah ladang kelapa sawit di seluruh Malaysia untuk menjalankan penternakan lembu secara integrasi. Keseluruhan projek ini melibatkan keluasan ladang seluas 543 ribu hektar dan sebanyak 5,355 ekor lembu.

Kerajaan menyasarkan sebanyak 300 ribu ekor lembu boleh ditenak menjelang tahun 2020 yang meliputi lembu daging dan lembu baka. Dalam hal ini juga, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi sebenarnya tidak mempunyai kuasa untuk memaksa pemilik-pemilik ladang menternak lembu atau kambing di ladang sawit kepunyaan mereka disebabkan tanah ladang sawit tersebut adalah hak milik persendirian. Walau bagaimanapun, NPIC melalui Agensi Ladang Minyak Sawit Malaysia telah menggalakkan pemilik-pemilik ladang untuk melaksanakan aktiviti peneteranakan dan turut mengesyorkan kaedah menternak lembu serta kambing yang berdaya maju dari segi teknikal dan ekonomi iaitu melalui sistem ragutan bergilir.

Saya juga tertarik dengan ucapan penangguhan Yang Berhormat Senator yang mengatakan di kawasan bandar kecil Chaah, Johor, petani tidak mempunyai tempat untuk pertanian dan memelihara haiwan ternakan. Sebenarnya saya telah mendapat surat daripada Achi Jaya Plantation Sdn Bhd, daripada pengurusnya yang mengatakan bahawa terutamanya di kawasan Ladang Sungai Gechang adalah salah bahawa terdapat tuduhan di mana pihak ladang tidak membenarkan untuk memelihara ternakan lembu kerana ia adalah tidak berasas sama sekali. Mereka telah memberi keputusan kepada pekerja-pekerja supaya terlibat dalam kegiatan ternakan dengan syarat-syarat yang perlu dipenuhi.

Oleh itu saya harap Yang Berhormat kalau mempunyai masa, boleh berjumpa dengan pengurus untuk mendapatkan maklumat yang selanjutnya. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik kementerian bagi tahun 2007 hingga 2011, jumlah import susu dan produk tenusu ke Malaysia adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah import (RKM / bilion)
2007	2.61
2008	2.68
2009	1.69
2010	2.03
2011	2.5

Produk-produk yang diimport adalah termasuk penghasilan tenusu, krim, tepung, dan isian lemak manis.

■ 1740

Pengeluaran susu tempatan selama tempoh tersebut pula adalah seperti berikut:

Tahun	Hasil Pengeluaran (RM / juta)
2007	79
2008	87
2009	118
2010	127
2011	134

Tahap sara diri bagi komoditi susu pada tahun 2011 adalah pada 5% dengan kadar pertumbuhan diunjurkan sebanyak 5.8%. Bagi meningkatkan peningkatan susu tempatan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan program *cluster* tenusu di bawah NKEA di bawah *National Key Economic Area*, dengan izin, pertanian di mana *entry point project* 13 di mana penternak-penternak diberi bantuan baka lembu tenusu dan peralatan berkaitan.

Sebenarnya dari segi jumlah keseluruhan nilai import bahan makanan negara pada tahun 2011, ia adalah berjumlah RM34.5 bilion tetapi eksportnya pula adalah RM20 bilion. Pada tahun 2007, nilai import adalah sebanyak RM26 bilion tetapi dari segi eksport adalah sebanyak RM15.7 bilion. Maka dari segi imbalan dagangan di antara 2011 dan 2007 adalah sebanyak satu adalah RM13 bilion dan satu lagi kalau tidak salah adalah sebanyak RM10 bilion.

Daripada nilai import tahun 2011, sebanyak 18.7% adalah merupakan jumlah nilai import untuk susu dan hasil susu, sayur-sayuran serta buah-buahan. Import buah-buahan telah meningkat daripada RM800 juta pada tahun 2007 kepada RM1.6 bilion pada tahun 2011 kerana jenis-jenis buah-buahan yang diimport adalah buah-buahan yang tidak *economic* atau tidak sesuai untuk dihasilkan dalam negara kita seperti epal, oren, limau mandarin, *pear*, anggur dan kurma. Sementara itu, peningkatan nilai import sayuran adalah daripada RM1.9 bilion pada tahun 2007 kepada RM7.1 bilion pada tahun 2011.

Namun demikian, di sebalik kenaikan import bahan makanan tersebut, pengeluaran komoditi makanan utama masih mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan iaitu pada kadar 5.5% setahun bagi tempoh 2007 hingga 2011 walaupun berhadapan dengan berbagai krisis di peringkat global termasuk krisis minyak dan kewangan yang telah meningkatkan kos pengeluaran makanan.

Pengeluaran susu telah menunjukkan pertumbuhan yang baik pada kadar 9.3% sepanjang lima tahun tersebut iaitu daripada 51 juta liter kepada 88 juta liter. Pada masa itu, pengeluaran sayur-sayuran juga mencatatkan peningkatan pada kadar 7.1% dan juga buah-buahan meningkat daripada 1.4 juta tan metrik kepada 1.7 juta tan metrik. Kerajaan sentiasa menggalakkan usaha bagi menambah baik penggunaan teknologi dalam penghasilan produk-produk pertanian termasuklah produk tenusu.

Pelbagai strategi dan langkah telah diambil oleh kerajaan dalam memastikan jaminan bekalan makanan dalam negara dan juga meningkatkan pengeluaran makanan negara. Ini termasuk pelaksanaan projek berimpak besar seperti Projek Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), *Zone Industrial Agriculture* (ZIA), Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta *Entry Point Project* di bawah NKEA pertanian.

Selain daripada itu, tanah pertanian akan digunakan secara optimum di mana kawasan tanaman semula kelapa sawit akan dibangunkan dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nanas, tembikai serta menjalankan produk integrasi ternakan di kawasan perladangan industri. Penyelidikan dan pembangunan pula ditumpukan kepada R&D bagi peningkatan hasil secara mampan. Antara bidang tumpuan R&D adalah pembangunan *variety* dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan *agriculture* serta bioteknologi.

Kementerian juga akan terus membangunkan sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan kerajaan, pihak swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pemasaran, meningkatkan aktiviti nilai tambah serta mengurangkan risiko perniagaan. Selain usaha daripada pihak kerajaan, inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara memerlukan penglibatan aktif pihak swasta.

Bagi menggalakkan pihak swasta untuk terus melabur dalam pengeluaran makanan, insentif fizikal termasuk pelaburan semula dan baru dicadangkan diperluaskan meliputi semua aktiviti pengeluaran dan pemprosesan. Pinjaman mudah yang mencukupi akan disediakan melalui Agro Bank dan TEKUN dan akses kepada pembiayaannya akan diperbaiki.

Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, usul penangguhan sebagaimana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan sekarang dan akan bersidang semula pada jam 10 pagi pada hari esok 11 Julai 2012. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.46 petang.